

■®- PARLIMEN
MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUABELAS 2012

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARI SELASA : 12 JUN 2012

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 7
HINGGA 111)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 6
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN**

KEDUA BELAS (2012)

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI
[LEDANG]**

TARIKH

13 JUN 2012

SOALAN

7

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah peranan National Institute Biotechnology of Malaysia dalam meningkatkan kualiti R&D yang dijalankan oleh penyelidik tempatan dan apakah bidang- bidang utama yang boleh membantu mempercepatkan pencapaian NKEA.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) merupakan gabungan Institut Genom Malaysia (MGI), Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (iPharm) dan Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) dan distruktur semula kepada sebuah organisasi berautonomi dan bukan bermotifkan keuntungan yang beroperasi di bawah Akta Syarikat 1965.

Gabungan ini telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 27 Jan 2011. Penubuhan National Institutes Biotechnology of Malaysia (NIBM)

merupakan langkah strategik ke arah mewujudkan satu kelompok institut penyelidikan yang ditadbir urus secara berpusat yang memberi penekanan khusus kepada program penyelidikan dan pembangunan komersil bagi memastikan penyaluran hasil penyelidikan secara pantas kepada entiti dan industri tempatan dan global.

NIBM terlibat secara langsung dengan *Key Result Area* (KRA) MOSTI iaitu Peningkatan Penjanaaan Teknologi Baru dan Inovasi, Pemantapan Sistem Inovasi Kebangsaan Meningkatkan Perkhidmatan Saintifik dan Keupayaan STI untuk Sistem Penyampaian yang Inovatif dan Cekap.

Untuk tujuan penyaluran hasil penyelidikan (technology transfer) kepada industri tempatan ini, pelbagai kegiatan nilai tambah daripada pelesenan harta intelek termasuk penyediaan pakar serta peluang akses kepada peralatan canggih disediakan kepada usahawan tempatan.

Dengan adanya penyaluran teknologi kepada industri tempatan melalui kegiatan NIBM, pulangan dari pelaburan di dalam kegiatan R & D seperti jumlah pekerjaan baru, jumlah produk R & D tempatan di pasaran global, penglibatan syarikat-syarikat tempatan yang memasarkan produk ke pasaran global dan penjanaaan pendapatan dari sumber ekonomi baru di dalam bidang bioteknologi dapat dicapai seperti mana yang digariskan di dalam Dasar Bioteknologi Kebangsaan.

Tuan Yang di - Pertua

Bidang-bidang utama di NIBM yang boleh membantu mempercepatkan pencapaian Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) melalui aktiviti R&D yang sedang dijalankan antaranya:

- (i) Penyelidikan translasi (translational research) sebagai teknologi teras dalam genomik, proteomik dan bioinformatik untuk penemuan novel enzim protein dan peptida yang berfungsi sebagai pemangkin biologi yang amat diperlukan oleh pelbagai industri tempatan dan antarabangsa. (NKEA yang terlibat ialah NKEA 1: Minyak, Gas dan Tenaga);
- (ii) Dalam bidang agrobioteknologi, teknologi transgenik dan *gene stacking* diaplikasikan bagi mencipta baka-baka baru tanaman yang lebih baik, *bio-pharming* untuk menjadikan tumbuhan dan sel mikrob sebagai kilang pengeluar vaksin, enzim metabolit serta *food bio-peptides* untuk menjadikan makanan lebih berkhasiat dan baik untuk kesihatan. Aktiviti-aktiviti ini menyokong beberapa EPP di bawah NKEA 11 : Pertanian. Selain itu, ABI juga terlibat secara langsung dalam R&D berkaitan dengan rumpai laut (sea weed) bagi menyokong EPP 3 di bawah NKEA Pertanian.
- (iii) Melalui EPP 1 NKEA Pertanian, iaitu nilai daripada biodiversiti Malaysia melalui produk herba diperolehi daripada pembangunan ubat-ubatan dan juga produk nutraseutikal daripada tumbuhan herba melalui penyelidikan asas, pembangunan asai (assay development), bio-penskrinan, *hits to lead, lead optimization* dan

3

bioproses yang dijalankan oleh iPharm. Aktiviti ini menyokong EPP 2 di bawah NKEA Kesihatan iaitu mewujudkan ekosistem sokongan untuk meningkatkan ujian klinikal.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH

SOALAN NO: 8

Y.B DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PAD A PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH 13 JUN 2012

SOALAN

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah usaha untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti perkhidmatan kesihatan seluruh negara serta pertambahan peruntukan kesihatan negara berbanding dengan yang ada sekarang hanya 4.3% dari KDNK.

Tuan Yang di-Pertua

KKM memang prihatin dan sentiasa berusaha serta mengambil pelbagai langkah bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti perkhidmatan kesihatan seluruh negara supaya perkhidmatan kesihatan dapat disediakan kepada rakyat seperti yang diharapkan. Enam aspek kualiti perkhidmatan dititikberatkan iaitu ketepatan masa, kesesuaian, keberkesanan, kecekapan, keselamatan pesakit dan kepuasan pesakit. Dari segi kuantiti, pihak KKM sentiasa berazam untuk lebih produktif dalam menyediakan perkhidmatan.

Setiap tahun terdapat peningkatan dalam jumlah peruntukan Belanja Mengurus bagi KKM. Pada tahun 2008, jumlah peruntukan Belanja Mengurus KKM adalah RM 11.569 bilion dan meningkat kepada RM12.173 bilion pada tahun 2009. Pada tahun 2010 pula, jumlah peruntukan yang diluluskan adalah RM12.697 bilion. Seterusnya, peruntukan Belanja Mengurus KKM bagi tahun 2011 telah meningkat kepada RM 14.899 bilion dan pada tahun 2012 pula meningkat kepada RM14.998 bilion.

Peningkatan peruntukan ini membolehkan KKM menampung kos yang sentiasa meningkat, di samping menyediakan perkhidmatan yang lebih baik melalui langkah-langkah seperti berikut:

- i. Bilangan hospital dan institusi perubatan telah meningkat dari 137 buah pada 2007 kepada 141 buah pada 2012. Jumlah katil telah meningkat sebanyak 1.7% dari 37,149 katil pada 2007 kepada 37,793 katil pada 2012. Selaras dengan naik taraf infrastruktur, pihak Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan berjumlah RM107 juta pada tahun 2011 untuk membeli peralatan perubatan baru atau menaik taraf peralatan perubatan agar rakyat dapat menikmati kemudahan kesihatan dengan peralatan perubatan yang terkini dan canggih;
- ii. Sebanyak 31 buah hospital telah melaksanakan perkhidmatan pembedahan hari Sabtu bertujuan mengurangkan masa menunggu pembedahan dan memenuhi keperluan pesakit yang semakin ramai dan waktu operasi di 64 buah klinik kesihatan juga dilanjutkan sehingga 9.30 malam untuk memberi peluang kepada pelanggan mendapatkan perkhidmatan selepas waktu pejabat;
- iii. Sebanyak 2,949 kemudahan kesihatan telah dibangunkan sehingga

tahun 2011, dari jumlah itu 52.8% klinik kesihatan (KK) adalah di luar Bandar. Manakala untuk Klinik Desa, 93.3% terletak di luar bandar. Sehingga kini, 100 Klinik 1 Malaysia sedang beroperasi di seluruh negara;

- iv. Sehingga Disember 2011, terdapat 1,562 fasiliti kesihatan pergigian di seluruh negara termasuk fasiliti statik (klinik pergigian) dan bergerak (Pasukan Pergigian Bergerak dan Klinik Pergigian Bergerak) dan 193 fasiliti kesihatan (klinik dan hospital) yang menyediakan khidmat kepakaran pergigian pelbagai bidang. Perkhidmatan kesihatan pergigian juga boleh didapati di 577 Klinik Kesihatan dan 64 hospital di seluruh negara;
- v. Pegawai Perubatan juga telah ditempatkan bukan sahaja di klinik kesihatan yang besar, tetapi juga termasuk di klinik pedalaman dan klinik bergerak. Sehingga kini, terdapat 3,610 Pegawai Perubatan berkhidmat di 2,949 fasiliti kesihatan dan seramai 196 Pakar Perubatan Keluarga juga telah ditempatkan di klinik-klinik kesihatan seluruh negara;
- vi. Kementerian juga telah mensasarkan nisbah doktor kepada penduduk sebanyak 1:400 orang menjelang tahun 2020;
- vii. Sehingga 31 Mei 2012, 49 hospital KKM telah berjaya mengekalkan pensijilan akreditasi dan bagi sektor swasta, 25 buah hospital dari 32 buah hospital yang telah dinilai telah mengekalkan pensijilan akreditasi; dan
- viii. Beberapa hospital dengan perkhidmatan tertier bagi kanser, rehabilitasi dan wanita dan kanak-kanak telah dirancang semenjak RMKe-9. Pada

masa ini, Hospital Rehabilitasi Cheras telah siap dan dijangka beroperasi pada Jun 2012. Institut Kanser Negara, Putrajaya, dan Hospital Wanita dan Kanak-kanak Kuala Lumpur masih dalam pembangunan.

Dari aspek perkhidmatan farmaseutikal, KKM telah menyediakan Dasar Ubat Nasional (DUNAS) yang memberi keutamaan kepada pelaksanaan strategi-strategi yang akan memastikan ketersediaan ubat yang berkualiti, selamat, berkesan dan mampu diperolehi oleh rakyat, memastikan ubat-ubat penting dapat diperolehi dengan sama rata di seluruh negara dan menggalakkan penggunaannya secara rasional oleh pengamal perubatan dan pengguna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia di tangga ketiga teratas dari kelompok 10 negara ASEAN selepas Brunei dan Singapura pada tahun 2010 dari segi kemajuan kesihatan awam seperti yang dilaporkan dalam jurnal *The Lancet*, Vol 377 bertarikh 29 Januari 2011.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13 JUN 2012 (RABU)

DARI PADA : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]

SOALAN

SOALAN(10)

Y.B. DATO¹ NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan

- (a) apakah usaha terkini Kerajaan bagi mentransformasikan minda masyarakat supaya program Kitar Semula mencapai sasarannya menjelang 2020; dan
- (b) apakah respons masyarakat serta kejayaan pengguna 5 buah mini incinerator yang telah dilaksanakan di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil beberapa pendekatan dalam usaha untuk mentransformasikan pemikiran masyarakat supaya program kitar semula mencapai sasarannya menjelang tahun 2020. Di antara pendekatan utama yang diambil adalah dengan mengadakan aktiviti-aktiviti kesedaran awam dan penyebaran maklumat kepada dua kategori sasaran iaitu masyarakat umum dan para pelajar.

Bagi masyarakat umum, Kerajaan menerusi kerangka kejiranan hijau, sedang giat mempromosikan kegiatan pengkomposan sisa makanan sebagai salah satu aktiviti kitar semula. Dalam usaha ini, Kerajaan cuba untuk menarik minat penduduk untuk melakukan pengkomposan sisa makanan secara individu atau sebagai ahli masyarakat setempat. Dalam pada itu, Kementerian bersama-sama Universiti Putra Malaysia, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun juga

telah

melancarkan projek Bandar Biomass di Seri Serdang sebagai salah satu usaha mentransformasi minda masyarakat mengenai kitar semula. Projek ini melibatkan beberapa perkara seperti pengasingan sisa makanan di kawasan penjaja, pengkomposan oleh penduduk Sri Serdang sendiri dan juga pembinaan loji biogas (*anaerobic digestion*).

Kementerian juga bekerjasama dengan media massa dan elektronik untuk menyebarkan maklumat-maklumat mengenai program kitar semula kepada orang ramai. Di bawah inisiatif *National Key Economics Area* (NKEA) Greater KL/KV juga, banyak aktiviti penyebaran maklumat-maklumat berkaitan dengan kitar semula telah dilancarkan.

Di samping itu, bagi menggerak masyarakat untuk mentransformasi minda mereka ke arah aktiviti kitar semula, Kerajaan akan mewujudkan sistem kutipan di mana bahan-bahan kitar semula akan dikutip setiap minggu daripada rumah-rumah bagi negeri-negeri yang menerimapakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672]. Sistem ini akan bermula pada 1 September 2012 di bandaraya dan di ibu negeri-ibu negeri berkaitan. Kerajaan percaya dengan mekanisme

kutipan baru ini, masyarakat akan terdidik untuk mengasingkan sisa mereka di punca sebelum membuang ke dalam tong-tong sampah.

Peluang melentur buluh biarlah dari masa rebungunya. Justeru itu, program dan aktiviti telah diadakan di sekolah-sekolah sama ada rendah mahupun menengah bagi menerapkan nilai-nilai cintakan alam sekitar menerusi pengamalan kitar semula sebagai satu gaya hidup. Umpamanya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Maybank Berhad telah mengadakan program Bank Kitar Semula di peringkat sekolah sebagai aktiviti kokurikulum. Menerusi inisiatif ini, adalah diharapkan para pelajar akan dapat mempelajari mengenai pengurusan sisa pepejal yang mapan dan pengamalan kitar semula.

Tuan Yang DiPertua,

(b) Selama ini, negara banyak bergantung kepada tapak-tapak pelupusan bagi tujuan pelupusan sisa pepejal. Pembinaan tapak-tapak pelupusan sisa pepejal ini memerlukan kawasan yang agak luas. Pada ketika ini, terdapat 176 tapak pelupusan yang masih lagi

beroperasi. Bagi mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan sisa pepejal terutama di tempat yang mempunyai tanah yang terhad, maka Kementerian telah membina 4 buah mini insinerator di beberapa lokasi strategik iaitu Pulau Pangkor, Pulau Tioman, Cameron Highlands dan Pulau Langkawi. Sebuah lagi insinerator di Labuan sedang dalam pembinaan. Dalam hal ini, respons masyarakat telah diambilkira ketika penyediaan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar. Bagi pembinaan insinerator di Pulau Pangkor, Pulau Tioman dan Pulau Langkawi, tiada respons negatif yang diterima kecuali di Cameron Highland di mana terdapat segelintir ahli masyarakat setempat tidak bersetuju dengan pembinaan insinerator atas alasan pencemaran alam sekitar. Dalam hal ini, Kementerian ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa

Kementerian telah mengambil semua langkah yang wajar bagi menjaga kesihatan awam dan perlindungan alam sekitar. Pembinaan insinerator-insinerator berkaitan telah mengambilkira kesemua aspek persekitaran lokasi projek berkenaan dari segi

perancangan, pembinaan dan pengawal seliaan kelak untuk memastikan keselesaan rakyat di kawasan berkenaan tidak diabaikan.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Jun 2012

PERTANYAAN : **LI SAW**

DARIPADA : **BATQ^S3A1PUDD1W NASUT10N BIN ISMAIL**

TARIKH 13 JUN 2012 (RABU)

SOALAN *MO. 10*

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] rrinta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah peminjam PTPTN di kalangan siswazah IPTA/IPTS yang senarai hitam serta implikasi kepada peminjam yang disenarai hitam oleh pihak Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah melaksanakan pelbagai kaedah dan pendekatan yang fleksibel termasuklah langkah dalam menyenarai hitam peminjam tegar seteah pelbagai langkah peringatan agar membayar balik pinjaman tidak dipedulikan oleh peminjam. Proses penyenaiaan hitam ke atas peminjam tidak sewenang-wenangnya diambil dan ia merupakan tindakan terakhir selepas peminjam masih gagal membuat bayaran balik atau tampil berunding. Tindakan yang diambil sebelum proses senarai hitam adalah seperti berikut-

- i. Notis tuntutan dengan jadual bayaran balik akan dihantar kepada peminjam setelah tamat tempoh enam (6) bulan bagi memaklumkan tanggungjawab mereka untuk memulakan bayaran baik;
- ii. Sekiranya dalam tempoh 60 hari selepas notis tuntutan di atas, PTPTN masih tidak menerima bayaran balik atau sebarang maklum balas, notis peringatan pertama akan dikeluarkan. Sekiranya pada 60 hari berikutnya peminjam masih ingkar, maka notis peringatan kedua pula akan dikeluarkan. Notis peringatan terakhir dikeluarkan melalui panel peguam yang dilantik jika selepas 3 bulan peminjam didapati masih ingkar; dan
- iii. Sekiranya peminjam masih lagi mengabaikan tanggungjawab mereka selepas 3 bulan menerima notis peringatan terakhir ini, langkah seterusnya ialah dengan menghantar '*Letter of Demand*', yang juga dikendalikan oleh panel peguam bagi memberi peluang terakhir kepada peminjam melunaskan kesemua jumlah ansuran bulanan yang tertunggak. Peminjam yang bertanggungjawab sepatutnya menampilkan diri atau berhubung dengan pihak PTPTN selepas menerima notis-notis peringatan di atas (empat notis peringatan kesemuanya). Pada peringkat ini peminjam masih boleh berunding bagi menyelesaikan jumlah pinjaman yang tertunggak.

Sekiranya peminjam masih gagal memberi maklum balas pada peringkat ini, nama mereka akan dihantar ke Jabatan Imigresen untuk disenarai hitam. Selanjutnya, sekiranya masih ingkar lagi, PTPTN akan meneruskan tincfakan undang-undang dengan memfailkan saman ke mahkamah untuk mendapatkan penghakiman sekaligus menuntut kesemua baki pinjaman.

Namun demikian, PTPTN masih mengambil pendekatan yang berlembut (*soft approach*) dan mesra pelanggan. Peminjam yang terlibat masih boleh merundingkan pendahuluan bayaran balik yang boleh dibayar dan komitmen bayaran ansuran bulanan seterusnya bagi pelepasan daripada senarai hitam. Langkah yang telah dinyatakan memperlihatkan bahawa tindakan larangan keluar negara yang diambil oleh PTPTN bukanlah tindakan yang dibuat secara sewenang-wenangnya tanpa memberikan ruang kepada peminjam.

PTPTN telah melaksanakan penyenaian hitam peminjam melalui Jabatan Imigresen Malaysia bagi peminjam 1PTA/IPTS mulai pada tahun 2008. Sehingga 30 April 2012, seramai 132,801 peminjam telah disenarai hitam. Daripada jumlah tersebut seramai 26,119 peminjam telah membuat bayaran balik melibatkan jumlah bayaran balik sebanyak RM183.67 juta.

Peminjam yang telah dikenakan tindakan senarai hitam oleh PTPTN, akan mendapat dua (2) implikasi jangka panjang iaitu tidak akan dibenarkan untuk memohon atau memperbaharui pasport dan peminjam juga tidak akan dibenarkan keluar negara oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Walau bagaimanapun peminjam dinasihatkan untuk membuat semakan terlebih dahulu dengan PTPTN melalui laman web PTPTN atau

menghubungi PTPTN di talian hotline 03-2080 4455 sebelum keluar negara bagi memastikan segala urusan peminjam berjalan lancar.

| | |
|------------|-----------------------------------|
| PERTANYAAN | BAGI JAWAB LISAN |
| DARI PADA | Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] |
| TARIKH | 13 Jun 2012 (Rabu) |
| SOALAN | 11 |

Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan setakat mana liberalisasi separuh (partial liberalisation) Dasar Cabotage dapat menepati matlamatnya serta keberkesanannya dalam usaha mengurangkan jurang perbezaan harga antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Tuan Yang Di Pertua,

Harga barang-barang yang diimport ke Sabah dan Sarawak ditentukan oleh pelbagai faktor khususnya kos pengangkutan kapal (*freight*), kos pelabuhan dan kos logistik di daratan. Selain daripada kos *freight* kapal, faktor-faktor lain yang saya sebutkan seperti kos pelabuhan, kos logistik di daratan, termasuk kos insuran dan, margin keuntungan jualan barangan, langsung tidak mempunyai kaitan dengan Dasar Kabotaj. Perlu ditegaskan, kesemua kos-kos ini turut menyumbang kepada penentuan harga sesuatu barangan terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman ahli-ahli Y.B, berdasarkan rekod bahawa kos *freight* atau kadar purata *fret* dari Pelabuhan Kelang ke Sabah dan Sarawak

semenjak 1993-2011 adalah dalam kadar yang sentiasa menurun iaitu bagi kontena 20 kaki misalnya kos *freight* dari Pelabuhan Kelang ke Kota Kinabalu pada tahun 1993 USD 852, 1999 USD434, 2003 USD310, dan terkini 2011 USD283.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan memang prihatin dan sentiasa mengambil berat mengenai kebajikan rakyat di Sabah dan Sarawak. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah dan sedang meneruskan program-program tertentu melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi (KPDNKK) dalam mengurangkan beban dan menyeragamkan harga barang-barang keperluan seperti Projek Pengedaran Barang Perlu, Penyeragaman Harga Gas Petroleum Cecair (LPG) dan Penyeragaman Harga Petrol dan Diesel (*Community Drumming*). Setakat ini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM70 juta untuk maksud ini.

Kerajaan juga telah mewujudkan sebuah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Logistik dan Kos Sara Hidup di Sabah dan Sarawak bagi mengenal pasti faktor-faktor kenaikan harga barang dan mengesyorkan langkah-langkah untuk menanganinya. Untuk makluman Jawatankuasa Kabinet Mengenai Logistik dan Kos Sara Hidup yang dipengerusikan oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri akan mengadakan mesyuarat pertama pada 14 Jun 2012.

PEMBERITAHU
PERTANYAAN
PERTANYAAN DEWAN LISAN
DARIPADA RAKYAT Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]
TARIKH 13 JUN 2012

SOALAN:

YB. Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan pencapaian dan status terkini pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) setelah dua tahun dilaksanakan dan apakah halangan dalam melaksanakan dasar tersebut

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cabaran pendidikan pada masa kini dan akan datang memerlukan suatu transformasi yang lebih menyeluruh termasuk dalam sistem pendidikan negara. Ini untuk menjadikan sistem pendidikan negara relevan memenuhi tuntutan semasa dan berupaya membangunkan modal insan yang mampu bersaing sama ada di peringkat nasional mahu pun global. Justeru, beberapa penambahbaikan telah pun dimulai dan dilaksanakan dalam usaha kementerian melakukan transformasi tersebut. Langkah awal yang dilakukan termasuklah pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) mulai tahun 2010 dan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011 untuk kohort tahun 1.

Penambahbaikan kurikulum yang dilaksanakan ini akan memberi ruang dan peluang kepada guru untuk mengenai pasti strategi penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran (p&p) secara berterusan. Transformasi ini juga diharapkan akan menjadi

dorongan kepada para guru bagi mencerna dan menjana pelbagai kaedah p&p yang lebih kreatif dan inovatif.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia, KPM mula menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan mulai tahun 2002 dan diperluaskan ke semua semua tadika tajaan kerajaan, bantuan kerajaan, NGO dan swasta pada 1 Januari 2003. Langkah awal ini bertujuan untuk menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah. Ini juga bertujuan untuk memastikan proses sosialisasi dapat diterapkan dan dipupuk dalam kalangan murid sebelum mereka melangkah ke pendidikan rendah.

Sebagai langkah penambahbaikan sistem pendidikan peringkat pra sekolah, KPM telah memperkenalkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) pada tahun 2010. Kurikulum ini telah memberi penekanan yang lebih komprehensif ke atas standard kandungan dan pembelajaran yang patut dilakukan oleh guru dan seharusnya diperoleh oleh kanak-kanak di peringkat umur empat hingga enam tahun. Pembangunan kurikulum berpaksikan kepada enam tunjang utama pembelajaran iaitu komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, sains dan teknologi, perkembangan fizikal dan estetika serta perkembangan keterampilan diri. Di samping itu, kemahiran literasi dan numerasi asas murid juga dipertingkatkan, pemupukan keyakinan diri dan konsep diri yang positif dalam diri murid-murid juga diberi penekanan dalam proses p&p.

Tuan Yang di-Pertua,

Di peringkat sekolah rendah pula, **Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)** telah dilaksanakan secara berperingkat mulai 2011 bagi kohort Tahun 1 di semua sekolah rendah seluruh negara. Kurikulum ini dibangunkan dengan penambahbaikan ke atas Kurikulum **Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR)** yang digunakan sebelum ini. Di bawah kurikulum baru ini, beberapa pembaharuan telah dilakukan termasuklah :

- a) Reka bentuk kurikulum secara modular yang merupakan kesinambungan KSPK juga berasaskan kepada enam (6) tunjang yang merangkumi komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, perkembangan fizikal dan estetika, sains dan teknologi serta keterampilan diri;
- b) Mempunyai organisasi pembelajaran melalui modul teras asas, modul teras tema dan modul elektif bagi murid-murid di tahap 1 dan mata pelajaran teras dan elektif di Tahap 2;
- c) Memberi fokus kepada 4 M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul; dan
- d) Memberi penekanan kepada p&p yang berorientasikan kreativiti dan inovasi, keusahawanan dan teknologi maklumat dan komunikasi secara eksplisit.

Selain itu, KSSR juga mengguna pakai empat tonggak pendidikan UNESCO, iaitu belajar untuk mengetahui (*learning to know*), belajar untuk bertindak (*learning to do*), belajar untuk hidup bersama (*learning to live together*) dan belajar untuk membentuk peribadi (*learning to be*). Pendekatan baru ini dilaksanakan adalah untuk memastikan perkembangan potensi murid dapat dicerna secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu bagi menyediakan modal insan yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Oleh kerana pelaksanaan KSSR ini baru melangkah tahun kedua, saya tidak dapat menjelaskan secara terperinci mengenai pencapaian KSSR. Namun, berdasarkan dapatan awal kajian dan pemantauan yang dilakukan oleh kementerian, menunjukkan pelaksanaan KSSR secara keseluruhannya berjalan dengan lancar, di mana para pentadbir dan guru berpandangan positif dan beryakinan penuh terhadap pelaksanaan kurikulum tersebut. Di samping itu, kemenjadian dan potensi murid dapat ditonjolkan, di mana murid-murid menunjukkan minat dan seronok untuk belajar melalui pendekatan elemen didik hibur, yang ditekan semasa proses pengajaran dan pembelajaran

dilaksanakan. Sebagai contoh, murid didapati sangat berminat melibatkan diri dalam pembelajaran yang melibatkan nyanyian, lakonan dan bercerita. Mereka juga didapati mampu membaca petikan dengan sebutan, intonasi dan jeda yang betul. Selain itu, aktiviti menulis yang dipelbagaikan dalam p&p juga membantu memantapkan kemahiran penulisan murid, terutamanya dalam menulis huruf kecil dan huruf besar dengan betul.

Dari segi penerapan nilai murni dalam kalangan murid, didapati murid-murid telah menunjukkan nilai moral yang baik ketika proses p&p berlangsung, dan memberikan kerjasama yang amat memberangsangkan serta mematuhi arahan guru. Di samping itu, perkembangan yang positif juga dapat dilihat terhadap pencapaian guru dalam menyediakan perancangan dan pendekatan proses pengajaran yang lebih berfokus. Dalam usaha memastikan guru benar-benar menguasai pendekatan p&p yang disediakan, proses bimbingan terus dilaksanakan melalui penggunaan dokumen Panduan Guru untuk memastikan guru-guru dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua,

Segala usaha yang dilakukan ini memberi keyakinan bahawa penambahbaikan kurikulum dan beberapa perubahan yang dilakukan ini akan membuahkan hasil seperti yang diharapkan. Kita ingin modal insan yang dijana ini dari sistem pendidikan di negara akan berupaya, dan mampu untuk menguasai pelbagai ilmu pengetahuan, kreatif, inovatif serta berkeترampilan dan menghargai keharmonian dan kemakmuran yang dinikmati selama ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

PERTANYAAN : ~~BAGI JAWABAN~~
~~DEWAN RAKYAT~~

DARIPADA Puan Teresa Kok Suh Kim [Seputeh]

TARIKH 13 Jun 2011 (Selasa)

SOALAN 13

Puan Teresa Kok Suh Kim [Seputeh] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah langkah yang diambil oleh jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh Kementerian yang menyelesaikan isu bantahan terhadap pemandu lori kontena yang membantah kenaikan harga terhadap lori kontena oleh pengurus depot. Bagaimana Kementerian mengelakkan isu ini daripada berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan pada 9 Mei 2012 telah memutuskan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa khas yang diselaraskan oleh MOT bagi menimbangkan opsyen-opsyen terhadap isu berbangkit berikutan protes oleh pemandu lori kontena di Lembah Kelang bagi maksud penyelesaian jangka panjang. Antara opsyen-opsyen adalah:

- (a) Pihak Berkuasa Tempatan dicadangkan akan setiap permohonan lesen depot atau pembaharuan lesen haruslah mendapat perkenan dan sokongan daripada Lembaga Pelabuhan. Di bawah mekanisme ini, lembaga pelabuhan akan menetapkan KPI dan operator menjalankan audit ke atas operator depoh-depoh untuk memastikan mereka memberi perkhidmatan mengikut piawaian prestasi yang

ditetapkan;

- (b) Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dicadangkan akan memasukkan depoh kontena sebagai sebahagian daripada bidang kuasa dan kawal selia SPAD di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 untuk memastikan perkhidmatan yang teratur dan sistematik;
- (c) Mewujudkan '*depot booking system*' bertujuan untuk meningkatkan tahap kecekapan operasi dan penyampaian perkhidmatan di kesemua depoh kontena.

Pelaksanaan cadangan di atas termasuk MOU yang telah ditandatangani syarikat *hauliers* dan syarikat pengusaha depoh yang melibatkan perlaksanaan sistem kredit dijangka dapat menangani isu yang dihadapi oleh pemandu lori *hauliers*.

Walau bagaimanapun, Kementerian akan sentiasa memantau keadaan supaya '*business dispute*' ini tidak berlanjutan sehingga menjejaskan keberkesanan operasi berkaitan di perlabuhan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA YB DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]]

TARIKH 13 JUN 2012

SOALAN

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI KESIHATAN** **SOALAN NO: 14** menyatakan kesediaan Kementerian memberi insentif menarik kepada rakyat yang menderma darah lebih 20 kali sebagai membalas usaha murni kepada mereka yang memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memberi insentif-insentif tertentu kepada para penderma darah. Pada masa ini, penderma darah menikmati insentif seperti yang tertera di dalam Jadual Keistimewaan Rawatan Penderma Darah di Fasiliti Kerajaan (Hospital, Institusi dan Klinik Kesihatan), KKM mengikut Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 5/2005 bertarikh 20 Julai 2005. Contohnya, untuk pendermaan darah melebihi 20 kali, insentif yang diberikan adalah percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas dua untuk tempoh 3 tahun. Pada masa yang sama, seorang penderma darah

(whole blood) yang telah menderma darah lebih 50 kali akan menikmati keistimewaan percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas satu untuk tempoh 10 tahun dan wad kelas dua seumur hidup selepas 10 tahun di wad kelas satu. Selain daripada keistimewaan untuk rawatan semasa kemasukan di wad, penderma berulang diberikan suntikan pelalian *Hepatitis B* secara percuma. Manakala, penderma apheresis akan menjalani ujian kesihatan setiap 6 bulan.

Langkah-langkah yang sedang diambil untuk menggalakkan lebih ramai rakyat untuk menderma darah adalah lebih menjurus kepada aktiviti untuk meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menjadikan pendermaan darah sebagai satu budaya hidup, di mana ahli masyarakat sedia bantu-membantu tanpa mengharapkan sebarang balasan. Berdasarkan prinsip ini, tiada insentif yang berbentuk imbuhan *material* yang dirancang untuk menggalakkan lebih ramai rakyat untuk menderma darah.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga menyarankan agar semua negara mengamalkan kutipan darah dari penderma secara sukarela tanpa dibayar (*voluntary non-remunerated donation*). Ini adalah berdasarkan kepada fakta bahawa penderma sukarela adalah golongan yang lebih selamat dan dapat memastikan bekalan darah yang berkekalan (*sustainable*) dalam masa jangka panjang. Oleh itu, negara kita juga mengamalkan prinsip ini untuk pendermaan darah.

Tuan Yang di-Pertua

Blood Transfusion Services Information System (BTSIS) merupakan pusat pengumpulan dan merekod data di peringkat Kementerian.

NO. SOALAN:15

dirujuk oleh Majlis Raja-Raja kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada tahun 2001 untuk mendapatkan pandangan.

Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam Mesyuarat Khasnya pada 15 Februari 2001 telah memutuskan bahawa "*Tiada halangan untuk*

menggunakan perkataan Islam oleh mana-mana pertubuhan, malahan digalakkan tetapi hendaklah berdisiplin ilmu, iman dan ehsan. Walau bagaimanapun mana-mana orang atau pertubuhan yang menggunakan Islam atau perkataan Islam untuk tujuan mengelirukan masyarakat atau penyelewengan adalah salah dan bercanggah dengan prinsip-prinsip syariat Islam dan boleh diambil tindakan menurut peruntukan undang-undang yang sedia ada". Oleh itu, semua pihak hendaklah menghormati dan mematuhi keputusan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.06.2012

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

(a) apakah status hasil siasatan oleh Suruhanjaya Sekuriti dalam perjanjian tukar saham antara MAS dan AirAsia Berhad; dan

(b) apakah faktor utama yang menyebabkan pembatalan penukaran saham tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perjanjian tukar saham antara Malaysia Airlines System Bhd (MAS) dan AirAsia Berhad (AirAsia) tidak tertakluk kepada penyiasatan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti.

2. Bagi pertanyaan kedua, dalam usaha untuk mempersiapkan MAS untuk menghadapi dasar Langit Terbuka Asean pada 2015 dan mentransformasi syarikat penerbangan negara tersebut untuk menjadi sebuah syarikat penerbangan yang mapan, kerjasama antara MAS dan AirAsia dilihat sebagai kaedah terbaik untuk mencapai matlamat ini berdasarkan pelbagai faedah sinergi yang dijangkakan.

3. Sehubungan itu, pertukaran saham yang dimeterai pada 9 Ogos 2011 di antara Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dan Tune Air (Tune Air) diperlukan bagi menyelaraskan kepentingan kedua-dua pemegang saham MAS dan AirAsia tersebut.

4. Namun demikian, sejak pelaksanaan pertukaran saham tersebut, beberapa kesatuan sekerja MAS tidak memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pengurusan MAS dan telah menentang beberapa usaha perubahan yang drastik tetapi amat penting untuk memulihkan MAS. Tambahan pula, berdasarkan persepsi negatif tentang pakatan harga (*price collusion*) dan tanggapan amalan anti-persaingan telah mengakibatkan tanggapan negatif daripada pihak awam tentang pertukaran saham tersebut. Hal ini telah memberi tekanan dan mengganggu tumpuan pengurusan MAS kepada usaha untuk memulihkan syarikat tersebut.

5. Hasilnya, pada 2 Mei 2012, Khazanah telah bersetuju untuk membatalkan pertukaran saham tersebut atas sebab ingin memberi peluang

NO SOALAN :/jf/1

kepada pengurusan MAS untuk menumpukan kepada usaha pemulihan syarikat selain meneruskan pelbagai inisiatif kolaborasi untuk mencapai faedah-faedah sinergi yang telah dikenal pasti.

SOALAN NO.: 17

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN DARIPADA LISAN
TARIKH DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAH MAN [PASIR SALAK] 13JUN 2012 (RABU)
SOALAN: Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [PasirSalak] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan bilakah bayaran pampasanpetani-petani Chui Chak yang tertunggak sekian lama dapat diselesaikan bayarannya.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Rancangan Pengairan Changkat Jong terletak disebelah utara Sungai Bidor dan di antara Jalan Langkap / Teluk Intan di Km 70 dan Jalan langkap / Chui Chak Di Km 6 di Mukim Changkat Jong Daerah Hilir Perak. Projek ini dilaksanakan pada tahun 1988 untuk mengatasi masalah punca air dan untuk membekalkan air di keseluruhan skim Pengairan Changkat Jong. Pihak Kementerian telah menerima permohonan pembayaran pengambilan balik tanah untuk Projek Rancangan Pengairan Changkat Jong (lot-lot tertinggal) Mukim Changkat Jong, Daerah Hilir Perak bagi urusan pembayaran EX-GRATIA sebanyak RM 762,496.00 pada Mac 2012 yang lalu. Pampasan ini adalah bagi lot-lot tanah yang tertinggal semasa urusan pengambilan balik tanah. Oleh kerana pembayaran ini adalah diluar jangkaan pihak Kementerian kerana permohonan ini diterima setelah hampir 24 tahun, maka pihak Kementerian tiada peruntukan untuk tujuan ini. Walaubagaimanapun pihak Kementerian telah memohon siling dan peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan. Sekiranya permohonan ini diluluskan pihak Kementerian akan menjelaskan bayaran pampasan bagi lot-lot tanah yang tertinggal di Skim Pengairan Changkat Jong.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH

LISAN
TUAN NGA KOR MING [TAIPING
] 13.06.2012 (RABU)

TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan
berapakah subsidi dan kos sebenar untuk menubuhkan “Kedai Rakyat 1
Malaysia”.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan mensasarkan sebanyak 85 buah KR1M beroperasi dalam tahun
2012. Sehingga 1 Jun 2012, sebanyak 36 buah KR1M telah beroperasi di
seluruh negara. Baki, sebanyak 49 lokasi lagi sedang dalam pelbagai
peringkat pelaksanaan dan mengenal pasti tapak.

Kerajaan hanya memperuntukkan dana sebanyak RM40 juta bagi kos
infrastruktur keseluruhan KR1M yang meliputi kos pengubahsuaian premis,

NO. SOALAN: 18

perkakas serta peralatan berkaitan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.Bi DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL]
T ARIKH 13 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Dato' Lilah bin YasIn [Jempol] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan

- (a) apakah kadar perbandingan di antara bilangan murid dan bilangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Kebangsaan seluruh Negara; dan
- (b) berapakah kos sebenar ditanggung oleh Kerajaan untuk tujuan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar perbandingan di antara bilangan murid dan bilangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) ialah 601,861 murid berbanding 34,631 guru. Manakala Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) pula, bilangan murid seramai 102,360 orang berbanding 8,576 guru. Bagi di Sekolah Kebangsaan (SK) pula, bilangan murid seramai 2.29 juta orang berbanding 186, 294 orang guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pada tahun ini, Kerajaan telah menyalurkan sejumlah RM8.5 bilion bagi SK, RM1.88 bilion bagi SJKC dan RM642.8 juta bagi SJKT melalui Peruntukan Belanja Mengurus 2012. Rjm 19

21 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH : 13 JUN 2012

SOALAN

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah Wawasan 2020 telah tercapai buat masa ini.

JAWAPAN

Kerajaan sentiasa komited untuk merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi, sebagaimana yang dihasratkan di bawah Wawasan 2020. Matlamat yang hendak dicapai tidak terhad kepada bidang ekonomi, malah meliputi aspek politik, sosial, kerohanian dan kebudayaan.

Sejak Wawasan 2020 dilancarkan pada tahun 1991, jurang pendapatan per kapita negara berbanding dengan pendapatan per kapita minimum bagi negara maju dapat dikurangkan kepada separuh daripada 68 peratus pada tahun 1990 kepada 34 peratus pada tahun 2010. Pendapatan per kapita minimum bagi negara maju pada tahun 1990 dan 2010 ialah AS\$7,621 dan AS\$12,276 masing-masing berbanding pendapatan negara pada tahun yang sama, iaitu AS\$2,447 dan AS\$8,126.

Bagi meneruskan hasrat Wawasan 2020, Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Dasar Transformasi Nasional yang merangkumi program transformasi Kerajaan, transformasi ekonomi, transformasi luar bandar dan transformasi politik untuk menjadi negara maju. Program transformasi ini akan memastikan Malaysia mencapai pertumbuhan ekonomi di sekitar 6 peratus setahun agar dapat meningkatkan pendapatan per kapita rakyat antara AS\$15,000 hingga AS\$18,000 menjelang tahun 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan program transformasi ini telah menghasilkan beberapa petunjuk awal sosio-ekonomi yang positif. Antaranya, ialah pencapaian pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2011, iaitu lebih tinggi daripada anggaran *consensus poll* Bloomberg, walaupun dalam suasana ekonomi dunia yang lemah. Selain itu, kedudukan daya saing Malaysia juga turut kukuh seperti dilaporkan dalam *IMD World Competitiveness Yearbook 2012*, meningkat daripada kedudukan ke-16 (2011) ke kedudukan ke-14 (2012), lebih baik

dari kedudukan Australia (ke-15), United Kingdom (ke-18), Korea (ke-22), China (ke-23) dan Jepun (ke-27). Seiring dengan kemajuan ekonomi dan peningkatan daya saing ini, Laporan Kualiti Hidup Malaysia 2011 telah melaporkan peningkatan indeks kualiti hidup rakyat Malaysia sebanyak 19 mata bagi tempoh 1990 hingga 2010, dengan peningkatan dalam hampir kesemua komponen Indeks Kualiti Hidup Malaysia termasuk pendidikan, budaya, pendapatan dan pengagihan, kesihatan, penyertaan sosial, kehidupan kekeluargaan dan persekitaran kerja.

Seiring dengan usaha-usaha pembangunan ekonomi negara, Kerajaan tidak mengabaikan isu-isu sosial untuk memastikan kesejahteraan rakyat yang lebih baik dalam usaha untuk memacu Malaysia ke arah melahirkan masyarakat yang maju, bersatu-padu dan saksama dengan taraf hidup yang tinggi. Justeru, Kerajaan yakin dengan usaha gigih dan penglibatan semua pihak, Malaysia mampu mencapai matlamat Wawasan 2020 menjelang tahun 2020.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HIEW KING CHEAU
(KOTA KINABALU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.06.2012

Y.B. TUAN HIEW KING CHEAU [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab mengapa banyak perumahan SPNB di Sabah menghadapi kelewatan dan berhenti kerja. Bilakah pembeli boleh dapat hakmilik tanah secara individu atau hak milik strata mereka dan sama ada mereka boleh membentuk jawatakuasa pemastautin mereka sendiri untuk mengurus perumahannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

NO SOALAN :26

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini tiada projek yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) berstatus terbengkalai sepenuhnya dan diarahkan berhenti kerja. Walau bagaimanapun, terdapat sepuluh (10) projek yang masih di dalam pembinaan yang mengalami kelewatan ketara. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh kekangan kewangan akibat daripada kenaikan harga bahan binaan dan kadar kutipan penjualan rumah tidak mencukupi untuk menampung pembiayaan pembinaan dan bayaran kepada pembekal dan kontraktor. Selain itu, terdapat juga beberapa projek yang akan dibangunkan semula mengikut kaedah baru dan menggunakan teknologi yang baru sebagai penjimatan kos dan peningkatan

kualiti. SPNB telah mengambil tindakan bagi menangani isu terhadap 10 projek yang mengalami kelewatan dan tarikh dijangka siap bagi projek ini adalah di antara Julai 2012 hingga Disember 2015.

Bagi memperoleh hak milik tanah secara individu atau hak milik strata, terdapat beberapa syarat-syarat yang perlu dipatuhi terlebih dahulu antaranya seperti berikut

- a) Sijil Layak Menduduki perlu diperoleh;
- b) Geran tanah mestilah ditukar syarat kepada kategori bangunan/kediaman oleh pihak Jabatan Tanah dan Ukur Sabah (JTUS);
- c) Geran tanah yang baru yang telah ditukar syarat hendaklah dikeluarkan oleh pihak JTUS;
- d) Bayaran deposit untuk kerja ukur hendaklah didepositkan kepada Lembaga Juruukur Sabah oleh pihak kontraktor; dan
- e) Juruukur berlesen hendaklah dilantik oleh kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja ukur bangunan.

Sehubungan itu, SPNB pada peringkat ini adalah tertakluk kepada proses Permohonan Ubahsyarat dan Pecah bahagi tanah di JTUS. Walau bagaimanapun, SPNB sentiasa komited dalam memastikan proses pengeluaran hak milik strata dapat diselesaikan dengan kadar segera di Negeri Sabah.

Manakala bagi pembentukan jawatankuasa pemastautin untuk mengurus perumahannya, pembeli di kawasan berkenaan dibenarkan untuk membentuk sendiri jawatankuasa pemastautin dengan syarat jawatankuasa tersebut perlu terlebih dahulu berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS).

No. Soalan : [23]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**YB DATUK DR. MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

TARIKH

13 Jun 2012

SOALAN

**YB Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan:-**

- a) Jumlah rakyat Malaysia yang berada di dalam tahanan di luar negara atas tuduhan kesalahan pengedaran dadah (keldai dadah) mengikut pecahan jantina serta negara dimana mereka ditahan dan didakwa; dan
- b) jenis usaha untuk membantu mereka misalnya khidmat guaman.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Putatan di atas

soalan yang dikemukakan.

2. Jumlah terkumpul rakyat Malaysia yang telah dipenjarakan di luar negara atas kesalahan dadah dari tahun 1991 sehingga Mei 2012 adalah seramai 925 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 757 orang adalah lelaki dan 168 orang perempuan. Terdapat tiga belas buah negara yang mempunyai jumlah tertinggi rakyat Malaysia yang ditahan atas kesalahan dadah iaitu di Thailand-272 orang, Singapura-241 orang, Taiwan-125 orang, Republik Rakyat China-92 orang, Indonesia-43 orang, Australia-23 orang, Sepanyol-20 orang, Brazil-17 orang, Jepun- 10 orang dan seramai 8 orang masing-masing di Brunei, Kemboja, Peru dan Venezuela.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kerajaan Malaysia amat prihatin terhadap nasib dan kebajikan rakyat Malaysia yang berada di luar negara. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk membantu rakyat Malaysia yang berada di dalam kesusahan atau mengalami kesulitan semasa berada di luar negara.

4. Apabila seseorang rakyat Malaysia menghadapi pertuduhan jenayah di luar negara, walaupun Kerajaan Malaysia tidak mencampuri urusan perundangan sesebuah negara tersebut, namun Kementerian Luar Negeri akan berusaha untuk melindungi hak-hak rakyat kita, sebagai mana yang diperuntukkan di bawah undang-undang tempatan negara tersebut dan juga undang-undang antarabangsa, seperti Konvensyen Vienna Mengenai Hubungan Konsular 1963 (Vienna Convention on Consular Relations 1963).

5. Di antara usaha yang telah diambil oleh Perwakilan Malaysia bagi membantu rakyat Malaysia diluar negara yang ditahan adalah dengan

membuat Lawatan Konsular ke pusat-pusat tahanan ataupun penjara dimana tahanan Malaysia tersebut berada, bagi memastikan mereka mendapat layanan yang baik dan adil daripada pihak berkuasa tempatan. Perwakilan Malaysia juga bersedia membantu mendapatkan bantuan khidmat guaman (*legal advise/service*) serta menghadiri perbicaraan (*watching brief*) di Mahkamah tempatan supaya tahanan rakyat Malaysia mendapat perbicaraan yang adil dan saksama.

6. Kementerian juga sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama dalam bentuk bantuan penyelarasan kepada badan korporat dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam usaha membawa pulang rakyat Malaysia yang telah selesai menjalani hukuman penjara di luar negara terutamanya yang tidak berkemampuan dari segi kewangan untuk pulang ke tanah air.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PADA YB PUAN HAJAH ZU RAIDA BINTI KAMARUDDIN

[AMPANG]

TARIKH 13 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal Akta Kesetaraan Gender sebagai penambahbaikan kepada undang-undang anti diskriminasi yang sedia ada serta memperketatkan pelaksanaan Akta Gangguan Seksual bagi mengelakkan jenayah dan gangguan terhadap wanita daripada terus berlaku.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa memperjuangkan agenda kesaksamaan gender sejak penubuhannya pada tahun 2001. Langkah pertama yang diambil ialah meminda Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan dengan memasukkan perkataan gender untuk menjamin tidak ada sebarang diskriminasi berasaskan gender.

Buat masa ini, KPWKM tidak bercadang untuk menggubal Akta Kesaksamaan Gender memandangkan undang-undang sedia ada sedang dikaji semula untuk ditambah baik bagi memastikan tiada unsur diskriminasi terhadap wanita selaras dengan peruntukan di bawah Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman, antara undang-undang yang telah pun dipinda dengan mengambil kira perspektif kesaksamaan gender adalah:

- (i) pindaan kepada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 bagi membolehkan isteri atau bekas isteri atau waris kadim peneroka menjadi pemilik bersama tanah berkelompok;
- (ii) pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bagi

mbolehkan balu yang berkahwin semula terus mendapat pencen ilat;

- (iii) pindaan kepada Peraturan Imigresen bagi membenarkan lelaki atau wanita asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia memperbaharui pas lawatan sosial mereka sehingga lima tahun;
- (iv) peraturan baru secara pentadbiran penerimaan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia bagi anak yang lahir di luar negara oleh wanita bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki warga asing di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan oleh pegawai konsuler di kedutaan Malaysia luar negara;
- (v) pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 pada tahun 2011 bagi meluaskan definisi keganasan rumah tangga daripada hanya kecederaan fizikal kepada turut merangkumi penderaan emosi, mental dan psikologi serta mempertingkatkan perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga;
- (vi) Peraturan-Peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010 bagi menjamin hak dan perlindungan pekerja separa masa termasuk bayaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), bayaran kerja lebih masa

dan cuti rehat. Penguatkuasaan peraturan ini memberi faedah kepada suri rumah, ibu tunggal, pesara dan orang kurang upaya yang ingin bekerja separa masa; dan

- (vii) pindaan kepada Akta Pencen 1980 pada tahun 2002 bagi membolehkan balu pesara Kerajaan yang berkahwin semula terus mendapat pencen.

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Malaysia tidak mempunyai satu Akta Gangguan Seksual.

Namun, sebarang kes gangguan seksual boleh diajukan secara

perundangan di bawah Seksyen 354, Seksyen 355, Seksyen 377D dan

Seksyen 509 Kanun Keseksaan. Selain itu, Akta Kerja 1955 yang dipinda oleh

Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2011 mempunyai peruntukan khas

bagi menangani isu gangguan seksual di tempat kerja. Pindaan ini

menekankan bahawa Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja boleh mengambil

tindakan kepada mana-mana majikan yang gagal menjalankan siasatan yang

melibatkan kes gangguan seksual di tempat kerja yang diajukan kepadanya.

Bagi sektor awam pula, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2005,

mengenai Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja

Dalam Perkhidmatan Awam telah dikuatkuasakan pada 26 Ogos 2005.

Pelaksanaan garis panduan ini bertujuan mendidik, memberi kefahaman dan juga sebagai tindakan pencegahan bagi mengelakkan perbuatan salah laku yang boleh dikategorikan sebagai gangguan seksual.

Isu kesaksamaan gender dan jenayah gangguan seksual tidak boleh ditangani semata-mata dengan menggunakan akta atau perundangan yang khusus. Apa yang lebih penting ialah didikan berpanjangan di kalangan anggota masyarakat mengenai peranan dan keperluan yang berbeza antara wanita dan lelaki serta kesan diskriminasi dan perlakuan gangguan seksual terhadap mangsa, tanpa mengira kedudukan dan tahap pendidikan.

NO. SOALAN: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA : YB TENGGU RAZALEIGH HAMZAH (GUA MUSANG)

TARIKH : 13 JUN 2012 (RABU)

SOALAN : YB Tengku Razaleigh Hamzah minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah berkesan yang dilaksanakan sehingga sekarang ini dalam melaksanakan pelbagai usaha integrasi di antara rakyat di Sabah dan Sarawak dengan rakyat di Semenanjung dan langkah-langkah untuk menaikkan taraf hidup mereka supaya perbezaan kehidupan rakyat antara dua wilayah ini dihapuskan.

JAWAPAN : (YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Dari segi perundangan dan struktur kerajaan, status Sabah dan Sarawak dan jalinan perhubungan kedua-dua negeri ini dengan Semenanjung memang ditetapkan dan dirangkumi dalam rangka kerja (framework) Perlembagaan Persekutuan, yang juga

mengambil kira hasil perundingan antara para pemimpin dalam bentuk 'twenty points' sebelum pembentukan Malaysia secara rasminya pada 16 September 1963.

Dalam konteks politik, kerjasama rapat antara Parti Perikatan dengan parti-parti di Sabah dan Sarawak dan selanjutnya Barisan Nasional (BN) pada 1974 yang merangkumi semua parti utama telah menjanakan proses integrasi politik yang menghasilkan penyertaan pemimpin-pemimpin politik Sabah dan Sarawak dalam Jemaah Menteri Persekutuan untuk proses membuat keputusan supaya mencapai persefahaman dan persetujuan mengenai pelbagai dasar, program dan projek pembinaan negara yang telah membawa pembangunan ekonomi, sosial, pendidikan dan kebudayaan untuk faedah Sabah dan Sarawak.

Satu asas persefahaman yang utama ialah kesedaran bahawa wujudnya jurang yang ketara dari beberapa aspek antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Oleh itu, Kerajaan memang mempunyai komitmen untuk menaikkan taraf kehidupan dan mengurangkan jurang-jurang ini dengan memberi tumpuan dan peruntukan pembangunan yang lebih besar kepada kedua-dua negeri ini. Usaha yang lebih gigih telah diadakan sejak pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) di bawah gagasan 1 Malaysia pada awal 2009.

Di bawah GTP, empat (4) daripada tujuh (7) Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau National Key Results Area (NKRA) sememangnya bertujuan untuk memperseimbangkan jurang di antara tiga wilayah ini dari segi infrastruktur, taraf pendapatan dan mutu pendidikan. NKRA untuk meningkatkan infrastruktur asas luar bandar dan pedalaman telah memberi tumpuan untuk membina lebih banyak jalan, meningkatkan liputan bekalan air dan elektrik yang dulu berada di tahap 60 peratus ke 90 peratus dalam tempoh tiga (3) tahun, 2010-2012. Kebanyakan projek-projek ini adalah bagi Sabah dan Sarawak.

NKRA untuk meningkatkan pendapatan isirumah berpendapatan rendah melalui pemberian bantuan dan pelaksanaan program 1Azam telah membawa kesan yang besar

kepada Sabah dan Sarawak yang sudah dapat mengurangkan kadar kemiskinan yang dahulunya amat tinggi berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung. NKRA Kos Sara Hidup yang dilaksanakan sejak pertengahan 2011 telah menambahkan lagi usaha untuk mengurangkan beban kos hidup bagi rakyat, khasnya melalui Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M).

NKRA pendidikan pula telah memberi tumpuan untuk meningkatkan pendidikan pra-sekolah, memandangkan bahawa sebahagian besar kanak-kanak yang berumur enam (6) tahun ke bawah di negeri Sabah dan Sarawak masih tidak berpeluang untuk menerima sebarang pendidikan pra-sekolah. Di samping itu, lebih banyak sekolah dan klinik akan dibina di kedua-dua negeri tersebut.

Dari segi sosial, untuk mencapai integrasi nasional, Kerajaan melalui JPNIN telah menganjurkan pelbagai program yang bertujuan untuk memupuk kerjasama, muhibbah dan semangat kesetiaan kepada negara, meningkatkan pengetahuan dan penghargaan terhadap adat-adat resam dan cara-cara hidup yang berbeza serta menyemarakkan nilai-nilai persamaan dan persaudaraan. Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan termasuk Kursus Orientasi bagi pegawai Kerajaan; Lawatan Integrasi, Titian Integrasi, Titian Padu, Homestay Integrasi dan Kembar Padu dan Silang Budaya, yang melibatkan para pemimpin masyarakat, belia dan pelajar-pelajar dari ketiga-tiga wilayah.

Selain daripada itu, banyak program yang sedang dan akan terus dilaksanakan oleh beberapa kementerian yang lain juga menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi nasional secara langsung, misalnya, Program Latihan Khidmat Negara, program belia dan sukan, program seni budaya, program koperasi dan kepenggunaan dan sebagainya. Pewujudan dan pertambahan penerbangan-penerbangan kos rendah (*low-cost carriers*) telah juga memudahkan perjalanan antara wilayah-wilayah ini, yang dapat merapatkan dan merancakkan lagi hubungan integrasi.

Dengan kerjasama, sokongan penuh dan usaha gigih dari semua pihak, adalah dipercayai bahawa rancangan-rancangan sosial dan ekonomi ini akan dapat dilaksanakan dengan lancar supaya perbezaan-perbezaan yang wujud dapat dikurangkan, taraf hidup ditingkatkan, hubungan antara rakyat diperkasakan dan integrasi nasional dapat dipertingkatkan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN
DARIPADA DATO' KAMARUDIN BIN
RAKYAT JAFFAR [TUMPAT]
TARIKH 13 JUN 2012 (RABU)
SOALAN 26

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan jumlah penonton berita RTM 1, RTM 2, TV 3, NTV 7, CNN, BBC dan Al- Jazeera di Malaysia pada tahun 2011.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi stesen televisyen bebas ke udara seperti TV3, 8TV, NTV7, TV9, TV AlHijrah telah menyiarkan berita sekurang-kurangnya 30 minit, setiap jam 8 malam, setiap hari manakala bagi stesen televisyen satelit berbayar Astro, menawarkan 9 saluran berita dan hal ehwal semasa iaitu saluran BBC World, Al-Jazeera English, CNN, Bloomberg TV, Phoenix Info News, CNBC Asia, CCTV News, Awani dan Bernama.

Jumlah penonton berita untuk stesen televisyen bebas ke udara seperti TV1, TV2, TV3 dan NTV7 adalah seperti berikut:

SOALAN NO: 26

| Saluran | Berita | Jumlah Penonton Keseluruhan Tahun 2011 (orang) |
|---------|---------------------------|--|
| TV1 | Dunia @1 | 50,013,375 |
| | Berita Nasional 8 malam | 78,304,657 |
| | Berita Nasional 8 malam | 18,810,646 |
| | Berita Wilayah 5 petang | 11,129,248 |
| TV2 | Penta- Mandarin 8 malam , | 43,824,320 |
| | Berita Tamil 7.30 malam | 45,651,243 |
| | News @2 10.30 malam | 19,857,303 |
| TV 3 | Buletin Utama | 823,017,103 |
| | Nightline | 98,604,860 |
| NTV7 | Mandarin 7 | 135,057,733 |
| | 7 Edition | 45,198,093 |
| | Edisi 7 | 40,578,945 |
| | Global Watch | 37,819,078 |

Pemilihan dan penyiaran sesebuah berita adalah ditentukan oleh pihak stesen televisyen sendiri berdasarkan kepada nilai berita dan kepentingannya kepada rakyat. Justeru, taburan jumlah penonton yang diterima adalah berbeza mengikut sasaran dan kehendak

SOALAN NO: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

penonton.

PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN
DARIPADA RAKYAT DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN
DAHLAN [KOTA BELUD]
TARIKH 13 JUN 2012 (RABU)
SOALAN 27

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah slot "*prime time*" jam 8 malam masih diperlukan untuk siaran berita memandangkan slot itu boleh dijual kepada penerbit program dan mendatangkan hasil lebih.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai media rasmi kerajaan, Radio Televisyen Malaysia (RTM) bertanggungjawab menyebarkan maklumat melalui radio dan TV untuk membentuk minda rakyat yang progresif, berkredibiliti yang tinggi, berpengaruh, mempunyai daya tahan di samping menggalakkan rakyat mengamalkan nilai-nilai murni yang sesuai untuk semua anggota masyarakat.

Berita-berita yang disiarkan pada waktu perdana seperti Berita Nasional, Berita Tamil, Mandarin dan Inggeris adalah untuk sasaran semua

SOALAN NO: 27

golongan penonton tertentu untuk memastikan mesej dan agenda negara dapat disampaikan dengan berkesan. Kementerian berpendapat slot berita waktu prima masih perlu diteruskan untuk menyiarkan program-program bina bangsa selari dengan misi nasional.

HO'SOAIAM : 2^
HSfOrAUWI:-4-3
NOr-AUP—:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN
DARJPADA SERAI]

TARIKH 13 JUN 2012
 4788
RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan kepada media cetak dan
media elektronik yang menyiarkan bahan lucah yang berunsur fitnah.
Nyatakan berapakah kes yang telah dibawa ke mahkamah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bagan Serai yang mengemukakan soalan.

Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab memantau bahan-bahan penerbitan, terutamanya yang dikeluarkan permit penerbitan. Mana-mana penerbitan yang didapati menyiarkan bahan-bahan yang bertentangan dengan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan garis panduan yang ditetapkan akan diambil tindakan.

Salah satu elemen dalam garis panduan penerbitan ialah mana-mana penerbitan yang mengandungi apa-apa jua perkara yang mengikut rupa, bentuk dan perlakuan atau dengan apa-apa cara yang boleh membayangkan kata-kata atau idea-idea yang lucah, mengghairahkan atau selainnya yang bertentangan dengan kesopanan awam, nilai-nilai murni, tata susila masyarakat dan pegangan agama serta boleh memudaratkan kemoralan.

Sekiranya penerbit telah menyiarkan apa-apa jua bentuk penerbitan sebagaimana di atas, tindakan mengenakan Perintah Larangan boleh diambil dibawah Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Bagi tempoh 2000 sehingga 2012 (Bulan Mei) sejumlah 230 tajuk penerbitan telah dikenakan Perintah Larangan kerana memudaratkan kemoralan.

NO

SOAL

AN :

PEMB

ERITA

DARI PADA

HUAN

Y.B. DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM

PERT

FIKRI (KUALA NERUS)

ANYA

PERTANYAAN

LISAN

AN

TARIKH

DEWA

13.06.2012

N

Y.B. DATO¹ MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS] minta **MENTERI KEWANGAN**, menyatakan apakah perancangan Kerajaan berkaitan insurans kenderaan bermotor Malaysia bagi golongan yang berpendapatan rendah.

MALA

YSIA

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia memantau secara rapat akan hal-hal berkaitan kesukaran yang dihadapi oleh orang ramai untuk mendapatkan perlindungan insurans motor. Kerajaan juga prihatin terhadap kesulitan yang dihadapi oleh rakyat berkenaan insurans motor dan telah mengambil langkah-langkah bagi menangani isu ini secara holistik.

masa kini. Pada tahun 2011, bagi setiap RM1.00 premium yang dikutip, RM2.90 telah dibayar untuk kematian dan kecederaan pihak ketiga. Penyelarasan ini adalah juga kritikal bagi memastikan orang awam boleh mendapatkan perlindungan insurans motor yang diwajibkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 secara berterusan dan bagi jangka masa yang panjang.

3. Rangka kerja ini merupakan langkah pertama ke arah pelonggaran tarif motor yang dijangka akan dilaksanakan pada 2016, di mana pemilik kenderaan akan dikenakan premium insurans motor berdasarkan risiko. Oleh itu, pemilik kenderaan yang dikenalpasti sebagai berisiko rendah akan menikmati premium yang lebih rendah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

| | |
|------------------|----------------------------|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] |
| TARIKH SOALAN | 13 JUN 2012 |

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes keracunan arsenic setiap tahun mulai 2008-2012.

Tuan Yang Di-Pertua

Arsenik ialah suatu unsur kimia yang terdapat secara semulajadi dan juga secara buatan manusia. Ia boleh didapati di dalam dedaunan tumbuhan hijau, tanah, galian, dalam bentuk sebatian sulfur, sebatian logam, serta dalam bentuk kristal tulen. Arsenik digunakan untuk menguatkan aloi seperti yang terdapat pada plumbum dalam industri bateri. Oleh kerana arsenik adalah beracun kepada sel, maka ia digunakan dalam pembuatan racun serangga, racun tikus dan racun rumpai.

Mereka yang bekerja dalam pengeluaran pestisid, penyemburan racun serangga pertanian, peleburan tembaga, perlombongan dan industri metalurgi adalah terdedah kepada arsenik dan mempunyai risiko mendapat kanser kulit, skrotum, hati, paru-paru dan limfa akibat pendedahan tersebut. Amalan pertanian dan perlombongan yang baik, pemantuan kepada carakerja yang selamat serta amalan kebersihan diri yang berterusan adalah perlu bagi mengelakkan berlakunya keracunan arsenik.

Jumlah pesakit yang dimasukkan ke Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akibat kes keracunan arsenik adalah sebanyak empat (4) orang pada tahun 2008 iaitu 2 kes di Pahang dan masing-masing 1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Sabah. Pada tahun 2009, terdapat dua (2) kes keracunan arsenik masing-masing 1 kes di Sarawak dan Pulau Pinang. Pada tahun 2010 pula, terdapat tiga (3) kes keracunan arsenik masing-masing 1 kes di Negeri Sembilan, Johor dan Pahang. Untuk makluman, maklumat bagi tahun 2011 dan 2012 belum dapat disediakan kerana masih sedang diproses.

NO SOALAN : 31

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB PUAN TAN AH HENG

(GELANG PATAH)

JAWAPAN: TARIKH

13.06.2012
(RABU)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan jangka panjang bagi tapak Kem Askar di kawasan Skudai.
Tuan Yang di-Pertua,

Jemaah Menteri telah meluluskan supaya cadangan Kem Askar di Skudai digantikan dengan pembinaan Kompleks MK 7 Briged di Kulai, Johor secara *land swap* oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

SOALAN NO: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARI PADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 13JUN2012

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Akta Kerja 1955 perlu dikaji semula untuk dipinda supaya selari dengan keadaan semasa.

PR-1252-L49339

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) pada masa sekarang mengambil pendekatan untuk mengkaji setiap akta berkaitan perburuhan agar selari dengan keperluan semasa. Mengenai Akta Kerja 1955, ianya telah dipinda dan diluluskan Parlimen pada Disember2011 dan telahpun dikuatkuasakan pada 1 April 2012.
2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, ketika ini cadangan pindaan fasa kedua bagi Akta Kerja 1955 turut sedang dilakukan.

I

Satu jawatankuasa dalaman yang dipengerusikan oleh YBhg Ketua

Setiausaha KSM telah ditubuhkan bagi membuat kajian semula undang-undang perburuhan yang mana ketika ini sedang memfokuskan kepada cadangan pindaan kepada Akta Kerja 1955 (fasa ke-2), Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959. Mesyuarat jawatankuasa ini bersidang setiap minggu bagi membincang dan meneliti peruntukan sedia ada dan peruntukan baru agar kandungannya selaras dengan perubahan semasa terutamanya dalam menyediakan suasana perburuhan yang lebih kondusif.

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pindaan fasa kedua bagi Akta Kerja 1955 melibatkan 42 peruntukan yang akan dipinda hasil cadangan daripada *Holistic Labour Law Review* bersama *stakeholders*, 18 cadangan pindaan daripada Makmal SRI HCD dan 10 cadangan pindaan daripada Program Liberalisasi Permit dan Lesen.

4. Setiap cadangan pindaan kepada Akta ini akan dimuatnaik di laman web KSM dalam tempoh masa yang terdekat bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas semua pihak khususnya orang awam. Dalam membuat sesuatu pindaan terhadap mana-mana undang-undang perburuhan, KSM sentiasa mendengar dan mengambil kira pandangan serta maklum balas yang diterima daripada pihak pekerja dan majikan melalui perbincangan *tripartite* atau pun yang diberikan secara bertulis. Cadangan pindaan juga turut dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) bersama *stakeholders* sebelum dimuktamadkan.

<n(11 -28 Jun 2012)has...29.5.12/Mdu/(a(iSaniL49339

Mengeluarkan arahan kepada semua stesen minyak jualan diesel hanya untuk tangki kenderaan sahaja tanpa melalui bekas atau tong kecuali atas kebenaran Pengawal iaitu melalui Permit Barang Kawalan;

mempertingkatkan pemantauan dan pemeriksaan ke atas stesen- stesen minyak di sempadan negara;

Melakukan audit jualan di stesen-stesen minyak di sempadan dan membuat pemeriksaan lanjut sekiranya kuantiti jualan meragukan;

Menempatkan 276 orang RELA di 45 buah stesen minyak di empat buah negeri yang bersempadan untuk membendung pengaliran diesel bersubsidi ke Negara Thailand.

| Negeri | Jumlah Stesen Minyak | Jumlah Anggota RELA |
|---------------|-----------------------------|----------------------------|
| Kelantan | 28 | 210 |
| Perak | 2 | 8 |
| Perlis | 4 | 16 |
| Kedah | 11 | 42 |
| Jumlah | 45 | 276 |

Mengarahkan stesen-stesen minyak menghantar laporan belian dan jualan harian. Laporan harian yang dihantar oleh stesen-stesen minyak memudahkan pemantauan dibuat dan dapat mengesan dengan cepat sekiranya adanya penyelewengan.

Mengarahkan semua syarikat pengeluar minyak menghantar maklumat belian oleh stesen-stesen minyak secara harian bagi memudahkan pemantauan mana-mana stesen minyak yang membuat pembelian diesel dalam kuantiti yang meragukan.

Mengeluarkan arahan kepada semua stesen minyak yang terletak di dalam

lingkungan 50 km dari sempadan menjual diesel bersubsidi tidak melebihi 20 liter kepada kenderaan asing.

Salah satu usaha kementerian dalam memastikan penggunaan minyak petrol dan diesel bersubsidi di negara ini mampu dinikmati oleh rakyat yang benar-benar memerlukannya adalah melalui pelaksanaan Program Penyeragaman Harga. Pelaksanaan program ini telah dapat membantu masyarakat di kawasan luar bandar dan pedalaman membeli petrol dan diesel pada harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Setakat ini, Program Penyeragaman Harga telah dilaksanakan meliputi 16 kawasan di Semenanjung, 326 kawasan di Sabah dan 354 kawasan di Sarawak.

SOALAN NO: 34

PEMBERTTAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

PUAN FONG PO KUAN [BATUGAJAH]

TARikh

13 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

34

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta MENTH3IPENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KSUDAYAAN menyatakan mengapakah perkhidmatan komunikasi melalui telefon bimbit tergendala sementara semasa Perhimpunan Bersih 3.0. Nyatakan apakah siasatan ada dijalankan dan apakah benar bahawa ia sengaja disekat untuk memutuskan hubungan komunikasi di antara orang ramai yang berhimpun.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana laporan BERNAMA, terdapat lebih 20,000 orang berhimpun di suatu kawasan yang kecil. Dalam perkara ini, sistem telekomunikasi selular, pada amnya tidak mempunyai kapasiti untuk menampung keperluan perbualan telefon dan pemindahan data bagi keperluan yang banyak seperti yang berlaku pada Perhimpunan Bersih

3.0 yang lepas.

SOALAN NO: 14

Panggilan terhalang atau *blocked call* (dengan izin), akan berlaku sekiranya terlalu banyak panggilan dibuat pada satu-satu masa yang sama sehingga menyebabkan sel-sel pemancar sedia ada tidak dapat menampung panggilan-panggilan ini. Apabila sel-sel tersebut telah penuh, sistem akan menolak panggilan-panggilan ini dan menyebabkan panggilan akan terhalang dan tiada panggilan dapat dibuat.

Oleh yang demikian, adalah tidak benar bahawa Kerajaan menyekat sistem komunikasi sepertimana pertanyaan Yang Berhormat.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DR. MUHAMMAD LEO
MICHAEL TOYAD
(MUKAH)**

TARIKH : 13 JUN 2012

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan berapa peruntukan untuk menyediakan bekalan air luar bandar di Mukah, Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), terdapat lima (5) Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di kawasan Mukah yang dilaksanakan dengan anggaran kos berjumlah RM83.37 juta. Sehingga kini, kesemua lima (5) projek berkenaan masih lagi dalam pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya selewat- lewatnya pada Ogos 2013.

**\vio .SOA/AtJ; -
NOr-AtHvH-r39~**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH 13 JUN 2012
RUJUKAN 4790

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah cadangan polis terhadap pemuda-pemuda yang terlibat dalam pembunuhan Peguam Balasunderam a/l Govindasamy pada 16/11/2010. Pemuda-pemuda tersebut adalah ditahan dibawah Ordinans Darurat tetapi akan dilepaskan kerana ordinan ini telah dimansuhkan.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, seramai 11 individu telah pun dikenakan tindakan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 kerana disyaki terlibat dalam kes pembunuhan peguam Balasunderam A/L Govindasamy di Ipoh, Perak pada 16 November 2010. Daripada jumlah tersebut, seramai 6 orang dikenakan Perintah Tahanan dan 5 orang dikenakan Perintah Sekatan.

Tuan Yang Dipertua,

Berikutan keputusan Kerajaan untuk memansuhkan 3 Perisytiharan Darurat pada 20 Disember 2011, kesemua individu tersebut telah pun dibebaskan secara berperingkat-peringkat. Namun begitu, pihak Polis sentiasa membuat pemantauan rapi secara berterusan ke atas kesemua

JAWAPAN :

individu berkenaan. Ini bertujuan untuk mengetahui samada mereka ini terlibat semula dalam aktiviti kegiatan jenayah. Sekiranya mereka terlibat semula, maka tindakan di bawah undang- undang yang sedia ada akan diambil terhadap mereka.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13 JUN 2012 (RABU)

DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW
[TANJONG]

SOALAN

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan dan bantuan Kerajaan disalurkan kepada PBT di Semenanjung Malaysia bagi tahun 2008 hingga 2012 dan khususnya kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tempoh yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan dan bantuan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan oleh Kementerian Perumahan

dan Kerajaan Tempatan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Semenanjung Malaysia dari tahun 2008 hingga 2012 adalah sebanyak RM4.132 bilion. Daripada peruntukan tersebut, RM2.04 bilion adalah peruntukan belanja mengurus manakala RM 2.091 bilion adalah peruntukan pembangunan.

Peruntukan di bawah belanja mengurus yang telah disalurkan adalah dalam bentuk Sumbangan Membantu Kadar (SMK) dan Geran Tahunan. Peruntukan keseluruhan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) yang diterima oleh PBT Semenanjung Malaysia adalah sebanyak RM355.64 juta bagi tempoh 2008 hingga 2011 dan Geran Tahunan adalah sebanyak RM 1.705 bilion bagi tempoh yang sama.

Bagi tempoh 2008 hingga 2012, jumlah peruntukan dan bantuan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang adalah sebanyak RM56.575 juta. Manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai pula menerima peruntukan dan bantuan sebanyak RM58.255 juta.

Daripada peruntukan tersebut, Majlis Perbandaran Pulau Pinang menerima sebanyak RM45.213 juta dalam peruntukan belanja mengurus dengan pecahan sebanyak RM20.213 juta bagi peruntukan SMK dan RM25 juta sebagai peruntukan Geran Tahunan. Majlis Perbandaran Pulau Pinang juga menerima RM11.362 juta sebagai peruntukan pembangunan.

Majlis Perbandaran Seberang Perang pula menerima sebanyak RM37.017 juta dalam peruntukan mengurus dengan pecahan RM12.017 juta sebagai peruntukan SMK dan RM25 juta sebagai peruntukan Geran Tahunan. Majlis Perbandaran Seberang Perai juga menerima sejumlah RM31.238 juta sebagai peruntukan pembangunan.

Kementerian

Perumahan Dan

Kerajaan Tempatan

Jun 2012

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH : 13JUN2012

SOALAN

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kedudukan projek meminjam "Panda" dari Negara China:-

- (a) adakah projek ini masih diteruskan. Jika ia, bilakah ia dapat dilaksanakan; dan
- (b) nyatakan kesan-kesan positif baik pun dalam perdagangan ataupun perhubungan dua hala akibat dari projek ini.
Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia akan menerima sepasang panda gergasi (Giant Panda) dari negara Republik Rakyat China (RRC). Sehubungan dengan itu, satu perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan China akan ditandatangani pada 15 Jun 2012 ini.

JAWAPAN:

- (b) Pemberian *Giant Panda* oleh RRC merupakan simbolik jalinan persahabatan yang erat antara RRC dengan sesebuah negara di bawah hubungan '*panda diplomacy*'. Setakat ini, hanya 12 buah negara telah menerima *Giant Panda* dari RRC. Kejayaan Malaysia untuk menerima *Giant Panda* adalah hasil usaha Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Razak, yang mempunyai hubungan mesra dan akrab dengan Perdana Menteri China, Wen Jiabao.

Hubungan dua hala sedia ada antara Malaysia dan RRC yang dimulakan semenjak zaman pentadbiran Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri akan menjadi lebih erat melalui program Kerjasama Konservasi Giant Panda ini. Pada tahun 2014, Malaysia dan RRC akan meraikan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RRC merupakan negara yang sangat pesat membangun dan berpotensi tinggi untuk muncul sebagai kuasa ekonomi dunia dalam masa akan datang.

Justeru, Malaysia yakin hubungan yang erat antara kedua-dua negara akan meningkatkan hubungan perdagangan serta menarik lebih banyak pelaburan dari RRC. Ini akan memberangsangkan pertumbuhan ekonomi Malaysia ke arah menjadi sebuah negara pendapatan tinggi.

Di samping itu, Malaysia juga akan berpeluang menjalankan penyelidikan konservasi *Giant Panda*. Kepakaran tempatan akan ditingkatkan melalui pemindahan teknologi (technology transfer) yang akan dikongsi oleh RRC, terutamanya dalam pembiakan secara *artificial insemination*, kajian genetik dan kajian perilaku *Giant Panda*. Pengalaman dan kepakaran ini kelak boleh digunakan dan diterjemahkan dalam usaha konservasi negara untuk spesies-spesies ikonik lain yang terdapat di Malaysia seperti harimau, badak sumbu, tapir, gajah dan seladang.

Sekian, terima kasih.

TARfI&H : 13

Tuan Mamogart a/1 iWiarimuthy [T@8ok Intan}] mint
ENTER! menyatakan

- (a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk inangani rmasalah kekurangan ruang parkir yang rmaki Ji pejabat-pejabat Kerajaan; dan
- (b) Apakah garis panduan tetap yang digunakan oleh Kerajaan

PERTANYAAN,

untuk memberi kontrak kepada syarikat-syarikat pengurusan parkir yang menguruskan parkir di pejabat-pejabat Kerajaan pada masa kini.

adalah di bawah tanggungjawab Kementerian/Jabatan itu sendiri. Dalam hal ini, BPH sentiasa peka terhadap permasalahan kekurangan parkir yang dihadapi oleh Jabatan- jabatan Kerajaan yang mendiami bangunan milik BPH. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh BPH ialah:

- a. Memeruntukan ruang parkir mengikut kuota kepada kakitangan dan juga pehawat;
- b. Menggalakkan perkongsian kenderaan oleh semua kakitangan untuk mengurangkan kesesakan parkir; dan
- c. Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.

BPH tidak memberi kontrak kepada mana-mana syarikat pengurusan parkir untuk menguruskan parkir bangunan kerajaan milik BPH sebaliknya tanggungjawab tersebut diserahkan kepada syarikat konsesi yang dilantik untuk menguruskan keseluruhan bangunan tersebut dan bertindak sebagai pengurus bangunan.

Walaupun bagaimanapun, bagi pelantikan operator pengurusan parkir, ianya adalah tertakluk kepada prosedur pelantikan biasa melalui kaedah sebut harga/tender bagi syarikat-syarikat yang

NO SOALAN :

40

PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DEWAN DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
RAKYAT
SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan;

- a) Jumlah pelaburan asas dan pelaburan tambahan FELDA dalam Twin Rivers Technologies dan kumpulan IFFCO; dan
- b) Kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat tersebut antara tahun 2009-2011.

JAWAPAN

DATO' HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit, jumlah pelaburan FGV di dalam Kumpulan Twin Rivers Technologies (TRT) dan syarikat usahasama 50:50 Felda-IFFCO Sdn. Bhd. sehingga 31 Disember 2011, adalah masing-masing berjumlah RM538.3 juta dan RM158.7 juta.

b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan luar negara yang dibuat oleh FELDA ini merupakan strategi jangka panjang yang bertujuan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan FELDA supaya tidak terlalu bergantung kepada pendapatan daripada penjualan minyak sawit sahaja.

Rasional di sebalik pelaburan yang dilakukan oleh FELDA adalah untuk mencapai matlamat berikut; pertama, mewujudkan rantai nilai bersepadu dalam Kumpulan FELDA yang mana ianya telah dikembangkan kepada industri oleokimia yang akhirnya akan membuka peluang untuk FELDA melibatkan diri dalam industri pengeluaran barangan pengguna (*consumer product industry*) yang bermargin tinggi.

Kedua, mengenalpasti dan mewujudkan kelebihan sinergi di antara aktiviti hulu (perladangan), pertengahan dan hiliran di dalam Kumpulan FELDA dan ketiga, memperkenalkan dan memperkukuhkan pasaran minyak kelapa sawit ke negara luar melalui anak syarikat serta syarikat usahasama di luar negara. Pelaburan luar negara yang dilaksanakan oleh FELDA merupakan pelaburan jangka panjang dan masih di peringkat awal operasi.

Prestasi terkini kumpulan TRT telah dipulihkan. Syarikat TRT yang beroperasi di Quincy, Amerika Syarikat, mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak USD2.1 juta (RM6.5 juta). Sebelum ini TRT menghadapi kerugian disebabkan cabaran ekonomi yang tidak menentu di rantau Amerika Utara. Walaupun begitu, inisiatif

turnaround yang telah dilaksanakan kini membuahkan hasil termasuk kilang di Kanada.

Masalah perbezaan struktur duti minyak sawit di antara Indonesia dan Malaysia telah menjejaskan prestasi keseluruhan industri penapisan minyak sawit di Malaysia termasuk Kumpulan Felda- IFFCO. Masalah ini telah pun dikenalpasti oleh agensi kerajaan yang berkaitan dan kini sedang dikaji supaya dapat diatasi dalam jangka masa terdekat. Walaubagaimanapun, cabaran yang dihadapi oleh perniagaan hiliran kumpulan FGV dapat diimbangi dengan keuntungan yang tinggi daripada perniagaan hulu kumpulan.

OOOOOOOOOOOOOOOOOOOO

SOALAN NO: 41

PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **YB. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG
CHAN ONN [ALOR GAJAH]**

TARIKH **RABU, 13 JUN 2012**

RUJUKAN **04 [PR-1252-L49178]**

SOALAN

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN**

*

BANDAR menyatakan sebab untuk kegagalan sistem saliran air dan hujan dalam bandar Kuala Lumpur dan apa tindakan diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Tuan yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah, pada keseluruhannya, sistem perparitan di Kuala Lumpur telah banyak berlaku penambahbaikan. Ini disebabkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengenai pasti sebab-sebab berlaku kegagalan sistem perparitan di Kuala Lumpur, antaranya

- a) **Pertambahan kadar larian air permukaan** akibat daripada perubahan cuaca sedunia (Contoh: *Fenomena La Lina, Global Warming*) dan pembangunan serta pembukaan kawasan hijau.
- b) **Masalah kekurangan kapasiti hidraulik sistem perparitan** oleh kerana wujudnya pelbagai halangan fizikal seperti rizab perparitan yang sempit, struktur jambatan yang terlalu rendah, atau kabel dan paip utiliti di dalam rizab perparitan.
- c) **Pengaliran balik (*back flow*)** dari paras air sungai yang tinggi yang menyebabkan limpahan.

Bagi menangani masalah tersebut, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah/sedang mengambil langka-langkah berikut

a) **Menaawal Kadar Aliran Pada Punca (control-at-source):**

Mulai pada tahun 2008, semua projek pembangunan disyaratkan untuk

membina kolam tadahan (*On-Site Detention (OSD) ponds*) dan juga mengadakan sistem penuaian air hujan (*rainwater harvesting*) bagi mengurangkan impak pertambahan kadar larian air hujan.

b) Menaawal Aktiviti Keriatanah

Mensyaratkan semua pemaju terutamanya pembangunan di kawasan bukit supaya mengamal Pelan Kawalan Hakisan Tanah dan Mendakan (*Erosion and Sedimentation Control Plan (ESCP)*) bagi mengawal hakisan tanah akibat dari kerjatanah, serta membersihkan perangkap kelodak ('silt traps') dan sistem perparitan di sekitar kawasan pembangunan mereka.

c) Menvenaaara dan Membersihkan Sistem Perparitan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS WPKL) dan Alam Flora Sdn. Bhd. sentiasa melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan dan pembersihan berkala untuk semua sungai, kolam takungan banjir dan sistem perparitan di Kuala Lumpur bagi memastikan keseluruhan sistem perparitan berfungsi dengan baik.

d) Mempertingkatkan Sistem Saliran

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mempertingkatkan sistem perparitan untuk kawasan- kawasan yang telah dikenal pasti sebagai kawasan yang mudah berlaku banjir. Untuk tempoh RMK-9, pelaksanaan kerja-kerja peningkatan sistem perparitan termasuk

pembinaan kolam-kolam takungan banjir dan rumah pam kawalan banjir di sekitar Kuala Lumpur telah dilakukan. Bagi tahun 2012, sebanyak RM10.35 juta telah akan dibelanjakan untuk tujuan di atas.

x j\j_ ^3"" o J i *S^J_! -ii WJ f "" \^Jj[V ^j]A«J 2

PERTASWAAIM ; LitIAM

! i'ARIPADA ;■ * f* \1 Uf(m<LI [*V. if ^M/""KvL Lid J

TAIRFIKH : 13 MU2012

2 J'.o'i «'ji i ii Menteri telah her^otujju untuk menubuhkan suatu Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menyiasat masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah pada 8 IT^hpni 2012, Berikutan daripada itu, Kerajaan telah memulakan proses bagi menyediakan terma rujukan (*terms of reference*) Suruhanjaya Siasatan tersebut dan sekarang ini di peringkat akhir penggubalan.

jijirj* ■ i mu kri V''y ^r'rp-^sjj-li^-jrn-Ki M.-'s ikm
 mempunyai h-jb'o<u.vi y-inf) w-/-f³obrii ^arJiui *>M»J no-v-taii
 pendatang asing d¹? untukmemastikan ayor-syor yangdikemukaUati
 boleh dilaksanakan ci&nycn berkesan.

3, Berhubung dengan buku "Projek I/C di Sabah", jika terdapat aduam daripada orang awam mengenai penerbitan yang tidak sesuai berada di pasaran, Kerajaan akan menjalankan siasatan dan mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

4. Tindakan akan diambil terhadap mana-mana penerbitan yang didapati bertentangan dengan subseksyen 7(1) Akta ft/lesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301]. Semua penerbitan di dalam negara dipantau agar tidak mengandungi bahan-bahan yang memudaratkan ketenteraman awam, moral, keselamatan, menggemparkan fikiran rakyat, berlawanan dengan mana-mana undang-undang sedia ada, memudaratkan kepentingan awam dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13 JUN 2012 (RABU)

**DARIPADA : Y.B TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
[BALIK PULAU]**

SOALAN

Y.B TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap peruntukan “Hak Perumahan” (Housing Rights) seperti yang termaktub di dalam peruntukan Hak Asasi Manusia Universal Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDHR) terutama berkaitan Economic, Social, Cultural Rights (ESCR).

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sememangnya mengambil berat mengenai keperluan perumahan sebagai satu keperluan asas untuk semua golongan rakyat berdasarkan Perkara 25 - Hak untuk suatu taraf hidup yang memadai bagi kesihatan dan kebajikan diri dan keluarganya, termasuklah makanan, pakaian, perumahan dan pengawasan perubatan dalam peruntukan Hak Asasi Manusia Universal, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDHR).

Atas dasar keprihatinan Kerajaan Persekutuan kepada rakyat, Dasar Perumahan Negara (DRN) telah dilancarkan pada 10 Februari 2011 yang antara lainnya telah menekankan penyediaan perumahan yang mencukupi, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi meningkatkan kemapanan hidup rakyat. Seperti yang dinyatakan di dalam DRN, pihak Kerajaan dan swasta akan meneruskan usaha bagi menyediakan perumahan sama ada disewa

atau dijual kepada semua golongan rakyat terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), Kerajaan telah mensasarkan untuk membina sebanyak 161,000 unit rumah kos rendah dan mampu milik. Ia merangkumi 78,000 unit yang dibina oleh Kerajaan termasuk rumah di bawah projek Program Perumahan Rakyat (PPR) dan sebanyak 83,000 unit dibina oleh pemaju swasta khususnya bagi memenuhi permintaan golongan berpendapatan rendah. Di samping itu, bagi menjaga kebajikan dan hak rakyat untuk mendapatkan rumah, Kerajaan masih mengekalkan harga jualan rumah kos rendah sebanyak RM42,000 sejak daripada tahun 1998 lagi. Kerajaan juga menetapkan kadar sewa sebanyak RM124 sahaja bagi penghuni rumah PPR.

Di samping itu, Kerajaan-Kerajaan Negeri juga perlu memainkan peranan untuk memastikan rumah kos rendah dan rumah mampu milik dibina oleh pemaju swasta semasa mereka mengemukakan permohonan kelulusan

pembangunan perumahan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Selain daripada pembinaan PPR dan rumah kos rendah, Kerajaan juga melaksanakan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) kepada golongan berpendapatan rendah untuk membantu golongan sasaran membina rumah di atas tanah sendiri, Program Bantuan Rumah (PBR) kepada golongan miskin yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Program Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M) yang dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Seterusnya, bagi meningkatkan lagi kemampuan rakyat untuk memiliki rumah, Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan beberapa inisiatif terbaru seperti Program Perumahan 1 Malaysia (PR1MA) yang diwujudkan bagi menyediakan perumahan mampu milik kepada golongan berpendapatan sederhana dan juga Skim Rumah Pertamaku (SRP) bagi membantu rakyat membeli rumah pertama mereka dengan mendapatkan pembiayaan 100%.

Oleh itu, prog ram-prog ram perumahan yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan sememangnya adalah berlandaskan kepada hak rakyat untuk memiliki rumah sepertimana yang telah digariskan di bawah Perkara 25 bagi Hak Asasi Manusia Universal, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDHR).

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Jun 2012

SOALAN NO: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING
[KULAI]

TARIKH 13 JUN 2012 (RABU)

SOALAN 44

Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan berapakah jumlah e-kiosk dan menara telekomunikasi baru yang telah disediakan di daerah Kulai Jaya di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI) semenjak pelancarannya pada tahun 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan menara telekomunikasi di bawah program peluasan liputan selular Time 3 hanya mensasarkan kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman tegar dengan kepadatan penduduk kurang daripada 80 orang bagi setiap kilometer persegi di mana Daerah Kulai Jaya tidak termasuk di bawah lokasi sasaran. Walaupun, tiada menara telekomunikasi baru didirikan di Daerah Kulai Jaya di bawah Program Time 3 ini, khidmat telekomunikasi di kawasan ini tidak kekurangan.

SOALAN NO: 44

Bagi pelaksanaan Program e-Kiosk, hasil daripada kajian impak yang dilakukan mendapati Program ini kurang memberikan kesan kepada rakyat dan Kementerian sedang mengkaji semula pelaksanaan Program ini. Pada masa ini, keutamaan diberikan kepada projek pengagihan Komputer 1 Malaysia yang memberi lebih manfaat kepada rakyat.

NO.

SOALAN:46 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN
: LISAN
DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]
TARIKH : 13JUN2012

SOALAN

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) sebab Maju Expressway (MEX) akan diberikan kebenaran untuk menjual konsesi Lebuhraya KL-Putrajaya kepada EP Manufacturing Bhd; dan
- (b) sama ada Kerajaan boleh mengambil alih MEX dengan kos RM400 juta mengikut perjanjian konsesi.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah memberikan kebenaran berhubung cadangan penjualan konsesi Lebuhraya KL-Putrajaya kepada EP Manufacturing Berhad. Ini adalah kerana beberapa perkara dasar berhubung konsesi lebuhraya ini masih diteliti oleh pihak Kerajaan. Oleh yang demikian, tidak timbul keperluan untuk Kerajaan mengkaji pengambil alihan

Lebuhraya MEX.

SOALAN NO. 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI

SHUKRI

(BATANG SADONG)

TARIKH 13 JUN 2012 (RABU)

SOALAN:

YB Puan Hajah Nancy Binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapakah bilangan Orang Kurang Upaya diambil bekerja dalam sektor awam dan swasta, sama ada Kementerian sudah mencapai sasaran selaras dengan dasar kerajaan.

JAWAPAN:
Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited dalam usaha memastikan golongan orang kurang upaya (OKU) mendapat kesaksamaan hak dan peluang, sama seperti anggota masyarakat yang lain dalam semua aspek kehidupan, termasuk akses kepada pekerjaan, sama ada dalam sektor awam mahupun swasta. Perkara ini penting dalam usaha Kerajaan memperkasakan OKU bagi membolehkan mereka hidup berdikari dan bersama-sama menyumbang kepada pembangunan negara.

Usaha menyediakan akses pekerjaan kepada OKU adalah selaras dengan peruntukan yang termaktub dalam Seksyen 29, Akta OKU 2008 dan Artikel 27 Konvensyen Mengenai Hak OKU yang telah diratifikasi oleh negara pada 19 Julai 2010. Akses kepada pekerjaan juga merupakan salah satu daripada strategi utama yang digariskan dalam Dasar dan Pelan Tindakan OKU.

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan OKU dalam sektor pekerjaan khususnya dalam sektor awam, Kerajaan telah memperkenalkan Dasar 1% Peluang Pekerjaan di Sektor Awam Kepada OKU pada tahun 1988. Bagi memastikan keberkesanan pencapaian pelaksanaannya, Dasar 1% Peluang Pekerjaan ini telah diperkukuhkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 yang mula berkuat kuasa pada 15 Disember 2010. Usaha ini merupakan inisiatif Kerajaan untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor awam kepada golongan OKU yang berkelayakan.

Secara amnya, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 ini menetapkan bahawa setiap agensi Kerajaan hendaklah memastikan pengambilan sekurang-kurangnya 1% OKU daripada jumlah pegawai/kakitangannya dilaksanakan dalam agensi tersebut. Dasar ini diperluaskan kepada pegawai awam yang dilantik melalui pelantikan secara tetap, sementara, kontrak atau apa-apa kaedah pelantikan yang berkuat kuasa. Dalam hal ini, setiap kementerian bertanggungjawab melaksana dan memantau secara dalaman pelaksanaan Dasar 1% Peluang Pekerjaan di Sektor Awam kepada

OKU dalam organisasi dan agensi di bawahnya agar matlamat Dasar ini dicapai.

Berdasarkan rekod Jabatan Perkhidmatan Awam sehingga bulan Disember 2011, seramai 1,686 OKU iaitu 0.1% daripada bilangan perjawatan dalam sektor awam telah diambil berkhidmat di pelbagai kementerian/jabatan/agensi Kerajaan termasuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dalam pelbagai kumpulan perkhidmatan iaitu dari Kumpulan Sokongan II sehingga Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Berdasarkan data ini, sebanyak 2 buah kementerian telahpun mencapai sasaran 1% OKU di organisasi masing-masing iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Berhubung Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pula, sebanyak 1.19% (atau 98 orang pegawai dan kakitangan) daripada 8,243 jumlah keseluruhan perjawatan di Kementerian ini telah diisi oleh penjawat awam dalam kalangan OKU.

Bagi meningkatkan peluang pekerjaan dan menggalakkan penggajian

OKU dalam sektor swasta pula, Kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Kementerian Sumber Manusia telah mewujudkan 'Sistem Penempatan Orang Kurang Upaya' (SPOKU). Sistem ini membolehkan padanan pekerjaan dibuat antara calon OKU dengan jawatan yang bersesuaian di sektor swasta.

Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, bagi tempoh tahun 1990 hingga tahun 2011, seramai 13,339 OKU telah berdaftar untuk mencari pekerjaan dalam sektor swasta melalui SPOKU. Daripada jumlah tersebut, sehingga akhir tahun 2011, seramai 9,074 (68%) OKU telah berjaya mendapat pekerjaan dan ditempatkan di pelbagai sektor pekerjaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat percaya masih ramai lagi OKU yang bekerja tidak melalui SPOKU. Ini ialah kerana jumlah OKU yang menerima pelepasan cukai pendapatan individu daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi tahun taksiran 2009 adalah seramai 35,604 orang.

Terkini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memperkenalkan Perkhidmatan *Job Coach* kepada OKU untuk mendapatkan pekerjaan dan kekal dalam pekerjaan tersebut. Seramai 369 orang yang terdiri daripada pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Tenaga Kerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta yang meliputi pegawai sumber manusia dalam sektor perhotelan, peruncitan dan perkilangan telah dilatih sebagai *Job Coach*. Seterusnya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan *Job Coach* di setiap kawasan Parlimen di mana Kementerian ini mensasarkan seramai 222 orang *Job Coaches* dilatih menjelang penghujung tahun 2012.

Sejak perkhidmatan *Job Coach* diperkenalkan, seramai 136 OKU telah berjaya dibantu untuk mendapat pekerjaan dan kekal dalam pekerjaan mereka. Perkhidmatan ini dijalankan secara pendekatan perkongsian pintar dengan NGO dan juga sektor swasta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

JAWAPAN :

RAKYAT PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN

[AMPANG]

TARIKH 13 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

**YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal Akta Kesetaraan Gender sebagai penambahbaikan kepada undang-undang anti diskriminasi yang sedia ada serta memperketatkan pelaksanaan Akta Gangguan Seksual bagi mengelakkan jenayah dan gangguan terhadap wanita daripada terus berlaku.
Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN :

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sentiasa memperjuangkan agenda kesaksamaan gender sejak penubuhannya pada tahun 2001. Langkah pertama yang diambil ialah meminda Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan dengan memasukkan perkataan gender untuk menjamin tidak ada sebarang diskriminasi berasaskan gender.

Buat masa ini, KPWKM tidak bercadang untuk menggubal Akta Kesaksamaan Gender memandangkan undang-undang sedia ada sedang dikaji semula untuk ditambah baik bagi memastikan tiada unsur diskriminasi terhadap wanita selaras dengan peruntukan di bawah Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman, antara undang-undang yang telah pun dipinda dengan mengambil kira perspektif kesaksamaan gender adalah:

- (i) pindaan kepada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 bagi membolehkan isteri atau bekas isteri atau waris kadim peneroka menjadi pemilik bersama tanah berkelompok;
- (ii) pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bagi membolehkan balu yang berkahwin semula terus mendapat pencen ilat;
- (iii) pindaan kepada Peraturan Imigresen bagi membenarkan lelaki atau wanita asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia memperbaharui pas lawatan sosial mereka sehingga lima tahun;
- (iv) peraturan baru secara pentadbiran penerimaan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia bagi anak yang lahir di luar negara oleh wanita bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki warga asing di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan oleh pegawai konsuler di kedutaan Malaysia luar negara;

- (v) pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 pada tahun 2011 bagi meluaskan definisi keganasan rumah tangga daripada hanya kecederaan fizikal kepada turut merangkumi penderaan emosi, mental dan psikologi serta mempertingkatkan perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga;

- (vi) Peraturan-Peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010 bagi menjamin hak dan perlindungan pekerja separa masa termasuk bayaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), bayaran kerja lebih masa dan cuti rehat. Penguatkuasaan peraturan ini memberi faedah kepada suri rumah, ibu tunggal, pesara dan orang kurang upaya yang ingin bekerja separa masa; dan

- (vii) pindaan kepada Akta Pencen 1980 pada tahun 2002 bagi membolehkan balu pesara Kerajaan yang berkahwin semula terus mendapat pencen.

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Malaysia tidak mempunyai satu Akta Gangguan Seksual. Namun, sebarang kes gangguan seksual boleh diajukan secara perundangan di bawah Seksyen 354, Seksyen 355, Seksyen 377D dan Seksyen 509 Kanun Keseksaan. Selain itu, Akta Kerja 1955 yang dipinda oleh Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2011 mempunyai peruntukan khas bagi menangani isu gangguan seksual di tempat kerja. Pindaan ini menekankan bahawa Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja boleh mengambil tindakan kepada mana-mana majikan yang gagal menjalankan siasatan yang melibatkan kes gangguan seksual di tempat kerja yang diajukan kepadanya. Bagi sektor awam pula, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2005, mengenai Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam telah dikuatkuasakan pada 26 Ogos 2005. Pelaksanaan garis panduan ini bertujuan mendidik, memberi kefahaman dan juga sebagai tindakan pencegahan bagi mengelakkan perbuatan salah laku yang boleh dikategorikan sebagai gangguan seksual.

Isu kesaksamaan gender dan jenayah gangguan seksual tidak boleh ditangani semata-mata dengan menggunakan akta atau perundangan

yang khusus. Apa yang lebih penting ialah didikan berpanjangan di kalangan anggota masyarakat mengenai peranan dan keperluan yang berbeza antara wanita dan lelaki serta kesan diskriminasi dan perlakuan gangguan

seksual terhadap mangsa, tanpa mengira kedudukan dan tahap pendidikan.

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **DATO' ISMAIL BIN KASIM**
 [ARAU - BN]

TARIKH **13 JUN 2012 (RABU)**

SOALAN NO. 47

Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi meningkatkan peranan belia bagi menentukan masa depan negara khususnya dari segi inisiatif pembabitan, penyertaan dan pengupayaan belia.

SULIT

JAWAPAN

1. Kementerian sentiasa berusaha untuk mengenai pasti inisiatif terbaik bagi pembangunan belia agar dapat memenuhi keperluan, kehendak, cita rasa dan aspirasi golongan belia masa kini. Program Transformasi Belia yang sedang dilaksanakan merupakan salah satu daripada usaha tersebut. Dengan pelaksanaan enam inisiatif utama iaitu *MyPark*, Parlimen Belia Malaysia, *VyRec*, *Youth Icons*, *MyCorps* dan juga *Perdana Leader Fellowship*, diharap mampu menjadikan pembangunan belia seiring dengan kemajuan negara serta mampu bersaing di peringkat antarabangsa.
2. Kementerian turut memberi penekanan terhadap pembangunan modal insan (pengupayaan belia) menerusi 20 buah IKBN yang terdapat di seluruh negara dengan menawarkan pelbagai kursus/program kemahiran. Pada tahun 2012, lebih 11,000 orang

SULIT

JAWAPAN

belia sedang mengikuti kursus-kursus kemahiran di IKBN.

FEMBERITAHU PERTANYAAN! DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]

TARIKH : 13 JUN2012

SOALAN:

Y.B. Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan sebab-sebab SJKC Bukit Serdang, SJKC Sungai Long dan SJKC Kajang Utama dikategori sebagai sekolah bantuan kerajaan walaupun tapak sekolah-sekolah tersebut adalah milikan Kerajaan Pusat.

JAWAPAN

Soalan No : 43

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Ketiga-tiga SJKC baru iaitu SJKC Sungai Long, SJKC Kajang dan SJKC Bukit Serdang merupakan sekolah bantuan kerajaan. Untuk makluman, semua isu berkaitan pembinaan SJKC Sungai Long, SJKC Kajang dan SJKC Bukit Serdang telah diselesaikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan projek ini sedang dalam pelbagai peringkat proses pelaksanaan.

Rjm20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
[JERAI]

TARIKH 13 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

YB Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan statistik kelahiran anak luar nikah di kalangan orang Islam bagi
tempoh 2007-2011 dan nyatakan langkah-langkah bagi membendung gejala
ini dan keberkesanannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius akan kejadian kelahiran anak luar nikah atau anak tak sah taraf di seluruh negara. Usaha membanteras gejala ini memerlukan kerjasama semua pihak dan tidak terletak di bahu KPWKM semata-mata.

Berdasarkan statistik Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), bilangan kelahiran anak luar nikah atau anak tak sah taraf meningkat dari setahun ke setahun iaitu seramai 44,234 orang bagi tahun 2007, 46,822 orang (tahun 2008), 52,378 orang (tahun 2009), 52,982 orang (tahun 2010) dan seramai 53,788 orang (tahun 2011). Sehubungan itu, jumlah keseluruhan kelahiran anak luar nikah bagi tempoh lima (5) tahun tersebut ialah seramai **250,204** orang.

Daripada jumlah keseluruhan dalam tempoh 5 tahun tersebut, bangsa Melayu mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu seramai 84,594 orang berbanding bangsa India seramai 24,446 orang dan Cina seramai 21,873

orang. Manakala bagi lain-lain bangsa pula, jumlah yang dicatatkan bagi tempoh tersebut adalah seramai 119,291 orang.

Berdasarkan kerja kes yang dijalankan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat, antara sebab utama berlakunya kelahiran anak luar nikah adalah seperti berikut:

- i) Pengaruh rakan sebaya;
 - ii) Rela melakukan hubungan seks tanpa paksaan;
 - iii) Tidak mempunyai pengetahuan kesihatan reproduktif dan seksual;
 - iv) Kurangnya perhatian ibu bapa;
 - v) Membuktikan cinta kepada pasangan;
 - vi) Menonton video dan laman web lucah hingga mendorong melakukan hubungan seks;
 - vii) Kurangnya didikan agama;
 - viii) Ingin mencuba; dan
 - ix) Diperkosa.
- Tuan Yang di-Pertua,

KPWKM telah mengambil langkah-langkah berikut bagi menangani isu kelahiran anak luar nikah:

- i) menggubal Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan pada tahun 2009. Dasar dan Pelan Tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan di kalangan masyarakat terutama ibu bapa dan remaja berhubung kesihatan reproduktif dan kesan negatif akibat perlakuan seksual di luar nikah;
- ii) KPWKM juga telah melancarkan kempen Kami Prihatin dengan kerjasama Kumpulan Utusan Malaysia, Persatuan Karyawan dan Astro Holdings Sdn. Bhd. pada bulan April tahun 2010. Kempen tersebut yang dijalankan secara berterusan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat, termasuk pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi untuk bersama-sama menangani kelahiran anak luar nikah;
- iii) KPWKM menerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menjalin kerjasama strategik dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) bagi mengintegrasikan modul Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PKRS) ke dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Modul ini menekankan aspek menghindari

situasi berisiko tinggi, kemahiran dan teknik penanguhan serta kemahiran penolakan kepada pelatih. Semenjak tahun 2011 sehingga Mac 2012, seramai 84,376 orang pelatih PLKN di 84 kem PLKN seluruh negara telah mendapat pendidikan tersebut. Bagi tahun 2012, lebih kurang 100,000 orang pelatih akan mengikut modul berkenaan;

- iv) Pusat Remaja Kafe@TEEN yang dibuka oleh LPPKN menyediakan khidmat sokongan untuk remaja yang menghadapi masalah dan memerlukan bantuan menerusi Pusat Remaja kafe@TEEN. Sebanyak 6 pusat remaja kafe@TEEN iaitu di Ibu Pejabat LPPKN (Kuala Lumpur), Bertam (Pulau Pinang), Jalan Burmah (Pulau Pinang), Lembah Pantai (Kuala Lumpur), Seremban 2 (Negeri Sembilan) dan Kota Bharu (Kelantan) telah diwujudkan. Kafe@TEEN mensasarkan golongan remaja berumur antara 13 hingga 24 tahun bagi memberi maklumat berkaitan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling kepada remaja. Antara aspek yang diberi tumpuan ialah hubungan dalam keluarga dan perhubungan antara jantina di samping khidmat nasihat klinikal dan program kemahiran hidup. Program *outreach* kafe@TEEN di sekolah-sekolah dan komuniti setempat ini

telah berjaya mendekati seramai 427,677 orang remaja melalui 5,765 program/aktiviti dari bulan November 2005 hingga bulan April 2012;

- v) menyediakan talian perkhidmatan iaitu Talian Nur 15999 bagi membantu mereka yang mengandung luar nikah mendapatkan khidmat kaunseling serta mendapatkan bantuan tanpa hadir secara fizikal, termasuk untuk mendapatkan perlindungan; dan
- vi) LPPKN juga, berdasarkan perakuan di bawah Pelan Tindakan Kesihatan Reproduktif dan Sosial, telah membangunkan Modul Cakna Diri (Edisi Remaja dan Edisi Ibu Bapa) yang bertujuan untuk memberi panduan kepada remaja serta ibu bapa dalam memahami perkembangan remaja dan meningkatkan kemahiran untuk menangani tingkah laku yang berisiko khususnya berkaitan seksualiti.

Sebagai kesimpulan, langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan dengan kerjasama semua pihak yang berkepentingan, diharapkan dapat mengurangkan gejala kelahiran anak luar nikah dan seterusnya dapat dibendung daripada berterusan.

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN (51)

TARIKH : 13 JUN 2012 (RABU)
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
DARIPADA : Y.B DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL
[LABUAN]

SOALAN

Y.B DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL [LABUAN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan terdapat perancangan oleh Kementerian untuk membina rumah kos rendah di bawah Program Perumahan Rakyat di Labuan bagi menampung pertambahan penduduk dan keperluan rakyat di Labuan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengenalpasti tapak yang sesuai bagi pembangunan projek PPR di Labuan. Lanjutan daripada itu, Kementerian akan menyenaraikan permohonan bagi melaksanakan projek PPR di Labuan ini di dalam senarai projek baru di bawah *Rolling Plan* Ke-3, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2012

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TENG BOON SOON

KAWASAN : TEBRAU

TARIKH : 13.6.2012 (RABU)

NO. SOALAN : 51

minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jenis dan bilangan kilang kimia di negara kita serta sumbangan terhadap ekonomi negara. Bagaimana operasi kilang kimia ini dikawal dan dipantau supaya tidak mencemarkan sumber air, udara dan alam sekitar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini, 1,066 kilang kimia dan produk kimia dan 193 kilang produk petroleum (termasuk petrokimia) telah diluluskan lesen pengilang oleh MITI. Kilang-kilang ini mempunyai 54,209 orang pekerja (43,744 orang untuk kimia dan produk kimia dan 10,465 orang untuk produk petroleum, termasuk petrokimia). Pada tahun 2011, jumlah jualan produk petroleum (termasuk petrokimia) adalah sebanyak RM12.3 bilion, manakala jumlah eksport pula menyumbang sebanyak RM30.1 bilion. Jumlah pelaburan kilang-kilang ini adalah RM71.6 bilion, merangkumi RM38 bilion pelaburan tempatan (53%) dan RM33.6 bilion pelaburan asing (47%).

Operasi kilang-kilang ini dikawal dan dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) supaya tidak mengakibatkan pencemaran sumber air, udara dan alam sekitar. Bagi loji-loji kimia yang besar, termasuk loji penapisan minyak mentah dan loji petrokimia, satu Laporan Kesan Ke Atas Alam Sekeliling (EIA) perlu dijalankan oleh syarikat, termasuk mendapatkan pandangan daripada orang ramai sebelum kelulusan diberikan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk beroperasi.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
PERTANYAAN DARI
DEWAN RAKYAT
DARIPADA
JAWAB LISAN
TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]
TARIKH
13 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

Tuan Chua Tian Chang [52 Batu] minta MENTERI
PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN
menyatakan

- (a) sama ada Kementerian akan melaksanakan bayaran sebanyak 6% cukai perkhidmatan ke atas kad pra-bayar (*prepaid card*) pada masa kelak. Jika ya, apakah sebab; dan
- (b) berapakah kes aduan diterima oleh SKMM dan berapakah kes siasatan telah dijalankan terhadap *blogger, portal online* berita dan sebagainya sejak tahun 2005 sehingga kini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak dikuatkuasakan pada tahun 1998 oleh Kementerian Kewangan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975, syarikat telekomunikasi telah membayar cukai perkhidmatan bagi pihak pengguna telefon bimbit prabayar. Manakala, pada masa yang sama,

SOALAN NO: 52

pelanggan perkhidmatan telefon bimbit pascabayar masing-masingnya telah membayar cukai perkhidmatan yang sama semenjak ia dikuatkuasakan.

Isu pengenaan cukai perkhidmatan bagi talian telefon bimbit prabayar masih dalam proses penelitian oleh Kementerian ini bersama dengan Kementerian Kewangan dan syarikat-syarikat telekomunikasi demi mencari jalan penyelesaian yang terbaik serta tidak membebankan pengguna. Syarikat-syarikat telekomunikasi juga bersetuju untuk menanggungkan pengenaan caj cukai perkhidmatan enam peratus tersebut. Dengan itu, syarikat telekomunikasi masih terus membayar caj cukai perkhidmatan tersebut bagi pihak pengguna talian telefon bimbit prabayar sepertimana yang dilaksanakan secara sukarela semenjak tahun 1998.

Berhubung aduan atau siasatan yang telah dijalankan terhadap penulis blog dan berita atas talian ini, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan melalui agensi-agensi di bawahnya sentiasa menjalankan program untuk memperjelaskan dasar-dasar Kerajaan untuk mengelakkan kekeliruan yang mungkin timbul akibat maklumat salah yang diketengahkan oleh penulis-penulis blog. Program-program tersebut mengambil kira penggunaan media arus perdana dan media baru. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menyiasat dan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan dari semasa ke semasa. Jumlah kes aduan yang diterima sejak 2005 sehingga Mei 2012 ialah sebanyak 2789 kes.

SOALAN NO: 52

Daripada jumlah tersebut, SKMM telah menyiasat sejumlah aduan berkaitan media baru mulai tahun 2009 sehingga 2011 adalah sebanyak 41 kes berkaitan *blogspot*, 8 kes berkaitan laman sosial *facebook* dan *twitter* dan 77 kes berkaitan laman web.

i/0-SoALAtJ'. Si
NO-AUM-^54-

NQ. AUF" :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]
TARIKH 13 JUN 2012
RUJUKAN 4976

SOALAN:

Dato* Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa Kerajaan enggan memberikan kewarganegaraan kepada mereka yang dilahirkan di Malaysia dan tidak pernah ke luar negara sungguhpun mereka telah memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Beruas yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, adalah dijelaskan bahawa penganugerahan taraf kewarganegaraan Malaysia bagi penduduk tetap adalah dibuat berdasarkan permohonan yang dikemukakan di Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia dan bukannya secara automatik apabila telah memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Oleh yang demikian, pemberian taraf kewarganegaraan ini bukanlah merupakan satu hak yang boleh dituntut oleh mana-mana warga asing yang telah memenuhi syarat kelayakan sebaliknya ianya adalah merupakan anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia kepada warga asing yang telah bermastautin di Malaysia untuk tempoh-tempoh yang tertentu sepertimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kementerian juga ingin menegaskan bahawa mana-mana penduduk tetap yang telah memenuhi syarat kelayakan asas tidak semestinya akan dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia. Setiap permohonan yang diterima akan diteliti dan diberi pertimbangan sewajarnya dengan mengambil kira faktor-faktor lain yang berkaitan dengan pembangunan, kesejahteraan dan keselamatan negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **TARIKH**
 LISAN
DARIPADA **YB. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN**
 WAN ABDULLAH
KAWASAN **KOTA BHARU 13 JUN 2012 (RABU)**

SOALAN:

YB. DATO¹ HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH (KOTA BHARU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bila tarikh sebenar **Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra Kota Bharu** akan dibuka untuk kegunaan pengguna jalan raya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2012 kemajuan keseluruhan fizikal projek membina Jambatan ke-2 Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan ialah 85%, iaitu mengikut penjadualan semula. Berdasarkan kelulusan Tempoh Lanjutan Masa (EOT) terkini, projek ini sepatutnya perlu disiapkan selewat-lewatnya sebelum atau pada 30 Ogos 2012. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini dijangka akan mengalami kelewatan disebabkan oleh beberapa isu teknikal yang melibatkan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak kontraktor, antaranya ialah isu penanaman cerucuk dalam sungai. Oleh itu, pihak kontraktor sedang dalam proses untuk mengemukakan permohonan EOT tambahan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR). Sehubungan itu, tempoh siap sebenar projek ini akan hanya dapat ditentukan setelah JKR meneliti cadangan penjadualan projek yang baru yang akan dipohon oleh pihak kontraktor itu.

Sekian, terima kasih.

dan *fleet card* yang diluluskan), sektor perikanan (melalui e-diesel) dan pengangkutan sungai (bagi Sabah dan Sarawak). Ianya adalah bertujuan untuk kemudahan rakyat menikmati harga sedia ada bagi perkhidmatan yang dijalankan oleh sektor berkenaan. Bagi sektor industri yang menggunakan minyak sebagai bahan asas ianya mendapat bekalan minyak dengan harga industri yang tidak bersubsidi.

- b) Pemantauan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi membendung penyeludupan minyak bersubsidi adalah seperti berikut:
- i. mewartakan minyak petrol RON95 dan diesel sebagai barang larangan eksport di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011;
 - ii. mengeluarkan arahan kepada semua stesen minyak jualan diesel hanya untuk tangki kenderaan sahaja tanpa melalui bekas atau tong kecuali atas kebenaran Pengawal melalui Permit Barang Kawalan Berjadual;
 - iii. mempertingkatkan pemantauan dan pemeriksaan ke atas stesen- stesen minyak dan juga sektor industri yang menggunakan diesel

sebagai bahan asas bagi memastikan punca belian bukan daripada stesen minyak;

melakukan audit jualan di stesen-stesen minyak dan membuat pemeriksaan lanjut sekiranya kuantiti jualan meragukan;

menempatkan 276 orang anggota RELA di 45 buah stesen minyak di Negeri Kelantan, Perak, Kedah dan Perlis untuk membendung pengaliran diesel atau petrol ke Negara Thailand;

mengarahkan stesen-stesen minyak menghantar laporan belian dan jualan harian bagi tujuan menetapkan kuota jualan dan pengesanan penyelewengan; dan

mengujudkan perkongsian pintar dengan Agensi-Agensi Penguatkuasaan lain seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Kastam DiRaja Malaysia (KDRM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di pintu keluar masuk negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE
[SETIAWANGSA]

TARIKH : 13 JUN 2012

SOALAN:

Soalan No : ^€f

Y.B. Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan apakah usaha Kerajaan di dalam pembangunan sesi persekolahan satu sesi (pagi sahaja) memandangkan terdapat masalah di kalangan ibu bapa yang terpaksa menghantar anak-anak mereka ke sekolah dua sesi (pagi dan petang) pada ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menjadikan sernua sekolah beroperasi dalam satu sesi persekolahan (pagi sahaja). Walau bagaimanapun, KPM menghadapi masalah perolehan tapak bagi pembinaan sekolah baru terutama di kawasan bandar yang berpenduduk padat. KPM tidak mempunyai tapak untuk pembangunan sekolah di kawasan seperti ini contohnya di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Antara kekangan dalam melaksanakan sekolah satu sesi ialah:

- i. Peruntukan yang tinggi untuk menambah bilangan bilik darjah;
- ii. Masalah pengambilan tanah untuk membina bangunan tambahan, terutama di kawasan bandar;

Kawasan sekolah yang terlalu kecil yang tidak boleh menampung bilangan murid yang ramai; dan

Masalah yang dihadapi oleh murid yang mengikuti Sekolah Agama yang dikelolakan oleh Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN LIANG TECK MENG

[SIMPANG RENGGAM]

JAWAPAN :

TARIKH 13 JUN 2012

RUJUKAN 4977

SOALAN:

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan rancangan dan tindakan polis bagi memerangi kegiatan-kegiatan kongsi gelap khususnya yang melibatkan kes-kes serius seperti pembunuhan dan pergaduhan secara berkumpulan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Simpang Renggam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, adalah tidak dinafikan wujudnya beberapa kumpulan haram di seluruh negara. Walaubagaimanapun melalui pemantauan yang menyeluruh PDRM beberapa kumpulan haram telah berjaya dibendung. Namun begitu masih lagi terdapat beberapa kumpulan yang masih aktif tetapi pihak PDRM sentiasa mengadakan operasi dan pemeriksaan yang bersifat '*Harassment*' dari masa ke semasa ke atas ahli-ahli kumpulan haram ini yang bertujuan supaya kumpulan haram ini dapat dibanteras sehingga akar umbi. Antara langkah yang diambil oleh pihak PDRM adalah seperti rondaan pencegahan dan '*harassment*' serta aktiviti risikan yang kerap di lokasi-lokasi pergerakan kumpulan kongsi gelap / samseng serta

membuat dokumentasi. Bagi kes-kes jenayah kekerasan seperti pembunuhan, pergaduhan dan lain-lain jenayah yang melibatkan kumpulan Kongsi Gelap ataupun mana-mana individu, dengan adanya bukti yang kukuh maka pihak polis akan menangkap dan mendakwa mereka di bawah undang-undang Kanun Keseksaan seperti di bawah Sek.302 KK, 147-148 KK, 323-326 KK dan lain-lain serta di bawah Akta Pertubuhan 1966.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada operasi dan pemantauan yang dilakukan, pihak PDRM juga turut mengadakan aktiviti kesedaran masyarakat untuk membendung kecenderungan masyarakat terutamanya golongan remaja dari merapatkan diri mereka kepada kumpulan kongsi gelap ini. PDRM juga telah menempatkan pegawai polis sebagai Pegawai Perhubungan Sekolah untuk berkerjasama dengan pihak sekolah bagi membendung gangsterisme di sekolah. Melalui cara ini juga, pihak polis boleh mendapatkan maklumat berkaitan perkara ini dengan mudah dan tepat. Pihak PDRM juga sering mengadakan ceramah dan pameran berkaitan kegiatan buli dan gangsterisme di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Melalui pendekatan ini, ianya akan menyedarkan pelajar-pelajar tentang bahayanya penglibatan mereka di dalam kegiatan jenayah buli dan gangsterisme. Pelajar-pelajar juga dapat didedahkan tentang undang-undang berkaitan yang boleh diambil tindakan oleh pihak berkuasa.

SOALAN NO: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN

TARIKH: 13 JUN 2012

SOALAN:

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik purata gaji graduan muda mengikut bidang kerjaya. Adakah analisis dibuat bagi mengkaji gaji-gaji graduan supaya ia selaras mengikut kadar inflasi negara.

PR-1252-L50892

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut statistik Kajian Pengesanan Graduan Institusi Pengajian Tinggi (SKPG1) atau Tracer Study bagi tahun 2011 yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi mendapati bahawa 39.6% graduan yang menyertai pasaran buruh menerima gaji sekitar RM2,001-RM3,000. Ini diikuti oleh 34.2% graduan yang menerima gaji diantara RM1,001-RM2,000 dan sebanyak 18.8% graduan menerima gaji RM3,001 dan ke atas. Sementara itu, didapati

bahawa sebanyak 7.5% graduan menerima gaji RM1.000 dan ke bawah.

Jadual 1: Pendapatan Siswazah dengan Ijazah Pertama, 2011

| | RM1,000 dan ke bawah | | , RM 1,001 - RM2.000 | | RM2,001 - RM3,000 | | RM3,001 dan ke atas | |
|-------------------------------------|----------------------|-----|----------------------|------|-------------------|------|---------------------|------|
| | bilangan | % | bilangan | % | bilangan | % | bilangan | % |
| Pekerja Mahir dengan Ijazah Pertama | 2,824 | 7.5 | 12,951 | 34.2 | 14,999 | 39.6 | 7,127 | 18.8 |

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi

Tuan Yang di-Pertua,

2. Penentuan kadar gaji di kalangan graduan adalah ditentukan oleh permintaan dan penawaran pasaran buruh disamping terdapat *collective agreement* diantara majikan dan pekerja yang turut mengambilkira kelayakan akademik dan pengalaman seseorang. Disamping itu, penentuan kadar gaji juga turut berasaskan kemahiran kritikal, produktiviti dan kos sara hidup semasa dimana kadar inflasi negara adalah merupakan indikator utama.

NO

SOALA

N :

PEMBE

RITAH

UAN

DARIPADA

: Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN

PERTA

HAMZAH (JASIN)

NYAAN

PERTANYAAN : LISAN

DEWA

N

: 13.06.2012

TARIKH

RAKYA

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Malaysia bakal menghadapi risiko penurunan gred penarafan kredit ekoran tahap hutang negara yang tinggi dan terus meningkat dalam tempoh yang berterusan dan sekiranya berlaku penurunan apakah pula kesannya ke atas ekonomi dan kewangan negara dalam tempoh jangka panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Jasin serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Machang yang dijadualkan untuk dijawab pada 21 Jun 2012 kerana menyentuh perkara yang sama.

2. Kerajaan akan terus berusaha untuk memastikan penarafan antarabangsa atau *sovereign rating* (dengan izin) Kerajaan Persekutuan kekal baik. Penarafan antarabangsa mengukur kemampuan dan keupayaan Kerajaan untuk membayar balik hutang mengikut jadual. Pada masa ini, Moody's Investors Service telah memberikan penarafan >43 (*stable*) kepada Kerajaan Persekutuan bagi *long-term foreign currency rating*. Manakala Standard and

Poor's pada 7 Jun 2012 telah mengekalkan penarafan tersebut pada >4- (*stable*). Ini adalah selaras dengan kemampuan kewangan Kerajaan Persekutuan yang baik bagi membayar balik hutang. Penarafan antarabangsa yang baik adalah penting bagi memastikan tiada peningkatan kos dalam membuat pinjaman yang baru.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2011, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM456.1 bilion atau 51.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Kemampuan membayar balik hutang kekal kukuh dengan jumlah bayaran khidmat hutang berada pada paras 9.6 peratus daripada hasil dan 9.7 peratus daripada perbelanjaan mengurus pada tahun 2011.

4. Kerajaan akan terus mengamalkan pengurusan hutang yang berhemat selaras dengan kemampuan untuk membayar balik hutang. Antara langkah utama yang diambil ialah memastikan paras defisit dan hutang terus terkawal. Kerajaan komited untuk memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55 peratus daripada KDNK.

5. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus, kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal akan diberikan perhatian bagi memastikan kedudukan fiskal yang mampan dan asas makroekonomi yang kukuh. Defisit fiskal telah dapat dikurangkan kepada 4.8 peratus daripada KDNK pada tahun 2011 berbanding dengan 5.4 peratus pada tahun 2010. Pada tahun 2012, defisit fiskal dijangka berkurangan kepada 4.7 peratus dan disasarkan berada di bawah 3.0 peratus pada akhir tahun 2015.

6. Bagi mencapai sasaran defisit fiskal, tumpuan akan terus diberikan untuk mengawal perbelanjaan dan meningkatkan sumber hasil. Perbelanjaan Kerajaan akan dibuat selaras dengan kemampuan hasil Kerajaan. Peruntukan perbelanjaan akan disemak dengan teliti termasuk mengurangkan perbelanjaan yang bukan kritikal. Nilai setara atau *value for money* (dengan izin) dalam perolehan Kerajaan akan terus diberi penekanan. Perancangan dan pelaksanaan serta penyediaan siling program dan projek di bawah Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMKe-10) secara *rolling* setiap dua tahun

dan pengurusan nilai dalam perbelanjaan pembangunan juga akan membantu memperkukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan.

7. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan akan terus dirancang, dipantau dan dikawal dengan baik dan bertanggungjawab. Kerajaan mempunyai prosedur, peraturan dan rancangan pengurusan kewangan yang baik dan teratur. Kerajaan komited untuk mengurangkan defisit fiskal serta mengawal jumlah hutang pada paras yang terurus.

4

2. Sehubungan itu, suatu Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu telah diperkenalkan pada Januari 2011 di mana penyelarasan premium insurans motor dilaksanakan secara beransur-ansur dan pada jumlah yang kecil selama empat tahun supaya tidak membebankan golongan rakyat berpendapatan rendah. Penyelarasan tersebut adalah perlu memandangkan kadar premium di bawah Tarif Motor tidak pernah dikaji semula selama lebih 30 tahun untuk mencerminkan profil risiko dan kekerapan tuntutan yang lebih tinggi pada

AN: (YB. DATO³ SERFI IIOHASIEID MAIMS BM ABDUL AZIZ CENTERS DI
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri hanya bertanggungjawab ke atas pengurusan ruang parkir di Bangunan Kerajaan yang berstatus gunasama dan juga Bangunan Gunasama Persekutuan di negeri-negeri sahaja atas dasar bangunan-bangunan gunasama tersebut adalah di bawah bidang kuasa BPH. Bagi Pejabat-pe

^{l'fe}
i'oi lfv-

Datuk Eric Enchin Hajimbyn | Sepanggar | minta PERDANA SIEMTEIRS menyatakan kedudukan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai penduduk terdiri daripada orang asing yang memiliki dokumen kerakyatan Malaysia khususnya di Sabah yang diluluskan oleh Kabinet. Apakah tindakan Kerajaan terhadap buku "Projek I/C di Sabah" yang diterbitkan oleh M. J. Mutalib dan Dr. Chong Eng Leong tentang pemstafin kad pengenalan.

- i) « W i D A T O ⁵ SERB MOHAHED NAZRI ABDUL AZBZ Tuan

Yang cli-Pertua,

2. Bagi memastikan tujuan Suruhanjaya ini ditubuhkan tercapai dengan sepenuhnya, maka Kerajaan perlu memastikan terma rujukan yang ditefapkan adalah menyeluruh supaya masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah ini dapat diselesaikan secara komprehensif. Selain itu, anggota Suruhanjaya ini

NO. SOALAN: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [TENGGARA]

TARIKH : 13JUN2012

SOALAN

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah Projek Loji Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang dengan nilai pelaburan sebanyak RM120 bilion sebagai sebahagian Program Transformasi Ekonomi mampu membawa impak dan perubahan besar kepada taraf sosioekonomi rakyat terutama di Johor.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan PETRONAS bagi pembangunan projek RAPID bakal memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan Pendapatan Kasar Negara serta bakal menyediakan lebih kurang 40,000 peluang pekerjaan semasa proses pembinaan dan 4,000 pekerjaan tetap selepas ia siap dibina. Projek RAPID juga bakal memacu sektor ekonomi di kawasan Pengerang antaranya adalah sektor perniagaan, logistik, perbankan, pelancongan, industri kecil dan sederhana dan pembangunan komersil dan rekreasi.

DAFTARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 13JUM2012

SQALAM :

Tuan Karpa! Singh [Bukit Gelugor] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapa tidak ada hakim Malaysia yang berketurunan India di Mahkamah Persekutuan walaupun terdapat hakim-hakim tersebut di Mahkamah Rayuan yang layak untuk memegang pangkat sebagai hakim di Mahkamah Persekutuan.

NO. SOALAN: C1

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan hakim-hakim dibuat berdasarkan kriteria pemilihan yang digunakan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) seperti berikut:

- (i) integriti, kompetensi dan pengalaman;
- (ii) objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik;
- (iii) ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang;
- (iv) kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; dan
- (v) kesihatan fizikal dan mental.

2. Dalam hubungan ini, Suruhanjaya sentiasa memberi perhatian untuk menggalakkan kepelbagaian kepakaran dan pengetahuan undang-undang dalam badan kehakiman tanpa mengira bangsa dan keturunan.

3. Bagi tujuan ketelusan, pemilihan hakim-hakim untuk ke jawatan kenaikan pangkat adalah dibuat secara undi sulit oleh Suruhanjaya dan mereka yang dipilih adalah berdasarkan keputusan majoriti.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH

SOALAN NO: 63

YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN TAN TEE BENG
[NIBONG TEBAL]
TARIKH 13 JUN 2012
SOALAN

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah Kementerian mempunyai sebarang kaedah ataupun panel pakar-pakar yang bebas bagi memantau produk-produk yang diimport dari China di mana bahan-bahan yang digunakan mungkin memudaratkan kesihatan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua

Bagi mengawal dan memantau peranti perubatan yang dipasarkan di negara ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menggunakan kaedah perundangan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737). Di bawah akta ini, semua peranti perubatan perlu didaftarkan sebelum dibenarkan untuk dipasarkan di negara ini. Melalui kaedah pendaftaran ini, hanya peranti perubatan (termasuk peranti perubatan yang diimport dari China) yang telah memenuhi keperluan asas keselamatan dan keberkesanan sahaja yang akan didaftarkan.

Untuk makluman, Akta 737 telah diwartakan pada awal tahun 2012 dan akan dikuatkuasakan pada penghujung tahun 2012. Selepas tarikh kuatkuasa akta ini diwartakan, syarikat-syarikat yang mengeluarkan, mengimport dan mengedar peranti perubatan di Malaysia diberi tempoh peralihan selama 2 tahun untuk mendaftarkan peranti perubatan mereka.

Tuan Yang Di-Pertua

Kaedah pemantauan yang dijalankan oleh KKM untuk makanan yang diimport adalah melalui pemeriksaan di pintu masuk dengan menggunakan Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia (FoSIM) iaitu satu sistem maklumat pintar berasaskan web. Pemeriksaan makanan di bawah FoSIM dibahagikan kepada enam (6) jenis tahap pemeriksaan iaitu Tahap 1 (Pelepasan Secara Automatik), Tahap 2 (Pemeriksaan Dokumen), Tahap 3 (Pemantauan), Tahap 4 (Surveilan), Tahap 5 (Tahan, Uji dan Lepas), dan Tahap 6 (Penolakan Secara Automatik).

Empat (4) tahap pemeriksaan awalan melibatkan aktiviti-aktiviti rutin seperti pemeriksaan dokumen, pemeriksaan konsainan makanan dan pensampelan. Sebarang ketidakpatuhan terhadap perundangan makanan Malaysia akan menyebabkan konsainan produk makanan jenis sama seterusnya melalui proses Tahan-Uji-Lepas pada Pemeriksaan Tahap 5. Ini bermaksud, konsainan tersebut akan ditahan sehingga keputusan analisis mengesahkan bahawa produk tersebut mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Produk yang melanggar undang-undang akan dilupuskan atau dieksport semula ke negara asalnya.

Tuan Yang di-Pertua

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM turut menempatkan beberapa orang Pegawai Penguatkuasa Farmasi di pintu-pintu masuk kastam untuk tujuan menjalankan saringan ke atas pengimportan produk farmaseutikal.

Kementerian juga menjalankan ujian makmal ke atas produk yang ingin didaftarkan bagi mengesahkan keselamatan produk tersebut dan juga menjalankan pemantauan terhadap produk yang dipasarkan melalui Program Pengawasan Mutu Produk dalam Pasaran. Program Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan juga dilaksanakan dengan tujuan memantau kesan-kesan sampingan dan keselamatan produk berdaftar.

WO
'NOrAtfM-i-62

MQrAUP-t-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

| | |
|--------------|---------------------------------------|
| PERTANYAAN : | LISAN |
| DARI PAD A | TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT] |
| TARIKH | 13 JUN 2012 |
| RUJUKAN | 4792 |

SO ALAN:

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan semangat kerja dan profesionalisme anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi menghadapi cabaran jenayah

dan provokasi masa kini.
JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Parit yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, PDRM telah melakarkan pelbagai pendekatan dan inisiatif, bagi memastikan ketahanan mental dan fizikal anggota PDRM menghadapi cabaran jenayah dan provokasi masa kini. Penugasan setiap anggota PDRM mempunyai pelbagai kesan dari mampu menentukan imej dan integriti pasukan. Antara program-program yang dijalankan ialah:

- i) Program Jati Diri yang berobjektifkan kekuatan jati diri bagi mengembangkan unsur-unsur positif dalam diri setiap anggota PDRM;
- ii) Program *Team Building* yang memberikan penekanan terhadap semangat kerja yang positif, semangat setia kawan dan berpasukan serta membentuk kemahiran berfikir;

- iii) Program Kaunseling yang menggalakkan inisiatif bagi meningkatkan kemurnian niat, azam dan integriti; dan
- iv) Program Agama yang dijalankan oleh Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA), terdiri dari pegawai-pegawai hal ehwal Islam dan kaunselor bertauliah. Program ini memberi penekanan terhadap pengurusan masa yang produktif dan pentingnya membina hubungan yang terbaik sesama manusia, dan yang paling utama ialah memperbaiki hubungan antara manusia dengan Tuhan.

PEMBERITAHU

PERTANYAAN

PERTANYAAN DEWAN LISAN

DARI PADA **RAKYAT** Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PASRIN KITHNGAN [KENINGAU]•

TARIKH 13 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan di Sabah, banyak rumah guru adalah dalam keadaan uzur dan memerlukan pembaikan, bolehkah Kementerian memberi lebih banyak tumpuan terhadap masalah ini supaya guru-guru dapat memberi perhatian terhadap tanggungjawab mereka dengan perasaan lebih gembira daripada diganggu oleh perkara mengenai kesihatan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat ke atas kebajikan guru-guru dari pelbagai aspek, termasuklah menyediakan rumah guru yang selesa dan selamat untuk didiami di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, dalam Laporan Program Audit Fizikal KPM, tumpuan diberikan kepada membaik pulih dan menaik taraf bangunan yang mengalami kerosakan teruk dari segi struktur atau bukan struktur serta pendawaian. Berdasarkan pengauditan yang dijalankan pada akhir tahun 2010, di dapati sebanyak 3,544 blok rumah guru mengalami kerosakan teruk dari

aspek fizikal, manakala 3,360 blok pula mengalami kerosakan teruk pada sistem pendawaian.

Sehingga November 2011, sebanyak 23 buah sekolah di Sabah telah siap dibaikpulih dan selamat didiami. Manakala 86 buah sekolah lagi masih dalam proses baik pulih.

Kerajaan juga sedang membina 662 buah rumah guru baharu di seluruh negara bagi memenuhi keperluan semasa. Sebagai contoh di negeri Sabah sahaja, daripada 292 buah rumah guru baharu yang dibina, 222 buah telah siap untuk didiami.

SOALAN NO.: 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
LISAN**

| | |
|-------------------|--------------------------------------|
| PERTANYAAN | YB. TUAN LOKE SIEW FOOK RASAH |
| DARIPADA | 13 JUN 2012 (RABU) |
| KAWASAN | |
| TARIKH | SOALAN: |

YB. TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan butiran terperinci jumlah kutipan tol oleh PLUS di antara plaza tol Sungai Besi dan Seremban sejak mula beroperasi dan apakah Kerajaan bersedia menghapuskan kutipan tol di antara Seremban dan Kuala Lumpur memandangkan jajaran lebuh raya ini adalah yang paling lama di Lebuhraya Utara Selatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil kutipan tol Lebu Raya Utara Selatan (PLUS) untuk tempoh dari tahun 2005 hingga 2011 bagi perjalanan dari Sungai Besi ke Seremban (Plaza Tol keluar Seremban) ialah sebanyak RM75.83 juta manakala bagi perjalanan dari Seremban ke Sungai Besi (Plaza Tol Keluar Sg. Besi) pula ialah sebanyak RM76.02 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan pada masa kini masih sedang menimbang secara terperinci beberapa opsyen yang lebih praktikal dan pragmatik untuk meringankan beban yang ditanggung oleh pengguna lebu raya, khususnya melibatkan lebu raya yang telah dibina atas Jalan Persekutuan. Untuk itu, Kerajaan sentiasa berbincang daripada masa ke semasa dengan syarikat-syarikat konsesi, termasuk syarikat konsesi PLUS bagi memastikan kadar tol lebu raya itu tidak membebankan pengguna. Sebagai contoh, Kerajaan pada tahun lalu telah mengumumkan tiada kenaikan kadar tol untuk lebu raya-lebu raya di bawah kendalian PLUS bagi tempoh selama 5 tahun, iaitu dari tahun 2011 hingga tahun 2015.

Cadangan opsyen-opsyen lain untuk meringankan beban pengguna lebu raya akan dipertimbangkan dengan mengambil kira pelbagai faktor, seperti kemampuan kewangan Kerajaan secara keseluruhan, dan dalam

masa yang sama tidak menjejaskan kredibiliti Kerajaan di kalangan para pelabur tempatan dan asing.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 66

PEMBERITAHU

PERTANYAAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID [Pengerang]

TARIKH 13 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan secara terperinci berkenaan kaedah pelaksanaan Tabung Khas yang diumumkan baru-baru ini bagi pembinaan, penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah-sekolah serta Projek Insentif Luar Bandar yang diwujudkan bagi pembinaan dan menaik taraf surau sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sememangnya mempunyai kaedah pelaksanaan Tabung Khas bagi pembinaan, penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah-sekolah serta Projek Insentif luar Bandar yang diwujudkan bagi pembinaan dan menaik taraf surau sekolah.

Di bawah Peruntukan Pakej Rangsangan Khas (PRK) 2012, sejumlah RM500 juta diperuntukkan untuk sekolah kebangsaan di mana projek-projek akan di laksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) menggunakan kaedah perolehan semasa secara *tender*, sebut harga dan *requisition*.

Selain itu, sebanyak RM400 juta pula diperuntukkan untuk sekolah bantuan kerajaan dimana bagi SJKC dan Sekolah Mubaligh peruntukan akan diagihkan secara out-right grant kepada Lembaga Pengelola/ Pengurus Sekolah (LPS). Manakala bagi SJKT dan SABK, projek-projek akan di laksana-kan oleh KPM menggunakan kaedah perolehan semasa secara *tender*, sebut harga dan *requisition*.

Selain itu, KPM juga telah menerima peruntukan bagi tujuan penambahbaikan surau yang melibatkan kerja - kerja binaan baru dan Ubahsuai Naik Taraf (USNT) sejumlah RM87.1 juta. KPM mengambil pendekatan melaksanakan program tersebut dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN).

Kaedah perolehan dan pelaksanaan kerja adalah melalui pelbagai cara termasuklah perlantikan kontraktor kelas 'F' untuk melaksanakan projek Ubahsuai dan Naiktaraf Surau.

^{Rjm 23}
DARIPADA : **Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG**
(WANGSA MAJU)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **13.06.2012**

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kos MAS untuk "*uplift*" seramai 35,000 penumpang-penumpang AirAsia X Sdn Bhd (AAX) di bawah Perjanjian "*Re-Accommodation*" yang bertarikh 28-3-2012 dan sehingga Mei 2012, berapakah jumlah bayaran yang telah dibuat oleh AirAsia/AAX Sdn Bhd :-

NO SOALAN :j66G^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

(a) kenapa MAS mengenakan tambang teramat rendah dan di bawah harga pasaran termasuk semua cukai ke destinasi tertentu di bawah RA sedangkan MAS dalam keadaan "PARAH"; dan

(b) kenapakah MAS tidak batalkan RA semasa AAX gagal membayar RM31 juta "*deposit*" pada atau sebelum 31-3-2012 yang dimana AAX perlu melunaskannya mengikut undang-undang dibawah RA dan mengapa MAS masih meneruskan "*uplifting*" penumpang-penumpang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Perjanjian Re-Accommodation (RA) di antara MAS dan AirAsiaX telah ditandatangani pada 27 Mac 2012. Melalui RA, MAS dapat meningkatkan pendapatan apabila lebih kapasiti sedia ada dapat diisi oleh penumpang-penumpang AirAsiaX tanpa melibatkan kos agihan, kos pemasaran dan komisen jualan tiket.

Berhubung kadar tambang, persetujuan ke atas kadar tambang bagi setiap sektor adalah berdasarkan *all-in-rate* termasuk *surcharge* dan cukai. MAS akan mengeluarkan tiket kepada penumpang AirAsiaX pada kadar tambang yang dipersetujui dalam RA. Memandangkan persetujuan kadar tambang dibuat melalui RA, maka jumlah tambang berkenaan tidak dinyatakan dalam tiket yang dikeluarkan dan hanya diletakkan 'No Fare'. Kadar tambang yang ditawarkan kepada AirAsiaX ditentukan berdasarkan jangkaan hasil (*expected yield*), anggaran *seat factor* dan *seat capacity* bagi tempoh RA, kos agihan dan jualan serta jumlah penumpang yang ramai.

Bagi memelihara kepentingan MAS, RA hanya melibatkan tiket penerbangan AirAsiaX yang dikeluarkan pada atau sebelum 13 Januari 2012 dan penerbangan untuk tempoh 28 Mac 2012 hingga 27 Oktober 2012. Anggaran nilai RA adalah sebanyak RM51 juta di mana AirAsiaX telah membuat bayaran

pendahuluan sebanyak RM20 juta sebelum RA ditandatangani dan sehingga Mei 2012, jumlah bayaran yang telah dibuat oleh AirAsiaX adalah sebanyak RM50.1 juta.

Berdasarkan perjanjian, AirAsiaX perlu membuat bayaran pendahuluan sebelum MAS mengeluarkan tiketnya kepada penumpang terlibat. Semua tiket penerbangan yang dikeluarkan oleh MAS kepada penumpang AirAsiaX akan diselaraskan dengan pendahuluan yang telah dibayar oleh AirAsiaX. Dengan mengambil kira bahawa AirAsiaX perlu membuat bayaran pendahuluan untuk *uplift* penumpang-penumpangnya, maka Jaminan Bank tidak diperlukan dalam transaksi ini.

Memandangkan jumlah pendahuluan yang telah diterima daripada AirAsiaX adalah mencukupi untuk menampung jumlah tiket yang dikeluarkan oleh MAS, maka MAS berpandangan bahawa RA berkenaan tidak perlu dibatalkan. Tambahan pula, MAS mengawal ketat pengeluaran tiketnya kepada penumpang AirAsiaX untuk memastikan supaya jumlahnya tidak melebihi pendahuluan oleh AirAsiaX.

SOALAN NO: 68

PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT,
PERTANYAAN MALAYSIA

DARI PADA YB. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH RABU, 13 JUN 2012

RUJUKAN 05 [PR-1252-L49529]

SOALAN

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan projek-projek tebatan banjir di kawasan-kawasan yang mudah mengalami banjir kilat setiap kali selepas hujan sepanjang beberapa tahun lalu sehingga menimbulkan ketidakyakinan penduduk ke atas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Alam Flora.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, untuk tempoh RMK-9, sejumlah RM 132 juta telah pun dibelanjakan untuk melaksanakan sembilan (9) projek penebatan banjir di sekitar Kuala Lumpur oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), termasuk kerja-kerja peningkatan sistem perparitan, pembinaan kolam-kolam takungan banjir dan rumah pam kawalan banjir. Semua projek tersebut telah siap dilaksanakan. Bagi tahun 2012, sebanyak RM10.35 juta lagi akan dibelanjakan melalui peruntukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi meneruskan usaha untuk mengatasi masalah banjir kawasan- kawasan lain yang mudah berlaku banjir di Kuala Lumpur.

Di samping itu, Kerajaan Pusat melalui Jabatan Pengairan dan Saliran juga telah menyiapkan beberapa projek tebatan banjir berskala besar seperti Projek Terowong SMART, Lencongan Sungai Gombak dan Pembinaan Kolam Takungan Batu di Kuala Lumpur.

Projek-projek tebatan banjir tersebut telah membuktikan keberkesanannya dalam menyelamatkan kawasan Pusat Bandar Kuala Lumpur daripada ancaman banjir besar. Sehubungan itu, DBKL sentiasa mengkaji, memantau dan sentiasa menyediakan peruntukan bagi meningkatkan sistem perparitan sedia ada ke arah mengatasi masalah banjir di mana-mana kawasan di Kuala Lumpur.

SOALAN NO: 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|------------|--|
| PERTANYAAN | JAWAB LISAN |
| DARI PADA | DATO' MD. SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL] |
| TARIKH | 13 JUN 2012 (RABU) |

SOALAN
69

Dato' Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan berdasarkan komentar dalam laman sosial, ramai pengguna yang tidak berpuas hati dengan caj dan pakej yang ditawarkan oleh syarikat Telco melalui sistem pascabayar. Apakah pihak Kementerian bercadang untuk menilai semula pakej dan caj yang merugikan pengguna dalam sistem pascabayar tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perkembangan sektor telekomunikasi di Malaysia amat memberangsangkan di mana terdapat hampir 36 juta pengguna menggunakan perkhidmatan selular. Pengguna yang menggunakan perkhidmatan pasca bayar di Malaysia adalah sebanyak 20% manakala prabayar ialah 80%.

SOALAN NO: 69

Kementerian serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berpandangan bahawa pakej dan caj yang diberikan oleh pemberi perkhidmatan bagi perkhidmatan pascabayar atau *postpaid* (dengan izin) adalah pada harga yang berpatutan. Secara purata, kadar yang dikenakan oleh pemberi perkhidmatan mudah alih bagi perkhidmatan Panggilan Suara dan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) adalah sudah kompetitif.

NO. SOALAN: 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN
MOHAMED [SEPANG]

TARIKH

13.06.2012 (RABU)

DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [SEPANG] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan sejauh manakah penyertaan pengusaha restoran makanan Cina dan India dalam penyediaan Menu Rakyat 1 Malaysia dan nyatakan sasaran bilangan restoran di seluruh negara yang menyediakan menu berkenaan bagi tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Program Menu Rakyat 1 Malaysia merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam membantu rakyat mendapatkan makanan dengan harga yang berpatutan di samping berusaha membantu mengurangkan beban rakyat. Program ini dijalankan dengan kerjasama antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bersama pengusaha premis makanan dan telah dilancarkan pada 7 Julai 2011 dengan jumlah penyertaan sebanyak 611 buah premis makanan.

Kerajaan mensasarkan sebanyak 3,000 penyertaan MR1M sahaja sepanjang tahun 2012 dan sehingga 1 Jun 2012 sebanyak 2,179 penyertaan telah diterima dari seluruh negara.

Pecahan penyertaan mengikut negeri adalah seperti berikut:

| <i>BIL.</i> | <i>NEGERI</i> | <i>JUMLAH</i> |
|------------------|-----------------|---------------|
| 1. | JOHOR | 70 |
| 2. | MELAKA | 96 |
| 3. | NEGERI SEMBILAN | 62 |
| 4. | SELANGOR | 268 |
| 5. | WP KUALA LUMPUR | 243 |
| 6. | PERAK | 313 |
| 7. | PULAU PINANG | 142 |
| 8. | KEDAH | 226 |
| 9. | PERLIS | 37 |
| 10. | KELANTAN | 101 |
| 11. | TERENGGANU | 151 |
| 12. | PAHANG | 233 |
| 13. | SABAH | 61 |
| 14. | SARAWAK | 149 |
| 15. | WP LABUAN | 14 |
| 16. | WP PUTRAJAYA | 13 |
| <i>JUMLAH Bi</i> | <i>ESAR</i> | 2179 |

Manakala pecahan mengikut bangsa adalah seperti berikut:

| Kaum | Melayu | Cina , V | India | India Islam | Lain-lain |
|----------|---------------|------------|------------|-------------|--------------|
| Bilangan | 1828 (84%) | 73 (3%) | 62 (3%) | 170 (8%) | 46 (2.1%) |

NO. SOALAN 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
TARIKH 13 JUN 2012 (RABU)
DARIPADA TUAN MUHAMMAD BIN HUSSAIN
 [PASIR PUTEH]
SOALAN

minta Perdana Menteri menyatakan:

- a) maksud pihak Kerajaan apabila YAB Perdana Menteri mengumumkan Kelantan sebagai negeri termiskin dalam satu majlis di negeri Sabah;
- b) adakah lawatan YAB Perdana Menteri ke Kelantan yang agak kerap kebelakangan ini bertujuan merancang untuk membawa negeri itu keluar dari masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan menggunakan pendapatan purata isi rumah setiap negeri dan insiden kemiskinan untuk menentukan tahap kemiskinan sesebuah negeri. Berdasarkan kepada Penyiasatan Pendapatan Isi rumah (*Household Income Survey - HIS*) 2009, Pendapatan Isi Rumah Purata di Malaysia pada tahun 2009 ialah RM4,025, namun negeri Kelantan merupakan

negeri yang mempunyai Pendapatan Purata Isi rumah yang paling rendah iaitu RM2,536 berbanding dengan negeri-negeri lain. Perbandingan Pendapatan Purata Isi Rumah Malaysia bagi Penyiasatan HIS Rancangan Malaysia Ke-Lapan (2001-2005) dan KeSembilan (2006-2010) adalah seperti

berikut di Jadual I berikut:

**JADUAL I : PENDAPATAN ISI RUMAH PURATA 2004 &
2009
MENGIKUT NEGERI**

| NEGERI | RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN (RMKe-8) | RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (RMKe-9) |
|-----------------|--|---|
| | BMBBB | 2009 |
| Johor | 3,076 | 3,835 |
| Kedah | 2,126 | 2,667 |
| Kelantan | | |
| Melaka | 2,792 | 4,184 |
| N.Sembilan | 2,886 | 3,540 |
| Pahang | 2,410 | 3,276 |
| Perak | 2,207 | 2,809 |
| Perlis | 2,046 | 2,617 |
| P.Pinang | 3,531 | 4,407 |
| Sabah | 2,395 | 3,102 |
| Sarawak | 2,725 | 3,581 |
| Selangor | 5,157 | 5,962 |
| Terengganu | 1,984 | 3,017 |
| WP KL | 5,011 | 5,488 |
| WP LABUAN | 4,054 | 4,407 |
| WP PUTRAJAYA | . | 6,747 |
| MALAYSIA | 3,249 | 4,025 |

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri

Berdasarkan kepada HIS 2009 juga, kadar kemiskinan bagi tempoh yang sama, negeri Sabah mencatatkan kadar kemiskinan yang tertinggi iaitu 9.2% berbanding Kelantan 4.8%. Taburan ikut negeri adalah seperti di Jadual II berikut:

**JADUAL II : KADAR KEMISKINAN NASIONAL 2004 & 2009
MENGIKUT NEGERI**

| NEGERI | RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN (RMKe-8) | | RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (RMKe-9) | |
|-----------------|--|---------------------------|---|---------------------------|
| | 2004 | | 2009 | |
| | Kemiskinan Tegar | Kemiskinan Keseluruhan | Kemiskinan Tegar | Kemiskinan Keseluruhan |
| Johor | 0.3 | 2 | 0.1 | 1.3 |
| Kedah | 1.3 | 7 | 0.8 | 5.3 |
| Kelantan | | 10.6 | 1 | 4.8 |
| Melaka | 0.2 | 1.8 | 0.1 | 0.5 |
| N.Sembilan | 0.2 | 1.4 | 0.1 | 0.7 |
| Pahang | 1 | 4 | 0.3 | 2.1 |
| Perak | 1.1 | 4.9 | 0.5 | 3.5 |
| Perlis | 1.7 | 6.3 | 0.8 | 6 |
| P.Pinang | 0 | 0.3 | 0.1 | 1.2 |
| Sabah | 6.5 | 23.0 | 4.7 | 19.2 |
| Sarawak | 1.1 | 7.5 | 1.0 | 5.3 |
| Selangor | 0 | 1.0 | 0.1 | 0.7 |
| Terengganu | 4.4 | 15.4 | 0.5 | 4.0 |
| W.Persekutuan | 0.2 | 1.5 | 0.1 | 0.7 |
| MALAYSIA | 1.2 | 5.7 | 0.7 | 3.8 |

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri

Sungguhpun begitu, pada 31 Mei 2012, berdasarkan kepada sistem maklumat kemiskinan bersepadu iaitu eKasih, negeri yang telah merekodkan bilangan penduduk miskin yang paling ramai ialah negeri Sarawak dan menjadikan kadar kemiskinan tertinggi iaitu 8.34% berbanding dengan negeri lain. Taburan terperinci ikut negeri adalah

seperti di Jadual III

JADUAL III : KADAR KEMISKINAN BERDASARKAN eKasih (PADA 31 MEI 2012) MENGIKUT NEGERI

| NEGERI | BILANGAN PENDUDUK MISKIN | BILANGAN PENDUDUK* | KADAR KEMISKINAN (%) |
|---------------|--------------------------------|-----------------------|----------------------------|
| Johor | 20,505 | 3,305,900 | 0.620 |
| Kedah | 33,430 | 1,966,900 | 1.69 |
| Kelantan | 101,835 | 1,670,500 | PHMPWIM |
| Melaka | 11,070 | 771,500 | 1.43 |
| N.Sembilan | 15,120 | 1,011,700 | 1.49 |
| Pahang | 16,375 | 1,534,800 | 1.07 |
| Perak | 47,200 | 2,460,800 | 1.92 |
| Perlis | 13,120 | 240,100 | 5.46 |
| P.Pinang | 16,975 | 1,596,900 | 1.06 |
| Sabah | 208,530 | 3,214,200 | 6.48 |
| Sarawak | 209,085 | 2,506,500 | 8.34 |
| Selangor | 34,905 | 5,102,600 | 0.68 |
| Terengganu | 44,760 | 1,050,000 | 4.26 |
| W.Persekutuan | 57,110 | 1,818,000 | 3.14 |
| MALAYSIA | 781,280 | 28,250,500 | 2.76 |

Sumber eKasih dan *Bank Data Negeri/Daerah 2010

Telah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk merancang pembangunan negara secara makro bagi memastikan Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang 2020. Namun, Kerajaan negeri juga perlu memainkan peranan yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka bagi memastikan negeri yang

ditadbir menjadi sebuah negeri yang maju dan harmoni.

Sehubungan dengan itu, adalah tidak wajar sekiranya Kerajaan negeri bersikap lepas tangan dalam memainkan peranan mereka dalam membangunkan negeri yang diperintah. Kerajaan negeri seharusnya menunaikan amanah yang telah diberikan oleh rakyat kepada mereka dalam memastikan kemakmuran dapat dirasai.

Di dalam konteks ini, Kerajaan Persekutuan komited untuk memastikan rakyat Kelantan juga mendapat nikmat kemajuan dan kemakmuran negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.06.2012

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Majlis Ekonomi Negara telah mempersetujui cadangan memberi status Pelabuhan Bebas (*free port*) kepada Pulau Pinang dan Hub Kewangan Antarabangsa (*international financial hub*) kepada Seberang Perai, apa kesan cadangan tersebut terhadap ekonomi Negeri Pulau Pinang dan seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, konsep pelabuhan bebas tidak lagi wujud. Namun begitu, kini telah terdapat 5 buah Zon Bebas di Pulau Pinang iaitu:

| BIL. | NAMA KAWASAN | AKTIVITI |
|------|---|---------------|
| 1. | Zon Bebas Pelabuhan Pulau Pinang | Perdagangan |
| 2. | Zon Bebas Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas | Perdagangan |
| 3. | Zob Bebas Kompleks Kargo Udara Batu Maung | Perdagangan |
| BIL. | NAMA KAWASAN | AKTIVITI |
| 4. | Zon Bebas Bayan Lepas | Perindustrian |
| 5. | Zon Bebas Prai | Perindustrian |

2. Memandangkan Pulau Pinang kini telah pun mempunyai beberapa zon

NO SOALAN 719

bebas seperti tersebut di atas dan konsep pelabuhan bebas tidak lagi wujud, isu memberi status pelabuhan bebas kepada Pulau Pinang tidak lagi berbangkit.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, berhubung dengan cadangan memberi status Hub Kewangan Antarabangsa kepada Seberang Perai, ia dalam peringkat perbincangan dan kajian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13 JUN 2012 (RABU)

DARI PADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW
[TANJONG]

SOALAN

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah Pulau Pinang memenuhi kriteria untuk status bandaraya dan bilakah permohonan daripada Kerajaan Negeri akan diluluskan untuk status bandaraya kepada Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan

Kerajaan Tempatan (KPKT) telah pun mengadakan perbincangan dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada 17 April 2012. Dalam mesyuarat berkenaan, Kementerian mendapati bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih belum memenuhi keperluan seksyen 4(3) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], iaitu:

“Pihak Berkuasa Negeri, dengan berunding dengan Menteri dan Setiausaha Suruhaniava Pilihanrava, boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, mengubah sempadan mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan.”

Dalam hal ini, Kementerian mendapati bahawa pihak Kerajaan Negeri masih belum berunding dengan Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya,

justeru kriteria yang telah diperuntukkan di bawah seksyen berkenaan masih belum dipenuhi.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri masih lagi dalam proses pewartaan kawasan tambakan laut yang mana ia melibatkan pengubahan sempadan MPPP. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri perlu menyelesaikan perkara berkenaan terlebih dahulu kerana terdapat bangunan yang telah didirikan di atas tambakan laut berkenaan dan mendapat perkhidmatan MPPP.

Kementerian juga bersedia untuk mengemukakan permohonan berkenaan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Saiz Perkhidmatan Awam (JPSPA) setelah kriteria serta syarat-syarat perundangan berkenaan dipenuhi dan dimuktamadkan oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Jun 2012

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT NO. SOALAN : 74

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO¹ SERI ONG KA CHUAN
[TANJONG MALIM]
TARIKH 13 JUN 2012
RUJUKAN 4793

SOALAN:

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes penipuan yang dilaporkan melibatkan sindiket antarabangsa yang menyamar sebagai pegawai Kerajaan sejak tiga tahun lepas dan berapa daripada kes tersebut telah berjaya diselesai. Apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong Malim yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kebanyakan suspek kes penyamaran adalah terdiri daripada individu, namun terdapat juga yang bersindiket. Suspek biasanya akan menyamar sebagai kakitangan kerajaan seperti Pegawai Kastam, JPJ, KPDN/KK, Pengetua Sekolah, Pegawai Pendidikan Daerah, Polis, JKR dan sebagainya. Sepanjang 3 tahun lepas (2009 hingga Januari-April 2012) sejumlah 1334 kes telah

direkodkan dengan 284 kes pada tahun 2009, 502 kes pada tahun 2010, 435 kes pada tahun 2011 dan 113 kes pada Januari-April 2012.

Sebagai salah satu langkah bagi menangani jenayah komersil, PDRM turut mengadakan pelbagai aktiviti pencegahan khususnya bagi memberi kesedaran serta pengetahuan kepada masyarakat umum berkenaan jenayah komersil. Sepanjang tahun 2011, sejumlah 9,480 aktiviti-aktiviti pencegahan yang merangkumi pameran, dialog, ceramah, program bertemu pelanggan, mesyuarat dengan penduduk, kempen, serta sebaran melalui media telah diadakan.

No. Soalan: [75]
PR-1252-L50420

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA

| | |
|------------|--|
| PERTANYAAN | JAWAB LISAN |
| DARI PADA | TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK] |
| TARIKH | 13 JUN 2012 |
| SOALAN | Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah pendirian dan usaha yang telah dilakukan oleh Malaysia terhadap konflik di |

Syria.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia memandang berat persengketaan di Syria dan sangat peka dan prihatin terhadap kemusnahan, kesengsaraan dan kematian rakyat Syria. Semenjak bermulanya konflik di negara tersebut pada bulan Mac 2011 sehingga akhir Mei 2012, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan lebih dari 15,000 orang awam telah terkorban di Syria.

3. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia telah mengambil pendirian tegas melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk mendesak semua pihak terbabit di Syria menamatkan keganasan dan berunding secara aman untuk mencari penyelesaian terbaik bagi menamatkan krisis politik di negara tersebut.

4. Malaysia juga menyokong resolusi PBB berkaitan, dengan izin, *Six Point Plan* yang dicadangkan oleh Kofi Annan, Utusan Khas Bersama PBB-Liga Arab dan usaha beliau untuk menghentikan keganasan dan membolehkan perundingan secara aman di antara semua pihak yang bertelagah untuk mengembalikan kestabilan dan keamanan di negara tersebut. Sebelum ini, Malaysia juga turut memberi sokongan kepada pelan damai Liga Arab semasa Mesyuarat Khas OIC di Jeddah mengenai

situasi di Syria pada November 2011.

5. Pada 1 Jun 2012, di Sesi Khas Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva, Malaysia telah membuat kenyataan yang mengecam sekeras-kerasnya pembunuhan beramai-ramai di bandar El Houla pada 25 Mei 2012 dan menuntut supaya mereka yang bertanggungjawab di bawa ke muka pengadilan. Sokongan Malaysia terhadap resolusi ini merupakan kali keempat Malaysia telah berbuat demikian di Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Malaysia akan terus memainkan peranannya bersama-sama negara anggota PBB secara bertanggungjawab untuk menamatkan keganasan dan mengembalikan keamanan di Syria berlandaskan prinsip-prinsip asas dan piagam PBB yang menghormati kedaulatan dan integriti negara Syria dan sejajar dengan dasar kita untuk tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara lain.

7. Malaysia percaya bahawa pelan damai Kofi Annan ini merupakan peluang dan asas terbaik bagi semua pihak yang bertelagah untuk menamatkan segera keganasan dan memulakan proses dialog secara aman untuk mencari penyelesaian terbaik kepada krisis tersebut demi kepentingan negara dan rakyat Syria.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Bagi isu permohonan suaka, untuk makluman Dewan yang mulia ini, dengan izin, *Arrangement between the Government of Malaysia and the Government of Australia on Transfer and Resettlement* mengenai

pemohon suaka (asylum seekers) telah ditandatangani di Kuala Lumpur pada 25 Julai 2011. Namun begitu, pada 31 Ogos 2011, pelaksanaan pengaturan ini terpaksa ditangguhkan ekoran permohonan injuksi mahkamah yang difailkan di Mahkamah Tinggi Australia oleh peguam yang mewakili pemohon-pemohon suaka untuk menghentikan penghantaran kumpulan pertama pemohon suaka oleh pihak berkuasa Australia ke Malaysia.

9. Pelaksanaan Perjanjian tersebut mengenai pemohon suaka adalah tertakluk kepada kesediaan kedua-dua buah negara untuk melaksanakannya. Sehingga kini, walaupun tiada perkembangan lanjut mengenai perkara ini, Malaysia masih komited kepada kerjasama yang dimeterai.

Sekian, terima kasih.

~~NO - 50AtAbi - NO.~~

~~AUM : 7&~~

~~rNO - AUP:~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON

[TANGGA BATU]

TARIKH : 13 JUN 2012

RUJUKAN : 4794

SOALAN:

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi membanteras ceti haram yang semakin berleluasa dalam masyarakat yang menyebabkan lebih ramai rakyat Malaysia terjebak dengan hutang malah membahayakan keselamatan mereka.

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tangga Batu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini beberapa

langkah bagi menangani masalah ceti haram telah pun dikenalpasti.
Antaranya:

- a) Mengambil pendekatan '*hit their pockets*' melalui tindakan di bawah seksyen 4(1) amlatfa 2001;
- b) Memberikan bantuan keselamatan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam operasi menurunkan poster / iklan along;
- c) Menerang dan memberikan kesedaran kepada orang ramai berkaitan dengan ancaman dan bahaya along melalui media massa;
- d) mengadakan ceramah dan seminar dengan kerjasama lain-lain agensi dan pertubuhan bukan kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur (PKP);

- e) Menyebarkan '*brochures*' dan poster-poster kepada orang ramai bagi memberi maklumat mengenai along; dan
- f) Bekerjasama dan berganding bahu dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dari segi penguatkuasaan, pencegahan dan kempen-kempen memerangi kegiatan along dengan menempatkan beberapa orang pegawai kanan di kementerian berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH 13 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

YB Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan program-program yang disasarkan untuk membasmi

kemiskinan kaum India, Orang Asli dan Bumiputera minoriti.

JAWAPAN

SOALAN NO. 77

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, perjuangan untuk mengurangkan bilangan rakyat yang tergolong dalam kategori miskin sentiasa menjadi agenda utama. Di atas komitmen Kerajaan dalam agenda pembasmian kemiskinan, pelbagai program dan inisiatif telah dijalankan pada tahun 2010 di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sehubungan itu, sejumlah 44,535 KIR miskin tegar telah berjaya dikeluarkan daripada kategori kemiskinan tegar. Daripada jumlah tersebut 525 orang terdiri daripada kaum India dan 64 orang etnik Orang Asli.

Selain itu, Program 1AZAM diperkenalkan sebagai usaha strategik untuk membanteras kemiskinan. Program 1AZAM yang dilaksanakan mulai tahun 2010 mensasarkan penyertaan golongan berpendapatan rendah daripada semua kaum termasuk India, Orang Asli dan Bumiputera minoriti. Program 1AZAM merupakan program komprehensif yang berlandaskan konsep peningkatan kualiti hidup dengan menyediakan

peluang menjana pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah dalam bidang perniagaan (AZAM Niaga), pertanian (AZAM Tani), perkhidmatan (AZAM Khidmat) dan pekerjaan (AZAM Kerja).

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 30 April 2012, Program 1AZAM telah menampakkan keberkesanannya dengan penyertaan sejumlah 80,597 orang. Daripada jumlah tersebut, 3,280 orang peserta adalah daripada kaum India, 59 orang peserta daripada etnik Orang Asli dan 390 orang daripada Bumiputera minoriti.

Di samping itu, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membelanjakan sebanyak RM1.353 bilion untuk memberi bantuan kebajikan kepada seramai 473,928 orang penerima di seluruh negara. Daripada jumlah ini, seramai 52,022 orang adalah daripada kaum India, 1,396 Orang Asli dan 2,323 orang daripada golongan minoriti.

SOALAN NO: 78

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Datuk Chua Soon Bui [Tawau]
TARIKH 13 Jun 2012 (Rabu)
SOALAN Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
apakah rancangan-ancangan yang dilancarkan oleh
Kementerian untuk membantu golongan nelayan di Sabah dan
Tawau masing-masing sejak 2008 hingga sekarang.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Rancangan yang dilancarkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk membantu golongan nelayan di Sabah dan Tawau sejak dari 2008 hingga sekarang adalah seperti berikut:

- (i) Skim Elaun Sara Hidup Nelayan;
- (ii) Skim Subsidi Diesel Nelayan;
- (iii) Skim Subsidi Petrol Nelayan; dan
- (iv) Skim Insurans Nelayan.

Bagi kawasan Tawau sahaja, antara rancangan pembangunan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) pemberian Elaun Sara Hidup Nelayan RM200 sebulan kepada 780 orang nelayan bagi membantumeringankan beban hidup nelayan;
- (ii) pemberian subsidi minyak diesel/petrol dengan harga RM1.25 seliter kepada seramai 916 orang nelayan bagi membantu menampung kenaikan kos operasi menangkap ikan akibat kenaikan harga minyak dunia;

Skim Insentif Tangkapan Ikan RM0.10 sekilogram diperkenalkan sebagai galakan supaya nelayan menangkap dan mendaratkan hasil tangkapan; pembinaan sebuah Mini Kompleks Pendaratan Ikan di Tanjung Keramat melibatkan kos peruntukan kira-kira RM500,000 untuk memudahkan nelayan mendaratkan ikan; kira-kira RM240.000 peruntukan diluluskan melibatkan 20 orang peserta di bawah Skim Dana Nelayan bagi peningkatan keupayaan dan teknologi peralatan bot nelayan; dan pada tahun 2012, kira-kira RM1,020,000 diluluskan untuk membaiki 85 buah rumah nelayan melalui Projek Khas Perumahan Nelayan bagi keselesaan dan kesejahteraan nelayan.

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED

TARIKH: 13JUN2012

SOALAN:

Datuk Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sejauh manakah paras gaji minima yang baru diumumkan itu memberi kesan kepada mereka yang berpendapatan rendah dan bersesuaian dengan paras kemiskinan yang sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Berdasarkan Kajian Guna Kebangsaan tahun 2009 yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia, terdapat kira-kira 63% pekerja sektor swasta di Sabah, 48% pekerja di Sarawak dan 27% pekerja di Semenanjung

SOALAN NO: 79

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Malaysia menerima gaji kurang daripada RM700 sebulan. Ini bermakna sebilangan besar pekerja sektor swasta yang berpendapatan rendah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak akan menerima manfaat langsung daripada pelaksanaan gaji minimum.

2. Peningkatan gaji minimum akan dapat meningkatkan kuasa beli pekerja yang berpendapatan rendah serta dapat mengurangkan jurang pendapatan di antara pekerja. Ini secara tidak langsung dapat mengatasi masalah kemiskinan di kalangan pekerja berpendapatan rendah yang sedia ada.

Soalan No : 80

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|-------------------|--|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] |
| TARIKH | 13 JUN 2012 |

SOALAN:

Y.B. Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan apakah pendirian dan rancangan Kerajaan berhubung cadangan penubuhan sekolah kebangsaan dengan pengantar Bahasa Inggeris. Apakah Kerajaan berhasrat menggubal dasardan Akta Pendidikan 1996 untuk tujuan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berlandaskan kepada dasar pendidikan kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, bahasa pengantar di semua institusi pendidikan adalah bahasa kebangsaan. Namun, bahasa Inggeris tidak pernah dipinggirkan malah mata pelajaran tersebut merupakan salah satu mata pelajaran teras yang diajar di sekolah.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid dengan memperkenalkan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Dasar Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBI) bertujuan memantapkan penguasaan bahasa Inggeris (BI) sebagai bahasa yang wajib dipelajari, bahasa komunikasi dan bahasa ilmu di peringkat antarabangsa. Bahasa Inggeris membolehkan pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang

lebih tinggi dan untuk keperluan kerjaya. Di samping itu, penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar membolehkan maklumat melalui internet dicapai serta boleh membuat jaringan dengan pelajar dalam dan luar negara bagi mendapatkan pembelajaran secara autentik. Bagi mencapai hasrat tersebut, KPM melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bahasa Inggeris di setiap peringkat persekolahan.

Walau bagaimanapun, cadangan memperkenalkan sekolah aliran Inggeris akan diteliti dan dibincangkan dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk implikasi perundangan sebelum sebarang keputusan boleh dibuat.

Rjm 23

Vio

~~NO; AUM : 01-~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AM RAN BIN AB GHANI
[TANAH MERAH]
TARIKH : 13 JUN2012
RUJUKAN : 4796

SOALAN:

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta MENTERI DALAM
NEGERI menyatakan

- (a) apakah terdapat peraturan yang membolehkan pihak polis menggunakan kekerasan fizikal terhadap OKT yang sewaktu ditahan reman; dan
- (b) jika ya di bawah peruntukan manakah ia diguna pakai dan pada keadaan manakah ia diperlukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanah Merah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, tiada terdapat sebarang peruntukan undang - undang di Malaysia yang memberi kuasa atau membenarkan pihak polis menggunakan sebarang bentuk kekerasan fizikal ke atas OKT yang berada di dalam tahanan reman.

Semua anggota PDRM tidak dibenarkan sama sekali menggunakan sebarang bentuk kekerasan ke atas mana - mana saspek atau tahanan pada bila - bila masa. Kekerasan hanya boleh digunakan setakat yang perlu sahaja untuk menahan seseorang dari melarikan diri ketika dibuat tangkapan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 15 Kanun Tatacara Jenayah.

y

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

NO SOALAN :Si

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.06.2012

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keputusan siasatan Bank Negara Malaysia dalam aliran keluar wang haram yang dilaporkan oleh Integriti Kewangan Global dan mengapa Kerajaan tidak mengambil tawaran GFI untuk membantu dalam siasatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Selayang bersama-sama soalan dari Yang Berhormat Puchong yang dijadualkan dijawab pada 28 Jun 2012 kerana kedua-duanya menyentuh perkara dan isu yang sama.

Untuk makluman Yang Berhormat, usaha telah dipertingkatkan untuk mengurangkan dan mencegah aliran dana keluar secara haram daripada Malaysia. Setakat ini, langkah oleh pihak berkuasa membuahkan hasil yang positif, terutamanya dalam mengurangkan jumlah aliran keluar kewangan yang tidak direkodkan. Kiraan kesalahan dan ketinggalan (*Errors & Omission, E&O*) Malaysia telah mencatat aliran keluar yang lebih rendah berjumlah RM32.1 bilion pada tahun 2011 (2010: -RM38.1 bilion). Sebagai nisbah kepada jumlah perdagangan, E&O juga telah menurun dengan ketara kepada -2.6% pada tahun 2011 berbanding -3.3% pada tahun 2010. Kadar ini adalah di bawah tahap piawaian kadar antarabangsa iaitu 5% dari jumlah perdagangan.

2. Kerajaan menganggap mana-mana pelanggaran peraturan dan undang-undang negara sebagai satu perkara yang sangat serius. Oleh itu, usaha telah ditumpukan untuk mengurangkan dan mencegah aliran dana keluar secara

haram daripada Malaysia. Semua pihak berkuasa yang berkaitan meningkatkan kerjasama dan usaha yang selaras dan berterusan ke arah objektif ini. Bank Negara Malaysia khususnya, telah mengambil beberapa langkah untuk menangani aliran keluar haram dalam bentuk pemindahan dana melalui saluran tidak formal seperti berikut:

- (i) Menguatkuasakan Akta Perkhidmatan Perniagaan Wang 2011 pada Disember 2011 untuk memperkukuh perlindungan daripada pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti haram. Akta ini juga akan memperkukuh pengawasan dan memastikan pembangunan industri perkhidmatan perniagaan bertambah kukuh.
- (ii) Mempertingkatkan rangka kerja penyeliaan di bawah Akta Perkhidmatan Perniagaan Wang 2011. Hasilnya, jumlah kiriman wang melalui saluran rasmi telah meningkat.
- (iii) Memperkukuhkan usaha penguatkuasaan untuk mengurangkan pemindahan wang secara haram. Sehingga kini, 62 lesen pengurup wang telah dibatalkan berikutan kegagalan mematuhi pelbagai keperluan yang ditetapkan di bawah undang-undang.

3. Di samping itu, kerjasama antarabangsa dan perkongsian maklumat dengan agensi penguatkuasaan undang-undang asing untuk tujuan perkongsian hasil risikan dan bukti bagi transaksi merentas sempadan juga telah dipertingkatkan.

SOALAN NO: 83

YB. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]
RABU, 13 JUN 2012 **MEMBERITAHU PERTANYAAN**
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN
06 [PR-1252-L50326]
DARIPADA

TARIKH

RUJUKAN **Tuan Lim Lip Eng [Segambut]** minta **MENTERI WILAYAH**
SOALAN **PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan berapa anggota DBKL telah dihantar ke
perhimpunan Bersih 3.0 pada 28.4.2012 dan kos yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Segambut, pada 28 April 2012, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menugaskan seramai **1,380 pegawai dan anggota penguatkuasa** untuk menjalankan tugas kawalan di Dataran Merdeka dan sekitarnya. Kos yang terlibat dalam melaksanakan tugas ini ialah sebanyak **RM 256,999.95**.

Soalan No : 84

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. DATO* MOHD J1DIN BIN SHAFEE [SETIU]
TARIKH 13 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan mengenai status program J-Qaf di peringkat sekolah menengah yang ditangguhkan akibat kekurangan guru dan mengapa masalah sedemikian berlaku serta kesannya terhadap pelajar akibat daripada perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa merancang dan membuat penambahbaikan ke atas pelaksanaan program j-QAF Rendah supaya lebih berkualiti dan berkesan. Sehubungan itu, pada masa ini, KPM sedang membuat perancangan yang teliti dan rapi dari segi konsep, kaedah pelaksanaan, modul pengajaran dan pembelajaran, penyediaan guru, latihan guru, kesediaan sekolah rintis, sekolah-sekolah selepas sekolah rintis, keperluan kewangan dan sebagainya. Antara halangan yang dihadapi oleh KPM ialah masih banyak sekolah rendah belum melaksanakan program ini di mana murid yang memasuki tingkatan satu belum mendapat didikan j-QAF. Banyak lagi halangan- halangan yang lain seperti kesediaan sekolah, sekolah kurang murid, latihan guru j-QAF dan sebagainya selain bekalan guru yang tidak mencukupi.

Berhubung dengan bekalan guru yang tidak mencukupi, KPM menjadikannya sebagai faktor utama iaitu:

- a. Walaupun lulusan agama ramai di pasaran, namun pemilihan calon guru mempunyai syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi menjamin kualiti guru khususnya yang mengajar mata pelajaran bacaan al Quran dan Bahasa Arab. Dalam hal ini KPM menghadapi kekurangan calon guru yang layak; dan
- b. Keperluan guru j-QAF yang ramai dalam masa serentak tidak boleh dipenuhi disebabkan kemampuan yang terhad dari segi kapasiti Institut Pendidikan Guru (IPG) untuk melatih mereka dalam bidang j-QAF. Ini sekaligus menyebabkan bekalan guru yang memenuhi syarat dan layak adalah berkurangan.

Oleh yang demikian, tumpuan KPM pada masa ini adalah untuk memastikan semua sekolah rendah melaksanakan program j-QAF terlebih dahulu supaya ia dilaksanakan dengan baik, teratur dan sempurna. KPM ingin pastikan bahawa tiada isu dan masalah yang berbangkit ekoran pelaksanaan program ini. Selepas itu, barulah KPM akan melaksanakan program j-QAF Sekolah Menengah.

SOALAN NO: 85

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

| | |
|------------|--|
| PERTANYAAN | JAWAB LISAN |
| DARIPADA | DR. TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE [MAS GADING] |
| TARIKH | 13 JUN 2012 (RABU) |
| SOALAN | 85 |

Dr. Tekhee @ Tiki Anak Lafe [Mas Gading] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah kajian yang telah dibuat berkenaan kesan teknologi telekomunikasi baru terhadap masyarakat di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Revolusi teknologi maklumat dan komunikasi di pertengahan tahun 90- an hingga kini melihatkan perubahan dan pembaharuan teknologi berlaku begitu pantas dan menyeluruh. Selari dengan perkembangan tersebut, di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI), Kementerian dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah dan sedang melaksanakan pelbagai program/projek peluasan infrastruktur dan kemudahan jalur lebar menggunakan teknologi berwayar seperti jalur lebar berkelajuan tinggi berasaskan fiber optik dan teknologi tanpa wayar seperti *3G/High Speed Downlink Packet*

SOALAN NO: 85

Access (HSDPA), *Worldwide Interoperability for Microwave Access* (WiMax) dan 4G.

Selain daripada itu, kemajuan teknologi juga banyak memberi manfaat kepada masyarakat Negara ini dalam meningkatkan taraf hidup apabila didedahkan kepada gaya hidup digital. Contohnya, akses internet yang pantas, perkongsian fail dan data, kemudahan e-Kerajaan, e-Dagang, e- Pembelajaran, Telekesihatan, infotainment, berbelanja dalam talian, permainan komputer dan pelbagai kemudahan yang lain. Kecanggihan teknologi komunikasi ini juga menjadikan bekerja dari rumah atau 'teleworking' satu pilihan yang realistik bagi organisasi-organisasi, majikan-majikan dan para pekerja, kerana pemindahan data dan maklumat dapat dilakukan dengan efisien dan pantas tanpa mengira batasan masa dan geografi.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]

TARIKH 13 JUN 2012

RUJUKAN 4797

SOALAN:

Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

(a) kepincangan dalam sistem biometrik dan kad berlepas serta

NO. SOALAN : 86

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

Menjelaskan mengapa berlakunya salah faham di antara Kementerian pelancongan dan jabatan Imigresen dalam isu ini; dan

- (b) *Standard Operating Procedure* (SOP) dalam pelaksanaan prosedur kad berlepas dan sistem biometrik di pintu masuk-pintu masuk negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Kuantan yang mengemukakan pertanyaan.

- (a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pelaksanaan sistem *National Enforcement and Registration System* (NERS) membolehkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) memantau pergerakan keluar/masuk warga asing di negara ini. Penggunaan sistem NERS ini juga membolehkan JIM menyediakan perkhidmatan secara *paperless* (dengan izin) memandangkan kesemua maklumat yang diperolehi daripada Kad Ketibaan/Berlepas (IMM.26) boleh di *capture* (dengan izin) terus daripada pasport pelawat tanpa perlu mengisi Kad IMM.26.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Sememangnya JIM menggunakan *Standard Operating Procedure (SOP)* sedia ada dalam pelaksanaan sistem biometrik dan Kad IMM.26 di pintu-pintu masuk negara bagi memastikan pergerakan keluar/masuk warga asing teratur dan terkawal.

PERTANYAAN

NO. SOALAN:87

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
LISAN

DARIPADA DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU]

TARIKH 13 JUN 2012

SOALAN

Y.B. Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk memansuhkan pengutipan tol dan sebaliknya menaikkan cukai jalan kenderaan mengikut (cubic centimeters,cc) dan tahun pembuatan kenderaan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan kutipan tol kerana ia akan memberi implikasi kewangan yang besar kepada Kerajaan. Selain daripada itu, Kerajaan juga membelanjakan jumlah peruntukan yang besar untuk menyelenggara laluan alternatif yang sedia ada. Pembinaan lebuhraya bertol secara penswastan pula adalah berlandaskan prinsip pengguna membayar (*user pay*). Oleh yang demikian, pengguna kenderaan yang tidak menggunakan lebuhraya tidak wajar menanggung kos pembinaan lebuhraya tersebut melalui peningkatan cukai jalan.

No. Soalan : [88]

PR-1252-

L50209

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
BAGI JAWAB
LISAN
PERDANA RAJYAT

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI
MOHAMED SAID [KUALA KRAU]

TARIKH

13 JUN 2012

SOALAN

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed
Said [Kuala Krau] minta MENTERI
LUAR NEGERI

menyatakan kesan hubungan dua
hala antara Malaysia dan Arab Saudi
akibat daripada tindakan segelintir
penyokong Bersih 3.0 yang
menggunakan Tanah Suci Mekah
dan Madinah untuk berkumpul bagi

aktiviti yang berbau politik.
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

Soalan No : 89

LISAN
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN
Y.B. DR. TAN SENG GI AW [KEPONG]
RAKYAT
PERTANYAAN 13 JUN 2012
DARIPADA SOALAN:

TARIKH
Y.B. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan masa penyiapan dan nama laporan kajian semula keadaan keseluruhan pendidikan di negara ini. Apakah kelebihan dan kekurangan dalam bidang pendidikan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan Kajian Semula Pendidikan Negara dan Pelan Strategik Pendidikan (*Blueprint*) akan disiapkan menjelang Disember 2012. *Blueprint* Pendidikan bagi tempoh 15 tahun ini akan diumumkan kepada rakyat selepas mendapat kelulusan Jemaah Menteri.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang melaksanakan Dialog Nasional Pendidikan Negara (DNPN) untuk mendapat maklum balas daripada semua pihak berkepentingan. Input daripada DNPN akan dianalisis dan menjadi input kepada pembinaan Pelan Strategik Pendidikan.

Fasa Pertama Kajian Penilaian Pendidikan yang dimulakan pada Oktober 2011 hingga 2012 mengenalpasti banyak kejayaan sistem pendidikan dari akses, ekuiti dan kualiti pendidikan untuk semua.

Fasa Pertama Kajian Penilaian juga mengenalpasti 9 bidang keutamaan yang menjadi fokus untuk penambakan sistem pendidikan negara iaitu Guru, Kepimpinan Sekolah, Kualiti Sekolah, Kurikulum dan Pentaksiran, Profisiensi Pelbagai Bahasa, Peluang Lepas Menengah, Ibu Bapa & Komuniti, Kecekapan dan Keberkesanan Sumber dan Kapasiti dan Kemampuan Penyampaian KPM.

Rjm 26

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

TARIKH: 13 JUN 2012

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:-

- a) Status pelaksanaan gaji minimum bagi pekerja dalam industri.
- b) Kejayaan latihan dan penempatan siswazah yang menganggur

JAWAPAN:

SOALAN NO: 91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, susulan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri mengenai pelaksanaan gaji minimum pada 30 April 2012, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengambil beberapa tindakan bagi memastikan gaji minimum dapat dilaksanakan dengan lancar.
2. Bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman *stakeholders* mengenai gaji minimum, KSM ini telah dan sedang mengadakan sesi-sesi taklimat, dialog dan majlis penerangan dengan pihak-pihak berkepentingan di seluruh negara. Di samping itu, KSM ini juga sentiasa aktif membuat hebahan mengenai gaji minimum melalui media massa cetak dan elektronik. Dalam konteks penguatkuasaan, pegawai-pegawai penguatkuasa di Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah diberikan taklimat mengenai fungsi dan peranan mereka mengenai pelaksanaan gaji minimum terutamanya dalam aspek perundangan dan penguatkuasaan.
3. Di peringkat dasar, Majlis Perundingan Gaji Negara telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Gaji Minimum bagi memudah cara pelaksanaan gaji minimum di mana Jawatankuasa ini akan menangani isu-isu pelaksanaan dan pemantauan

yang timbul seterusnya merangka mekanisme penyelesaian terbaik.

4. Pelaksanaan gaji minimum akan berkuatkuasa 6 bulan selepas perintah gaji minimum diwartakan bagi perusahaan yang menggaji lebih dari 5 orang pekerja dan firma profesional atau 12 bulan bagi perusahaan yang menggaji 5 orang pekerja atau kurang.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Berhubung dengan pertanyaan kedua dari Y.B Hulu Langat berkenaan kejayaan latihan dan penempatan siswazah yang menganggur, salah satu dari program latihan bagi tujuan penempatan pekerjaan siswazah menganggur yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) ialah program *Specialised Training and Advanced Recruitment (STAR)*. Program ini bertujuan untuk melatih graduan lepasan diploma dan ijazah pertama dengan kemahiran dan kompetensi khusus yang diperlukan oleh industri untuk meningkatkan kebolehpekerjaan mereka dari golongan *vulnerable* di pasaran pekerjaan.

6. Sejak mula dilaksanakan pada Januari 2011 sehingga 30 Mei 2012, seramai 1,893 graduan menganggur telah diluluskan mengikuti program ini dengan bantuan kewangan berjumlah RM11.43 juta.

7. Kajian pengesanan yang dijalankan ke atas 914 pelatih yang mengembalikan Borang Kajian Keberkesanan program ini mendapati 93.98% (859) pelatih mendapat pekerjaan manakala selebihnya 6.12% (55) tidak berjaya mendapat pekerjaan.

Tuan Yang Di Pertua,

8. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, menurut hasil Kajian Pengesanan Graduan (*Tracer Study*) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2011, sebanyak 75.9% graduan telah bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian. Ini merupakan peningkatan sebanyak 2.6% berbanding dengan pencapaian pada tahun 2009 iaitu 73.3%, sekaligus mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh KPT iaitu 75%.

9. Walaubagaimanapun, KPT sentiasa mengambil langkah proaktif bagi mengurangkan pengangguran secara keseluruhannya. Antara langkah-langkah strategik yang diambil adalah seperti berikut:-

- i. memastikan program pengajian yang ditawarkan oleh IPTA adalah memenuhi kehendak pasaran dan industri;
- ii. kurikulum pengajian di IPTA disemak dan dikemas kini bagi memenuhi kehendak pasaran terutamanya bagi bidang yang mengalami perkembangan teknologi yang pesat seperti ICT. Setiap kursus baru juga perlu mendapat input dari industri serta menjalankan kajian pasaran sebelum diluluskan;
- iii. meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi ICT dan teknikal dalam melahirkan graduan yang mempunyai nilai tambah yang dapat membantu mereka dalam memenuhi kehendak pasaran;
- iv. memasukkan elemen keusahawanan dalam program pengajian supaya mereka boleh bekerja sendiri dan menjadi usahawan yang

mampu pula mewujudkan peluang pekerjaan;

- iv. mewajibkan latihan industri bagi memberikan lebih pengalaman dan meningkatkan kemahiran kepada pelajar; dan
- vi. penerapan pembangunan sahsiah, kemahiran insaniah dan komunikasi dalam program pengajian dan aktiviti kokurikulum, termasuk penguasaan berbahasa Inggeris dan bahasa-bahasa asing yang lain.

Tuan Yang di-Pertua,

- 10. Di samping itu, KPT turut mengadakan program kebolehpasaran graduan seperti Program GEMS (*Graduate Employability Management*

Scheme), *MIMOS Code 8* dan Program Pentauliahan Profesional (3P). KPT juga telah menggubal Dasar Pembangunan Keusahawan Institusi Pengajian Tinggi untuk menggalakkan dan memantapkan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik di kalangan IPT tempatan dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan serta melahirkan lebih ramai lagi usahawan siswazah yang bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi Negara. Pendidikan keusahawanan yang menerapkan nilai-nilai dan atribut keusahawanan ini juga dapat memupuk sikap berdaya saing, kreatif serta mempunyai kemahiran tinggi yang secara tidak langsung dapat menjadi penggerak bagi meningkatkan lagi kebolehpasaran pelajar.

SOALAN NO: 91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK]

TARIKH

13 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

91

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan keberkesanan program sejuta Komputer 1 Malaysia. Adakah ia menepati sasaran yang ditetapkan. Perincian peningkatan yang telah dicapai mengikut sasaran yang dicadangkan / diutarakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program Pemberian Komputer 1 Malaysia didasarkan bagi merapatkan jurang digital di antara masyarakat bandar dan luar bandar di samping meningkatkan kadar penembusan jalur lebar isi rumah. Kementerian mendapati Program Komputer 1 Malaysia ini telah mencapai objektifnya kerana berjaya meningkatkan tahap penggunaan dan langganan perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara terutamanya bagi penduduk di kawasan luar bandar.

SOALAN NO: 91

Di samping itu, terdapat juga peningkatan status sosio-ekonomi yang ketara bagi komuniti setempat kerana terdedah kepada pengetahuan teknologi maklumat melalui penggunaan komputer yang dibekalkan.

SOALAN 92

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. DATIN LINDA TSEN THAU LIN
[BATU SAPI]

TARIKH 13 JUN 2012

SOALAN Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:

Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membangunkan pelancongan di Sandakan sebagai pintu gerbang kehidupan liar di Borneo.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti Yang Berhormat Batu Sapi sedia maklum, Sandakan sememangnya terkenal sebagai pintu gerbang kehidupan liar di Borneo. Hidupan-hidupan liar seperti orang utan, monyet belanda (*Proboscis Monkey*), beruang matahari dan spesis-spesis burung endemik yang terdapat di Sandakan menjadi tarikan pelancong-pelancong untuk datang ke Sandakan.

Oleh itu, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kementerian Pelancongan telah memperuntukan sebanyak RM17,040,000.00 bagi melaksanakan lima projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan dan Pembangunan *Eco Tourism* di Sandakan seperti berikut:

- i. Pembangunan Kawag Riverside Lodge Di Hutan Simpan Ulu Segama, Sandakan (Dalam Pelaksanaan)
- ii. Pembangunan Mangrove Discovery Centre Di Sepilok Laut (Sudah Siap)
- iii. Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok, Sandakan (Dalam Pelaksanaan)
- iv. Pembangunan Pusat Konservasi Beruang Sepilok, Sandakan (Sudah Siap); dan
- v. Pembangunan Heritage Forest Park Di Rainforest Discovery Centre, Sepilok, Sandakan (Dalam Pelaksanaan)

Manakala semasa Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) pula, Kementerian Pelancongan telah memperuntukan sebanyak RM3,745,691.00 bagi melaksanakan dua projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Sandakan iaitu;

- i. Projek Pembangunan Pelancongan Sepilok Sandakan (Sudah Siap); dan
- ii. Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Jeti Bakkungan Kechil, Taman Pulau Penyu, Sandakan (Sudah Siap)

Dengan terlaksananya projek-projek pembangunan pelancongan ini, ianya dapat meningkatkan imej Sandakan sebagai pintu gerbang hidupan liar di Borneo.

No. Soalan : [93]

PR-1252-

L49565

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN WONG HO LENG [SIBU]

TARIKH

13 JUN 2012

SOALAN

Tuan Wong Ho Leng [SibU] minta

MENTERI LUAR NEGERI

menyatakan tindakan lanjutan

Kerajaan terhadap bekas Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush dan tujuh orang kunci-kuncunya selepas Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur (Kuala Lumpur War Crime Tribunal) memutuskan mereka bersalah kerana melakukan “Jenayah Seksaan dan Jenayah Perang”.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sibu di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Mahkamah Tribunal Jenayah Perang di Kuala Lumpur adalah satu inisiatif oleh, dengan izin, *Kuala Lumpur Foundation to Criminalise I/Var*(KLFCW), sebuah pertubuhan bukan kerajaan di Malaysia.

3. Kerajaan Malaysia tidak mengambil tindakan ke atas mana-mana pertubuhan bukan kerajaan yang mematuhi undang-undang di Malaysia dalam sebarang urusan dan inisiatifnya. Ini termasuk tidak mencampuri tangan dalam cadangan Mahkamah Tribunal Jenayah Perang untuk menghantar hasil siasatan dan keputusannya kepada Mahkamah Jenayah Antarabangsa (International Criminal Court - ICC), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN Security Council).

4. Sehubungan itu, Kerajaan Malaysia berpandangan bahawa Mahkamah Tribunal Jenayah Perang berhak untuk memajukan inisiatifnya

dalam membantah dasar-dasar yang membawa kepada peperangan serta dalam memupuk keamanan dan keadilan dengan apa jua cara yang tidak melanggar undang-undang Malaysia, negara-negara lain dan badan-badan antarabangsa berdasarkan kepada prinsip-prinsip organisasi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Malaysia sememangnya mendokong prinsip-prinsip teras hak asasi dan keamanan sejagat di fora antarabangsa dan serantau seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Komanwel dan ASEAN. Pendekatan yang diambil oleh Malaysia adalah memupuk proses konsultasi antara negara-negara dalam mencapai konsensus untuk memajukan hak asasi dan keamanan sejagat.

6. Kata sepakat antara negara-negara adalah penting untuk mencapai kerjasama dan keberkesanan komuniti antarabangsa dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk memajukan dan memelihara hak asasi dan keamanan yang adil dan saksama tanpa mengira negara maju atau negara membangun.

7. Kerajaan Malaysia tidak mempunyai bidang kuasa untuk

mengambil sebarang tindakan terhadap bekas Presiden Bush serta tujuh (7) kunci-kuncunya, hanya dengan berpandukan kepada keputusan Tribunal KLFCW. Walau bagaimanapun, Malaysia dari semasa ke semasa telah membantah semua jenis seksaan dan jenayah perang yang dilakukan oleh mana-mana individu dan negara melalui fora antarabangsa dan serantau serta juga secara dua hala.

Sekian, terima kasih

SOALAN

NO:94 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]

TARIKH : 13 JUN 2012

SOALAN

Tuan Sivarasa a/l K.Rasiah [Subang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah menyasat pembabitan syarikat bernama Terasasi Sdn. Bhd. yang ditubuhkan di Malaysia dan seterusnya di Hong Kong dalam penerimaan wang Euro 36 juta berkenaan dengan pembelian dua kapal selam Scorpene.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kes ini dalam tindakan SPRM. Walau bagaimanapun perincian kes tidak boleh didedahkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH

Minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan dan nilai projek-
projek Kerajaan Persekutuan terbengkalai mengikut negeri-negeri

dari tahun 2007-2012:-

- a) adakah Kementerian menyenarai hitam syarikat atau termasuk individu di syarikat tersebut; dan
- b) senaraikan projek kerajaan persekutuan bagi Daerah Muar dari 2007-2012 dan nilai projek

JAWAPAN

Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan semua projek pembangunan disiapkan mengikut tempoh yang dirancang. Sepanjang Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) iaitu dari tahun 2006 hingga tahun 2010, sejumlah 25,974 projek dilaksanakan dengan siling peruntukan berjumlah RM230 bilion. Manakala, sepanjang tempoh *Rolling Plan* Kedua (Tahun 2012) Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), sebanyak 5,006 projek dilaksanakan dengan siling peruntukan berjumlah RM98.8 bilion.

Walaupun terdapat projek yang berstatus lewat jadual, namun langkah-langkah agresif sentiasa diambil bagi memastikan tiada projek dikategori sebagai terbengkalai dan seterusnya mengikut jadual pelaksanaan. Sehingga kini, kemajuan projek berjalan lancar dan tidak ada projek terbengkalai di semua negeri.

Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Kerja Raya Malaysia boleh dikenakan tindakan tatatertib jika melakukan kesalahan. Terdapat pelbagai kesalahan-kesalahan yang lazim dilakukan oleh kontraktor diantaranya adalah mengemukakan maklumat palsu, kerja atau projek yang dijalankan tidak mengikut jadual dan pemansuhan kontrak / gagal menyiapkan kerja atau meninggalkan kerja.

Kontraktor-kontraktor yang telah ditamatkan kontrak kerja oleh agensi yang berkaitan akan dikenakan tindakan penahanan daripada menyertai atau menerima apa-apa tawaran yang dikeluarkan oleh Agensi Kerajaan sepanjang tempoh penahanan berkuatkuasa. Disamping itu juga, kesemua Ahli Lembaga Pengarah, Pemegang saham syarikat dan pemilik modal (perseorangan/perkongsi) juga akan disenaraihitamkan dalam tempoh tersebut. Tempoh penahanan yang dikenakan kepada syarikat adalah sehingga projek tersebut disiapkan oleh kontraktor lain dan sehingga syarikat menjelaskan segala tuntutan perbezaan kos jika ada akibat daripada pemansuhan projek tersebut.

Bilangan kontraktor yang telah dikenakan tindakan penahanan bermula dari tarikh 1 Januari 2007 sehingga 5 Jun 2012 bagi semua kelas adalah seramai 477 syarikat. Perincian adalah seperti di Lampiran 1.

Berdasarkan Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) sehingga 12 Jun 2012, sepanjang tempoh RMK-9, terdapat sebanyak 126 projek di Daerah Muar dengan jumlah peruntukan RM383,206,631. Manakala, dalam tempoh *Rolling Plan* Kedua RMK-10, terdapat sebanyak 38 projek dengan jumlah peruntukan RM 192,638,583 dilaksanakan di Daerah Muar. Senarai projek bagi Daerah Muar dalam tempoh pelaksanaan RMK-9 dan *Rolling Plan* Kedua RMK-10 adalah seperti di Lampiran 2.

STATISTIK KONTRAKTOR YANG DIKENAKAN TINDAKAN PENAHANAN
MENGIKUT
NEGERI DAN KELAS

| Negeri | KELAS AWAM | | | | | | KELAS ELEKTRIK' |
|-----------------|------------|-------------|----|----|-----|----|------------------|
| | A | I I S | mi | an | m u | m | ji imtah |
| Johor | 7 | 7 | 7 | 0 | 0 | 2 | 0 0 1 0 2 4 |
| Kedah | 7 | 2 | 5 | 5 | 6 | 16 | 0 0 1 1 4 3 |
| Kelantan | 16 | 3 | 3 | 6 | 3 | 11 | o o 3 o |
| Melaka | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 0 0 0 |
| Negeri Sembilan | 5 | 2 | 0 | 0 | 3 | 8 | o o o I I I |
| Pahang | 3 | 1 | 8 | 2 | 2 | 14 | o o i o ^ H \$ x |
| Perak | 5 | 4 | 16 | 7 | 2 | 20 | o o o o I |
| Perlis | 0 | 1 | 3 | 0 | 0 | 0 | o i o |
| Pulau Pinang | 5 | 5 | 1 | 2 | 1 | 1 | o o o o |
| Sabah | 5 | 2 | 1 | 3 | 4 | 2 | I o o o I o |
| Sarawak | 4 | 2 | 3 | 0 | 6 | 58 | o o o o |
| Selangor | 19 | 9 | 10 | 4 | 0 | 1 | o o o o |
| Terengganu | 17 | 3 | 11 | 12 | 5 | 26 | o o o o I |
| W. Persekutuan | 17 | 4 | 10 | 1 | 0 | 1 | o o o o |
| Jumlah | 111 | 45 rWiii | 79 | 42 | Sp | | |

LAMPIRAN 2

**SENARAI PROJEK DI DAERAH MUAR DALAM TEMPOH PELAKSANAAN
RMK-9 DAN RP-2 RMK-10**

| RMK-9 | | |
|--------------|---|---------------------------|
| BIL | NAMA PROJEK | SILING PROJEK (RM) |
| 1 | MAHKAMAH BARU MUAR | 83,980,000.00 |
| 2 | MENAIKTARAF DAN MEMPERBAIKI INFRASTRUKTUR ASAS KAWASAN PERINDUSTRIAN SEDIA ADA - MAJLIS PERBANDARAN MUAR, JOHOR | 3,320,900.00 |
| 3 | GELANGGANG RAKYAT KBS - MAHARANI | 318,000.00 |
| 4 | GELANGGANG RAKYAT KBS - SUNGAI BALANG | 318,000.00 |
| 5 | PONDOK POLIS BUKIT KANGKAR, MUAR, JOHOR | 2,609,342.00 |
| 6 | PONDOK POLIS KESANG, MUAR, JOHOR | 5,194,187.00 |
| 7 | PONDOK POLIS PARIT BUNGA, MUAR, JOHOR | 5,182,243.00 |
| 8 | KERJA-KERJATAMBAHAN DI MAKTAB TEKNIK PDRM BAKRI, MUAR, JOHOR | 5,250,000.00 |
| 9 | MENAIKTARAF JALAN MUAR - TANGKAK - SEGAMAT | 45,000,000.00 |
| 10 | JALAN PINTAS BANDAR MUAR (MUAR BYPASS) | 22,000,000.00 |
| 11 | MEWUJUDKAN PASUKAN PERGIGIAN BERGERAK BAGI S.M MUAR | 280,000.00 |
| 12 | SMKA MAAHAD MUAR | 28,849,390.31 |
| 13 | SMKA MAAHAD MUAR | 3,574,522.00 |
| 14 | SJK (T) Jalan Khalidi | 1,232,622.00 |
| 15 | SMKTengku Mahmood Iskandar | 559,210.00 |
| 16 | SMK Sultan Aluddin Riayat Shah | 1,069,760.00 |
| 17 | SMK Bandra Maharani | 490,410.00 |
| 18 | SMK PARIT BUNGA | 18,800.00 |
| 19 | SMK Pekan Baru | 880,000.00 |
| 20 | SK BANDAR MAHARANI | 50,000.00 |
| 21 | SK DUMPAR | 50,000.00 |
| 22 | SK JALAN YUSUF | 50,000.00 |
| 23 | SK PARIT KADZI | 50,000.00 |
| 24 | SK PARIT RAJA | 50,000.00 |
| 25 | SK PARIT PINANG SERIBU | 50,000.00 |
| 26 | SK PARIT BAKAR TENGAH | 50,000.00 |
| 27 | SK PARIT BAKAR DARAT | 50,000.00 |
| 28 | SK PARIT JAW A | 50,000.00 |

| | | |
|----|------------------------------------|--------------|
| 29 | SK PARIT SAMSU | 50,000.00 |
| 30 | SK PARIT PECHAH | 50,000.00 |
| 31 | SK PARIT LATIFF | 50,000.00 |
| 32 | SK PEKAN BAHARU | 50,000.00 |
| 33 | SK SERI JONG | 50,000.00 |
| 34 | SK SERI MENANTI | 50,000.00 |
| 35 | SK PARIT JAW A | 100,000.00 |
| 36 | SKORANGKAYA ALI | 30,000.00 |
| 37 | SK ISMAIL SATU | 30,000.00 |
| 38 | SMK DATO' SRI AMAR DI RAJA (INTEG) | 30,000.00 |
| 39 | SMKTENGGU MAHKOTA, MUAR | 30,420.00 |
| 40 | SMK DATOAMAR DI RAJA, MUAR | 203,494.00 |
| 41 | SMK SRI MENANTI, MUAR | 27,780.00 |
| 42 | SMKTINGGI MUAR, MUAR | 13,020.00 |
| 43 | SMK (P) SULTAN ABU BAKAR, MUAR | 3,922.00 |
| 44 | SKDUMPAR | 100,000.00 |
| 45 | SK PARIT KADZI | 100,000.00 |
| 46 | SK PARIT KEROMA | 100,000.00 |
| 47 | SK PEKAN BARU | 112,163.07 |
| 48 | SK PARIT JAW A | 109,168.07 |
| 49 | SK PARIT ZIN | 110,168.07 |
| 50 | SK SIMPANG 4 | 100,000.00 |
| 51 | SK ORANG KAYA ALI | 109,098.07 |
| 52 | SK ORANG KAYA ALI | 100,000.00 |
| 53 | SK ISMAIL (2) | 100,000.00 |
| 54 | SK SULTAN ABU BAKAR (1) | 100,000.00 |
| 55 | SKSUNGAI BALANG DARAT | 600,000.00 |
| 56 | SK ORANG KAYA ALI | 1,500,000.00 |
| 57 | SK TANJONG TOHOR | 278,000.00 |
| 58 | SKJALAN YUSOF | 2,181,780.00 |
| 59 | SK SULTAN ABU BAKAR 1 | 1,840,320.00 |
| 60 | SK PARIT PECHAH | 278,000.00 |
| 61 | SK ISMAIL 1 | 278,000.00 |
| 62 | SK PENDIDIKAN KHAS MUAR | 278,000.00 |
| 63 | SK PARIT RAJA | 3,458,280.00 |
| 64 | SK PARIT KEROMA | 3,734,050.00 |
| 65 | SMK SERI MENANTI | 4,359,705.32 |
| 66 | SMK SRI MUAR | 3,876,712.45 |
| 67 | SMK DATO' SRI AMAR DIRAJA | 5,576,093.25 |
| 68 | SEKOLAH TINGGI MUAR | 5,576,093.25 |
| 69 | SMK RAJA MUDA | 4,513,552.25 |

| | | |
|-----|---------------------------------|--------------|
| 70 | SMK TENGKU MAHKOTA | 2,107,886.88 |
| 71 | SK SERI JAMIL | 1,144,066.00 |
| 72 | SMK TENGKU MAHKOTA | 1,876,800.00 |
| 73 | SMK SERI MENANTI | 4,334,587.68 |
| 74 | PEJABAT PELAJARAN DAERAH MUAR | 3,922,688.00 |
| 75 | SK PARIT BAKAR TENGAH | 415,141.00 |
| 76 | SK PARIT RAJA | 550,000.00 |
| 77 | SK PEKAN BARU | 657,059.00 |
| 78 | SK PARIT KADZI | 118,993.00 |
| 79 | SK BANDAR MAHARANI | 168,993.00 |
| 80 | SK SERI JONG | 371,814.00 |
| 81 | SK PARIT PECHAH | 250,812.00 |
| 82 | SKSUNGAI BALANG DARAT | 293,416.00 |
| 83 | SK SERI JAMIL | 438,970.00 |
| 84 | SK PARIT BULAT | 495,103.00 |
| 85 | SK SERI MENANTI | 422,905.00 |
| 86 | SK PARIT JAW A | 187,928.00 |
| 87 | SK JALAN YUSOF | 1,215,069.00 |
| 88 | SK PARIT NAWI | 261,331.20 |
| 89 | SK TANJONG TOHOR | 92,918.00 |
| 90 | SEKOLAH TINGGI MUAR | 1,194,711.00 |
| 91 | SMK PEKAN BARU | 914,388.00 |
| 92 | SMK JALAN JUNID | 202,793.41 |
| 93 | SMK SERI MENANTI | 165,168.00 |
| 94 | SMK(P) SULTAN ABU BAKAR | 1,290,899.41 |
| 95 | SK JALAN YUSOF | 3,540,300.00 |
| 96 | SK PARIT BULAT | 2,373,702.00 |
| 97 | SK SULTAN ABU BAKAR 2 | 4,378,100.00 |
| 98 | SK SIMPANG 4 | 4,139,900.00 |
| 99 | SK PARIT SAMSU | 4,820,550.00 |
| 100 | SK SERI MENANTI | 5,188,400.00 |
| 101 | SK BANDAR MAHARANI | 3,990,500.00 |
| 102 | SK PARIT BAKAR DARAT | 7,243,000.00 |
| 103 | SK PARIT KADZI | 4,432,978.00 |
| 104 | SK SERI JONG | 3,482,753.00 |
| 105 | SMK CONVENT, MUAR | 50,000.00 |
| 106 | SK ST. JOSEPH | 120,000.00 |
| 107 | SJK (T) LADANG TANGKAK | 230,000.00 |
| 108 | SJK (T) LADANG SAGIL | 200,000.00 |
| 109 | SJK (T) LADANG BUKIT SERAM PANG | 150,000.00 |
| 110 | SJK (T) LADANG NORDANAL | 230,000.00 |

| | | |
|-----|--|-------------------------|
| 111 | SJK (T) JALAN KHALI DI | 1,020,000.00 |
| 112 | SJK (T) LADANG TANAH MERAH | 300,000.00 |
| 113 | SJK (T) LADANG LANODRON | 1,040,000.00 |
| 114 | TAMAN NEGARA JOHOR GUNUNG LEDANG FASA II, JOHOR | 3,200,000.00 |
| 115 | DEPOH SIMPANAN KEPERLUAN MANGSA BENCANA ZON SELATAN (MUAR, JOHOR) | 1,800,000.00 |
| 116 | DEWAN NUR MUAR, JOHOR | 1,110,000.00 |
| 117 | KERJA-KERJA Pengerukan untuk keselamatan pelayaran di Kuala-Kuala Sungai / Pelabuhan Kecil di Johor - Muar | 27,444,444.00 |
| 118 | PEMBINAAN SEMULA JETI Jabatan Laut di Muar, Johor. | 2,291,808.00 |
| 119 | PEMBAIKAN/ MENAIKTARAF JETI-JETI PENUMPANG DAN GUNASAMA untuk keselamatan Johor - Muar | 3,750,000.00 |
| 120 | PEMBANGUNAN PERTANIAN KAWASAN - PAGOH | 2,250,000.00 |
| 121 | NAIK TARAF TAMAN AWAM MAJLIS DAERAH TANGKAK, JOHOR | 187,150.00 |
| 122 | CADANGAN PEMBANGUNAN LANDSKAP PESISIR SG. MUAR, BANDAR MAHARANI, MUAR, JOHOR | 1,736,800.00 |
| 123 | PEMBANGUNAN LANDSKAP MAJLIS DAERAH TANGKAK, JOHOR | 500,000.00 |
| 124 | RTB BANDAR MUAR (MAHARANI) | 7,490,000.00 |
| 125 | RANCANGAN TEBATAN BANJIR MUAR | 9,500,000.00 |
| 126 | MENAIK TARAF PEJABAT TENAGA KERJA MUAR | 1,106,600.00 |
| | JUMLAH | RM383,206,631.69 |

RP-2 RMK-10

| BI L ! | NAM A PROJEK 1 | 1 SILING PROJEK (RM) |
|---------------|---|-----------------------------|
| 1 | MAHKAMAH BARU MUAR | 3,300,000.00 |
| 2 | NAIK TARAF DAN SENGARAAN PERALATAN LATIHAN/BANGUNAN INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN) PAGOH, JOHOR- PEMBAYARAN AKHIR | 52,000.00 |
| 3 | PEMBAIKAN CERUN DI IKBN PAGOH | 7,000,000.00 |
| 4 | GELANGGANG FUTSAL 1 MALAYSIA - BAKRI | 300,000.00 |
| 5 | GELANGGANG FUTSAL 1 MALAYSIA - MUAR | 300,000.00 |
| 6 | PENDAWAIAN SEMULA ELEKTRIK BANGUNAN TAHANAN DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK, MUAR | 41,000.00 |
| 7 | BALAI POLIS PAGOH, MUAR, JOHOR | 700,000.00 |
| 8 | CADANGAN PEMBINAAN GALERI MUZIUM POLIS BUKIT KEPONG, MUAR, JOHOR | 8,000,000.00 |
| 9 | NAIK TARAF PUSAT KEGIATAN MASYARAKAT SAGIL, TANGKAK, JOHOR | 3,000,000.00 |

| | | |
|----|--|---------------|
| 10 | KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA (KKTMM) LEDANG -BAYARAN AKHIR | 3,000,000.00 |
| 11 | PEROLEHAN PERALATAN DAN KELENGKAPAN KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA LEDANG | 28,000,000.00 |
| 12 | PENUBUHAN GIATMARA BAKRI | 407,820.00 |
| 13 | MENAIKTARAF JALAN TANGKAK - JASIN - BEMBAN - SERI NEGERI (PAKEJ 1 - TANGKAK KE SEMPADAN NEGERI MELAKA) | 1,000,000.00 |
| 14 | KLINIK KESIHATAN (JENIS 3) DENGAN KUARTERS, BAKRI, MUAR | 1,785,550.00 |
| 15 | PEMBINAAN BANGUNAN BLOKTAMBAHAN 6 BILIK DARJAH DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA MAAHAD MUAR, JOHOR | 968,634.18 |
| 16 | PEMBINAAN BARU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA PAGOH | 58,038,666.66 |
| 17 | PEMBINAAN BARU PEJABATGURU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUN PERAK DI DAERAH MUAR, JOHOR. | 1,172,845.80 |
| 18 | PEMBINAAN BARU TANDAS DI SEKOLAH KEBANGSAAN SERI JONG DI DAERAH MUAR, JOHOR | 311,767.50 |
| 19 | NAIKTARAF PADANG SEKOLAH DI SK GOMBANG, JOHOR | 118,983.54 |
| 20 | NAIKTARAF PADANG SEKOLAH DI SK BUKIT RAHMANT, DAERAH MUAR, JOHOR | 154,636.65 |
| 21 | NAIKTARAF PADANG SEKOLAH DI SK ISMAIL 1, JOHOR | 154,636.65 |
| 22 | NAIKTARAF PADANG SEKOLAH DI SMK PEKAN BHARU, JOHOR | 154,636.92 |
| 23 | CADANGAN MEMBINA SEBUAH DEWAN SERBAGUNA DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN DI SK BUKIT KEPONG, MUAR, JOHOR | 1,470,351.75 |
| 24 | PEMBINAAN SEKOLAH BARU SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL PAGOH DI MUAR | 58,520,052.00 |
| 25 | PEMBINAAN 1 KELAS PRASEKOLAH DI SEKOLAH KEBANGSAAN (PEREMPUAN) BANDAR TANGKAK, MUAR | 92,000.00 |
| 26 | PEMBINAAN 1 KELAS PRASEKOLAH DI SEKOLAH KEBANGSAAN SEROM 5, MUAR | 300,000.00 |
| 27 | PEMBINAAN SEBUAH GELANGGANG SERBAGUNA TERBUKA BERBUMBUNG SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI ABONG, MUAR | 448,800.00 |
| 28 | PEMBAYARAN AKAUN MUKTAMAD SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT RAJA, MUAR, JOHOR | 291,781.00 |
| 29 | PEMBAYARAN AKAUN MUKTAMADPEMBINAAN 4 BILIK DARJAH DLL KEMUDAHAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SRI MUAR, MUAR, JOHOR -BAYARAN AKHIR | 67,245.00 |
| 30 | PEMBAYARAN AKAUN MUKTAMAD PEMBINAAN 6 BILIK DARJAH DLL KEMUDAHAN DI SEKOLAH BARU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' SERI AMAR DIRAJA, MUAR, JOHOR | 268,285.00 |

| | | |
|----|--|--------------|
| 31 | PEMBAYARAN AKAUN MUKTAMAD PEMBINAAN 8 BILIK DARJAH DLL KEMUDAHAN DI SEKOLAH BARU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUN PERAK, MUAR, JOHOR | 181,767.00 |
| 32 | PEMBAYARAN AKAUN MUKTAMAD PEMBINAAN 6 BILIK DARJAH DLL KEMUDAHAN DI SEKOLAH BARU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SULTAN ALAUDDIM RIAYAT SHAH 1, MUAR, JOHOR | 68,668.64 |
| 33 | PEMBAYARAN AKAUN MUKTAMAD PEMBINAAN 6 BILIK DARJAH DLL KEMUDAHAN DI SEKOLAH BARU SEKOLAH TINGGI MUAR, MUAR, JOHOR | 353,389.00 |
| 34 | PEMBAYARAN AKAUN MUKTAMAD PEMBINAAN 4 BILIK DARJAH DLL KEMUDAHAN DI SEKOLAH BARU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN RAJA MU DA, MUAR, JOHOR | 89,900.64 |
| 35 | PEMBAYARAN AKAUN MUKTAMAD PEMBINAAN 6 BILIK DARJAH DLL KEMUDAHAN DI SEKOLAH BARU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR MAHARANI, MUAR, JOHOR -BAYARAN AKHIR | 74,965.51 |
| 36 | PEROLEHAN TAPAK BALAI BOMBA PAGOH, JOHOR | 150,200.00 |
| 37 | TAPAK PELUPUSAN BUKIT BAKRI, MUAR, JOHOR | 9,000,000.00 |
| 38 | PERPARITAN DI MUAR | 3,300,000.00 |
| | | |

SOALAN NO: 96

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

Tuan Salleh Kalbi [Silam]

TARIKH

13 Jun 2012 (Rabu)

SOALAN

Tuan Salleh Kalbi [Silam] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mempelopori bidang penternakan ulat sutera bagi menghasilkan bahan mentah tempatan untuk mengurangkan kos dalam pembuatan songket dan sutera supaya pengusaha tempatan tidak terbeban dengan kenaikan harga bahan mentah tersebut kesan bencana alam yang menimpa negara pengeksport seperti Jepun dan China.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Setakat ini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak mempunyai perancangan untuk mempelopori bidang penternakan ulat sutera bagi menghasilkan bahan mentah dalam pembuatan songket dan sutera.

NO. SOALAN :-98^{oft}

PERTANYAAN LISAN
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA DEWAN RAKYAT MALAYSIA
TUAN DING KUONG HUNG

[SARIKEI]

TARIKH 13 JUN 2012

RUJUKAN 4798

SOALAN:

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan rancangan Kerajaan membanteras kegiatan judi haram secara online melalui jalur lebar semakin hari semakin serius. Nyatakan juga akta-akta yang dikuatkuasakan untuk memerangi jenayah ini.
Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sarikei yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan amat peka dan sensitif kepada isu-isu permasalahan perjudian haram dalam negara. Kawalan ke atas aktiviti perjudian dilaksanakan

JAWAPAN :

melalui penggubalan akta dan peraturan yang diguna pakai di negara ini. Kerajaan sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang boleh menjejaskan imej negara.

Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah mengenalpasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian haram dan mendakwa mereka dibawah undang-undang yang berkaitan. Pihak PDRM turut mengambil tindakan ke atas pemain serta penganjur kegiatan perjudian haram dibawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan Akta Pertaruhan 1953. Selain daripada itu pihak PDRM turut mengadakan operasi-operasi berterusan ke atas tempat-tempat yang telah dikenalpasti menjalankan aktiviti perjudian haram. Bagi memastikan keberkesanan dan ketelusan pihak PDRM turut bekerjasama dengan lain-lain agensi kerajaan termasuk Suruhanjaya Tuan Yang Dipertua,

Antara undang-undang berkaitan yang digunapakai untuk mendakwa orang-orang yang terlibat dengan kegiatan judi haram ini adalah seperti berikut:-

- Akta Rumah Judi Terbuka 1953
- Akta Pertaruhan 1953
- Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998
- Enakmen Negeri-Negeri
- Akta Penggubalan Wang Haram 2001

Pencegahan Rasuah Malaysia serta Pihak Berkuasa Tempatan.
Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, keberkesanan usaha-usaha dan inisiatif yang diambil oleh pihak PDRM telah terbukti apabila mendapat pujian daripada pihak Interpol dimana pihak PDRM memainkan peranan penting dalam usaha Interpol membanteras kegiatan perjudian acara sukan secara haram terutamanya judi bola sepak. Timbalan Presiden Interpol Eropah Mirelle Ballestrazzi dalam kenyataan akhbar beliau telah memuji peranan dan kerjasama PDRM didalam '*Operation Soga*' yang berjaya menumpaskan sindiket perjudian haram yang dianggarkan berjumlah RM 7 Bilion dimana sepanjang 4 tahun lepas sehingga kini 2,200 serbuan dalam berjaya dilakukan dan 6,000 ahli sindiket telah ditangkap di seluruh dunia.

Pihak PDRM akan sentiasa menjalankan tugas dengan serius dan berusaha untuk mengesan dan mengekang kegiatan judi haram yang wujud di negara kita. Walaubagaimanapun langkah-langkah pencegahan bagi menangani masalah ini tidak boleh dipertanggungjawabkan keatas pihak berkuasa semata-mata. Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada orang ramai adalah perlu bagi memastikan jenayah ini dari terus berleluasa. Melalui pelaksanaan konsep '*Community Policing*' yang bertujuan untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat, pihak PDRM berharap program ini dapat memberi peluang kepada masyarakat untuk menerima polis sebagai rakan dan bersedia untuk bekerjasama mencegah jenayah dengan memberi maklumat-maklumat kejadian jenayah di persekitaran kawasan komuniti. Dalam pada itu, melalui program '*Rakan Cop*' juga telah memainkan peranan yang berkesan dalam tindakan polis berkaitan pencegahan jenayah, di mana orang awam boleh menghubungi polis untuk memberi maklumat berkaitan sebarang kejadian jenayah dengan menghantar SMS ke talian 32728 atau dengan panggilan ke talian Hotline 03-2115 9999 dan tindakan serta merta akan diselaraskan.

DARIPADA TUAN JOHN A/L FERNANDEZ

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 13 JUN 2012

Tuan John a/l Fernandez (Seremban) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk mengurangkan jumlah hutang negara yang semakin meningkat yang kini berjumlah lebih kurang RM456 bilion.

**JAWAPAN: PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2011, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM456.1 bilion atau 51.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan merupakan hutang dalam negeri yang berjumlah RM438.0 bilion atau 96.0 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang, manakala baki RM18.1 bilion atau 4.0 peratus merupakan hutang luar negeri.

2. Kerajaan akan terus mengamalkan pengurusan hutang yang berhemat bagi memastikan paras hutang yang terkawal dan mampu dibayar baik. Kerajaan komited untuk memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55 peratus daripada KDNK.

3. Kerajaan telah membayar balik hutang mengikut jadual yang ditetapkan tanpa kegagalan. Pada tahun 2011, jumlah bayaran khidmat hutang adalah sebanyak RM17.7 bilion atau 9.7 peratus daripada perbelanjaan mengurus.

4. Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan hutang Kerajaan Persekutuan ialah:

- (i) Memastikan jumlah hasil negara lebih daripada mencukupi bagi menampung perbelanjaan mengurus, dan pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai pebelanjaan pembangunan. Peningkatan hasil diperolehi melalui perkembangan aktiviti ekonomi serta peningkatan dalam pematuhan, penguatkuasaan dan pentadbiran cukai;
- (ii) Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mengelakkan pembaziran. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dalam tempoh jangka masa panjang;
- (iii) Memperbanyakkan program perkongsian awam-swasta

(public-private partnership) terutamanya bagi projek- projek berimpak tinggi seperti projek jalur lebar berkelajuan tinggi, koridor pembangunan wilayah dan infrastruktur pembangunan awam bagi menambahbaik kedudukan fiskal tanpa menjejaskan matlamat pertumbuhan dan pembangunan yang menyeluruh;

- (iv) Melaksanakan sistem pemantauan hutang yang komprehensif dengan pihak berkuasa memantau rapi paras dan struktur hutang serta obligasi melunaskan hutang secara keseluruhannya; dan
- (v) Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.

5. Dari segi Jaminan Kerajaan, dari semasa ke semasa Kerajaan memberikan jaminan kepada badan berkanun dan syarikat Kerajaan untuk meminjam bagi membiayai projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat. Kontigen liabiliti dipantau rapi di mana badan berkanun dan syarikat diwajibkan mengemukakan Laporan Jaminan Kerajaan kepada Kementerian Kewangan setiap suku tahun. Setakat ini, semua peminjam telah menyelesaikan obligasi mengikut jadual tanpa kegagalan.

NO. SOALAN: 99

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG]

TARIKH : 13 JUN 2012

SOALAN

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pelaburan untuk projek minyak dan gas di Sabah dan jangkaan manfaat yang dijana apabila semua projek berkenaan beroperasi sepenuhnya kelak.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini pihak PETRONAS sedang membangunkan lima projek huluan di Sabah iaitu Sabah Oil & Gas Terminal (SOGT); Sabah Sarawak Gas Pipeline (SSGP); Gumusut Kakap; Keabangan; dan Kinabalu Non Associated Gas (KNAG) yang akan beroperasi sepenuhnya bermula pertengahan tahun 2013 hingga 2014. Jumlah keseluruhan pelaburan adalah dianggarkan bernilai sebanyak RM36.5 bilion. Projek-projek ini dijangka akan memberi pulangan sampingan dari segi pembangunan modal insan, peluang perniagaan serta penyertaan dari syarikat-syarikat tempatan dan limpahan ekonomi untuk jangka masa panjang.

SOALAN NO: 100

PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA

DARIPADA PER
TAN
YAA
N
LISAN

TARIKH YB. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH
PANTAI]

RUJUKAN

SOALAN RABU, 13 JUN 2012
07 [PR-1252-L50533]

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan apakah perancangan jangka masa panjang Jalan Tun Sambathan di bawah Projek Little India. Nyatakan juga tempoh pengejalan laluan bas menerusi Jalan Sultan Abdul Samad dan jumlah sekolah dan tempat-tempat ibadat

yang terkesan.

SOALAN NO: 101

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai, Kementerian Wilayah Pesekutuan dan Kesejahteraan Bandar serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengadakan beberapa siri perjumpaan dengan Pertubuhan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO's) yang terlibat di kawasan berkenaan bagi mendapatkan pandangan mereka. Hasil daripada perjumpaan berkenaan, maka beberapa perubahan terhadap sistem lalulintas di kawasan itu telah dijalankan termasuklah sistem laluan bas. Maklumbalas yang diperolehi yang turut merangkumi kewujudan sekolah dan tempat ibadat di kawasan berkaitan serta tempoh percubaan untuk sistem laluan bas dengan tempoh sekitar tiga bulan yang telah dibuat tersebut, maka sistem yang dijalankan sekarang ini adalah dikira yang terbaik untuk kawasan Brickfields.

Selain daripada itu, DBKL juga telah membina tujuh (7) bonggol di kawasan laluan kenderaan di Jalan Sultan Abdul Samad yang merangkumi kawasan sekolah dan juga tempat beribadat di situ. Pembinaan bonggol ini adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan serta mengurangkan kelajuan kenderaan yang bergerak melalui jalan tersebut.

Oleh itu, sehingga kini Kementerian dan DBKL tidak mempunyai perancangan untuk mengubah skim aliran lalulintas di Jalan Tun Sambathan dan Jalan Sultan Abdul Samad tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, keseluruhan Projek *Little India* telah pun siap kecuali tempat letak kereta bertingkat yang sedang dalam pembinaan di bekas tapak Restoran *The Pines* yang dijangka siap pada penghujung tahun 2013 dan satu lagi juga dirancang untuk dibina di Jalan Sultan Abdul Samad.

NO. SOALAN: 101

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB
[MARAN]
TARIKH : 13 JUN 2012

SOALAN

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah dibiayai oleh 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) untuk pembangunan projek-projek di Malaysia semenjak ia ditubuhkan. Senaraikan beberapa pembangunan atau projek yang memberi impak besar terus kepada rakyat khususnya rakyat di akar umbi.

JAWAPAN

1MDB diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia untuk menerajui inisiatif ekonomi strategik

yang akan menghasilkan pembangunan jangka panjang yang mampan. Strategi 1MDB bagi mencapai mandat ini adalah melalui pelaburan di dalam:

- 1) Projek-projek yang menekankan kemajuan modal insan
- 2) Projek-projek pembangunan strategik jangka masa panjang

Contohnya Yayasan 1MDB, selari dengan nilai gagasan 1 Malaysia, menjadikan pendidikan, pembinaan kapasiti, pembangunan kemahiran dan lain-lain usaha sebagai fokus bagi memperkayakan kehidupan rakyat.

Antara projek-projek Yayasan 1MDB adalah Klinik Bergerak 1 Malaysia yang membawa kumpulan doktor dan jururawat memberi rawatan kesihatan asas percuma kepada penduduk-penduduk di pedalaman dengan menggunakan bas dan bot.

Dana Belia 1 Malaysia pula adalah sebuah dana yang bertujuan untuk menggalak penglibatan belia dalam pembangunan masyarakat. Projek Nadi Kasih pula membantu rakyat-rakyat termiskin di seluruh negara membaikpulih kediaman mereka yang usang.

Yayasan 1 MDB juga menyediakan pelbagai geran akademik dan bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar seluruh Malaysia, dari pelbagai latar belakang pendidikan,

termasuklah pelajar-pelajar sekolah agama rakyat negeri dan sekolah-sekolah vernakular.

Disamping projek berteraskan sosio-ekonomi ini, 1MDB juga menerajui projek jangka panjang untuk mengambil peluang ke atas pelaburan dan kepakaran antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi dan berinovasi.

Direka bentuk bagi memenuhi keperluan masa depan, KLIFD contohnya dikenalpasti oleh Kerajaan Malaysia sebagai Early Entry Point dalam Program Transformasi Ekonomi untuk mencapai lebih dua kali ganda pendapatan perkapita menjelang 2020.

Projek yang dianggarkan bernilai RM26 billion dan mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun ini mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hub kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan ia sebuah bandaraya global.

Bandar Malaysia pula adalah satu projek pembangunan bersepadu memajukan semula tanah Lapangan Terbang Sungai Besi yang akan menjadi ikon kepada kelestarian kehidupan di bandar Kuala Lumpur. Projek ini turut memperuntukkan sebahagian daripada keluasannya untuk membina Projek Perumahan Mampu Milik khusus kepada kumpulan eksekutif muda yang bekerja di kawasan bandar.

Sektor tenaga juga adalah salah satu sektor fokus 1MDB. Pembelian aset tenaga Tanjong Energy Holdings baru-baru ini merupakan langkah pertama bagi 1MDB ke arah memenuhi aspirasi Kerajaan untuk membina jaminan tenaga mampan dalam jangka panjang.

Sebagai syarikat hibrid milik kerajaan, 1MDB boleh memanfaatkan perkongsian awam-swasta dinamik bagi mengukuhkan lagi bekalan tenaga dengan mewujudkan pasaran yang lebih kompetitif seperti yang disarankan dalam Dasar Tenaga Baru.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

SOALAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD NOR BIN
OTHMAN**

(HULU TERENGGANU)

SOALAN : 102

TARIKH

13 JUN 2012

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

menyatakan bilangan kelas Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) seluruh Negara dan nyatakan kanak-kanak yang mengikuti pendidikan di Tabika KEMAS berkenaan serta bilangan guru Tabika berkenaan khususnya bagi mengukuhkan pendidikan masyarakat luar bandar.

JAWAPAN Tuan yang di-Pertua,

Sehingga 31 Mei 2012, bilangan Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) KEMAS seluruh negara ialah sebanyak 10,773

buah kelas, seramai 218,237 orang kanak-kanak berumur 4-6 tahun sedang mengikuti pendidikan di kelas Tabika KEMAS yang dibimbing oleh seramai seramai 10,711 orang guru (Pemaju Masyarakat Tabika) KEMAS .

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
SOALAN NO: 103

JAWAB LISAN

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati bin Othman [Pendang] 13 Jun 2012 (Rabu)

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati bin Othman [Pendang] minta MENTERI

PERTANYAAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berapakah
DARIPADA peruntukan kepada MADA untuk petani menghadiri program *Rural*
TARIKH *Transformation Centre* (RTC) pada 4 Mei 2012 di Kota Bharu
SOALAN Kelantan.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS

TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak menyediakan sebarang peruntukan kepada MADA bagi petani menghadiri program di RTC Kelantan. Pihak MADA hanya menggunakan peruntukan mengurus sedia ada berjumlah RM209.000 bagi pelaksanaan pameran pertanian dan produk - produk hasil usahawan bimbingan MADA.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' SRI ONG KA TING (KULAI) 13 JUN. 2012 (RABU)

TARIKH

104

SOALAN

Dato' Sri Ong Ka Ting (Kulai) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan bilangan perkembangan terkini projek landasan berkembar elektrik (EDTP) Gemas- Johor Baharu

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli YB, dokumen tender dan rekabentuk awalan telah dimuktamadkan. Kementerian Pengangkutan Malaysia dalam tindakan mengambil balik tanah yang terlibat dengan jajaran dan permohonan pengambilan balik tanah telah dikemukakan kepada Pejabat Pentadbir Tanah dan Galian (PTG) Negeri Johor.

SOALAN : 105

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN
2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

| | | |
|-----------------|---------------------------------------|-----------------------------|
| DARIPADA | PE RT AN YA AN | LISAN |
| TARIKH | | YB TUAN HASBI BIN |
| SOALAN | | HABIBOLLAH (LIMBANG) |
| | | 13 JUN 2012 |

**YB Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan pusat kemahiran KEMAS di Parlimen Limbang untuk kawasan utara Sarawak dan selatan Sabah.

**JAWAPAN Tuan
Yang di-Pertua,**

Pada masa ini kementerian belum ada perancangan untuk membuka pusat kemahiran bertauliah di Parlimen Limbang Sarawak, namun demikian KEMAS telah membuka 2 buah kelas kemahiran di parlimen tersebut iaitu

i. Kelas Jahitan

Pusat Kegiatan Masyarakat KEMAS Limbang
Jalan Muhibah
98700 Limbang Sarawak.

ii. Kelas Jahitan

Kampung Pabahanan Jalan Lapangan Terbang
98700 Limbang Sarawak.

2. Kelas-kelas kemahiran ini dilaksanakan secara Sijil Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pencapaian Pentauliahan Terdahulu (PPT).

3. Manakala bagi kelas-kelas kemahiran di selatan Sabah pula adalah seperti berikut:

A. Kelas Dandanan Diri :

- i. Pendidikan Kesejahteraan Keluarga
Seberang Papar, Sabah

B. Kelas Kemahiran Jahitan

- i. Kampung Kelanahan Rimba
Papar, Sabah
- ii. Kampung Seberang Benoni
Papar, Sabah
- iii. Kampung Nagapas
Papar, Sabah
- iv. PKM Beaufourt
- v. Kampung Malulugus
- vi. KEMAS Pekan Kuala Penyu
- vii. Kampung Jangkit Kuala Penyu
- viii. Kelas Jahitan PKM Sipitang
 - ix. Kampung Tudan baru (B) Keningau
 - x. Kampung Padang Tembak, Keningau
 - xi. Kampung TudanBaru, Keningau
 - xii. Kampung Melalap
 - xiii. Kampung Bunut Tenom

xiv. Skim Kampung Kuala Tomani

C. Kelas Kemahiran Masakan

i. Pusat Kegiatan Masyarakat
Beaufort Sabah

No. Soalan : [106]

PR-1252-L49636 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM BANDAR
BARU]

TARIKH 13 JUN 2012

SOALAN Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim
Bandar Baru] minta MENTERI LUAR
NEGERI menyatakan

- a) apakah tindakan yang diambil terhadap rakyat Malaysia yang mengadakan himpunan haram di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi baru-baru ini; dan
- b) adakah Kerajaan sudah mengenai pasti dalang-dalang dan mereka yang terlibat dengan himpunan haram itu. Jika ada sila berikan nama dan butiran mereka dan apakah himpunan haram itu akan atau telah memberi kesan kepada urusan ibadah haji dan umrah; dan apakah tindakan atau sikap Kerajaan Arab Saudi dalam isu ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk memberikan jawapan Yang Berhormat Libaran secara serentak dengan lapan (8) pertanyaan-pertanyaan yang menyentuh mengenai isu yang sama daripada:

- Yang Berhormat Kuala Krau pada giliran ke-88 dan Yang Berhormat Kulim **Bandar** Baru pada giliran ke-106 pada hari ini;
- Yang Berhormat Sri Gading dan Yang Berhormat Langkawi bertarikh 14 Jun 2012;
- Yang Berhormat Libaran bertarikh 18 Jun 2012;
- Yang Berhormat Sri Gading bertarikh 19 Jun 2012;
- Yang Berhormat Kuala Nerus bertarikh 20 Jun 2012; dan
- Yang Berhormat Jempol bertarikh 27 Jun 2012.

2. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat di atas pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerajaan Malaysia mengiktiraf undang-undang negara luar seperti mana kerajaan luar menghormati undang-undang di negara ini. Segala salah laku rakyat Malaysia di luar negara adalah tertakluk di bawah undang-undang negara tersebut. Seperti kebiasaan, Kerajaan tidak akan campur tangan ke atas sebarang tindakan yang di ambil oleh negara tersebut.

4. Kementerian Luar Negeri melalui Perwakilan-perwakilan di luar negara juga telah mengadakan perjumpaan dan memperingatkan rakyat Malaysia di luar negara untuk menghormati undang-undang negara yang mereka bermastautin atau kunjungi untuk urusan-urusan tertentu. Dengan menggunakan pendekatan ini, Kerajaan bukan sahaja dapat menyalurkan maklumat-maklumat kepada rakyat Malaysia tetapi pada masa yang sama membetulkan persepsi negatif serta menangkis fakta yang diputarbelitkan oleh golongan tertentu.

5. Kementerian Luar Negeri telah beberapa kali mengadakan perjumpaan dengan wakil media massa di dalam dan di luar negara bagi menerangkan isu-isu semasa di Malaysia khususnya untuk menerangkan dan menangkis cemuhan dan tuduhan yang tidak berasas yang memberi persepsi negatif terhadap negara ini. Perjumpaan ini adalah untuk membolehkan wakil media massa luar memperolehi fakta-fakta untuk melaporkan perkara sebenar.

6. Saya dengan kesalnya ingin menyatakan di sini, walaupun peringatan telah diberikan kepada rakyat Malaysia untuk menghormati undang-undang negara luar semasa mereka berada di sana, namun masih terdapat segelintir rakyat Malaysia yang

Tuan Yang di-Pertua,
tidak mempedulikan peringatan ini.

7. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, baru-baru ini, terdapat segelintir rakyat Malaysia yang telah melanggar peraturan-peraturan dan undang-undang negara Arab Saudi dengan mengadakan perhimpunan BERSIH 3.0 di Mekah dan Madinah pada 26 April 2012. Kedua-dua kota tersebut yang merupakan tempat-tempat suci bagi seluruh umat Islam telah dicemari kesuciannya oleh rakyat Malaysia berkenaan yang tidak bertanggungjawab.

8. Perhimpunan-perhimpunan di Mekah dan Madinah telah diaturkan oleh rakyat Malaysia yang bekerja di Arab Saudi dengan disertai oleh Ustaz Nasrudin Hassan Tantawi, Ketua Pemuda PAS di Mekah, dan Ustaz Mokhtar Senik, AJK Dewan Ulamak PAS di Madinah. Kebanyakan peserta-peserta perhimpunan tersebut adalah daripada kalangan pelajar-pelajar tajaan Kerajaan Arab Saudi, rakyat Malaysia yang bekerja di Arab Saudi, dan beberapa jemaah Malaysia yang mengerjakan Umrah.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Adalah jelas bahawa kedua-dua perhimpunan ini telah tidak disenangi oleh Kerajaan Arab Saudi. Pada 3 Mei 2012, Kedutaan Besarnya di Kuala Lumpur telah menyampaikan satu Nota Diplomatik kepada Kementerian Luar Negeri. Nota itu menegaskan supaya warga Malaysia mematuhi undang-undang Arab Saudi semasa berada di sana termasuk sewaktu menunaikan ibadah umrah dan haji.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Oleh sebab kedua-dua perhimpunan ini boleh mengeruhkan hubungan akrab yang telah terjalin sekian lama di antara Malaysia dan Arab Saudi, YB Menteri Luar Negeri telah mengadakan satu sidang akhbar pada 9 Mei 2012 di mana, YB Menteri Luar Negeri telah memaklumkan isi kandungan Nota Diplomatik dari Kedutaan Arab Saudi. YB Menteri Luar Negeri menyatakan kekesalan dan kekecewaan Kerajaan Malaysia terhadap perhimpunan-perhimpunan tersebut dan memperingatkan rakyat Malaysia untuk menghormati undang-undang Arab Saudi ketika mereka berada di sana. Perhimpunan-perhimpunan tersebut boleh mengancam kuota Haji serta penghormatan dan layanan yang dinikmati oleh jemaah Malaysia ketika menunaikan ibadah di Tanah Suci.

11. Semasa YB Menteri Luar Negeri menghadiri dengan izin, *Friends of Yemen Ministerial Meeting* di Riyadh pada 23 Mei yang lalu, YB Menteri Luar Negeri telah mengambil kesempatan untuk mengadakan pertemuan dengan Yang Teramat Mulia Putera Saud Al Faisal, Menteri Luar Negeri Arab Saudi. YB Menteri Luar Negeri telah menyampaikan kepada beliau pendirian Kerajaan Malaysia yang menentang tindakan segelintir rakyat Malaysia yang

mengambil bahagian dalam perhimpunan BERSIH 3.0 di Mekah dan Madinah. YB Menteri Luar Negeri juga telah melahirkan harapan Kerajaan Malaysia agar perhimpunan-perhimpunan tersebut tidak akan menjejaskan hubungan akrab di antara Malaysia dan Arab Saudi. Dalam respon beliau, Yang Teramat Mulia Menteri Luar Negeri Arab Saudi telah menyatakan bahawa hubungan antara kedua buah negara akan tetap kukuh.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Pada 28 Mei 2012, Kedutaan Besar Arab Saudi di Kuala Lumpur telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar yang menyatakan bahawa rakyat Malaysia boleh terus menunaikan ibadah Umrah dan Haji seperti sediakala. Pada masa yang sama, Kerajaan Arab Saudi juga mengingatkan agar rakyat Malaysia tidak melibatkan diri dalam sebarang aktiviti yang berbau politik dan menghormati kesucian Mekah dan Madinah.

13. Adalah jelas dari Nota Diplomatik dan kenyataan akhbar Kedutaan Arab Saudi yang saya sebutkan tadi bahawa Kerajaan Arab Saudi memandangkan serius akan perhimpunan-perhimpunan tersebut walaupun setakat ini tiada tindakan diambil oleh Kerajaan Arab Saudi terhadap mereka yang terlibat. Perkara ini tidak boleh dipandang ringan atau remeh oleh kita semua. Tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab boleh menjejaskan seluruh jemaah Umrah dan Haji Malaysia.

14. Janganlah kita terlalu taksud dengan fahaman politik kita sehinggakan sanggup mencemari kesucian tempat-tempat suci Islam di Mekah Al-Mukarramah dan Madinah Al-Munawwarah.

Tuan Yang di-Pertua,
Kerajaan bersyukur kerana Malaysia mempunyai hubungan yang istimewa dengan Arab Saudi hasil dari hubungan erat antara YAB Perdana Menteri dengan Yang Teramat Mulia Raja Abdullah.

Tuan Yang di-Pertua,

15. Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan faham, kita semua haruslah menghormati undang-undang negara yang kita lawati, termasuklah Arab Saudi. Justeru itu, saya ingin menegaskan supaya tidak ada pihak yang melakukan sesuatu yang boleh mencemarkan imej dan nama baik negara semasa berada di luar negara untuk menjamin hubungan dan kerjasama yang baik lagi akrab yang sedia terjalin di antara Malaysia dan negara-negara lain termasuk Arab Saudi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANG LIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH
[KALABAKAN]

TARIKH : 13 JUN 2012

SOALAN

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta PERDANA MENTERI menyatakan semasa letupan loji Petronas di Terengganu, mangsa-mangsa kebakaran dibayar gantirugi oleh PERKESO. Selain daripada PERKESO adakah Kerajaan Terengganu atau Petronas memberi saguhati kepada mangsa-mangsa tersebut.

JAWAPAN

NO. SOALAN: 107

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mangsa-mangsa insiden di Loji Pemprosesan Gas, PETRONAS Gas Berhad (PGB) merupakan pekerja-pekerja kontraktor yang telah dilantik oleh pihak PGB untuk menyelaraskan kerja-kerja di loji tersebut. Pihak PETRONAS dan PGB telah bekerjasama dengan pihak kontraktor untuk memastikan bahawa segala bantuan telah diberikan kepada pekerja-pekerja dan keluarga mereka.

NO. SOALAN:

108 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :
LISAN

DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [KUBANG KERIAN]

TARIKH : 13 JUN 2012

SOALAN

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa banyak kapal sokongan luar pesisir (OSV) yang diperlukan untuk industri minyak dan gas negara, berapa yang didaftarkan di Malaysia dan nyatakan berapa banyak yang dimiliki Bumiputera dan berapa banyak yang dimiliki bukan Bumiputera.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Mac 2012, terdapat sebanyak 155 buah kapal sokongan luar pesisir (OSV) yang telah dibekalkan kepada kontraktor-kontraktor *Production Sharing Contract* (PSC) di Malaysia. Daripada

jumlah tersebut, sebanyak 153 buah OSV telah dibekalkan oleh syarikat Bumiputera manakala 2 buah lagi oleh syarikat bukan Bumiputera. Syarikat-syarikat tersebut adalah pemilik OSV ataupun ejen OSV yang berdaftar dengan PETRONAS.

KJ0 - SoAt-ArM *• |OS

|OOr-AtHVI-r445-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

| | | |
|--------------|--|------|
| PERTANYAAN : | LISAN | |
| DARIPADA | TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT] | |
| TARIKH | 13 JUN | 2012 |
| RUJUKAN | 4799 | |

SOALAN:

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan semenjak tahun 2008, berapa banyakkah permohonan yang telah dipohon untuk mendapatkan status kewarganegaraan yang diterima dan berapa banyakah permohonan diluluskan atau permohonan ditolak. Jika permohonan

ditolak, nyatakan sebabnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jumlah permohonan taraf kewarganegaraan yang diterima oleh Kementerian sejak tahun 2008 sehingga 31 Disember 2011 adalah sebanyak 62,309 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 29,484 permohonan telah diluluskan manakala bagi permohonan yang ditolak adalah kerana tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang diperuntukkan dalam Jadual Kedua Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM

[KUALA KEDAH]

TARIKH 13 JUN 2012

SOALAN:

SOALAN NO. 110

TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan akan menerima kehadiran pasukan pemerhati luar negara sewaktu Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) ini memandangkan Malaysia telah pun menghantar pasukan pemerhati ke Myanmar pada April lalu bagi memantau proses mengundi di negara itu bagi memastikan pilihan raya yang adil dan bebas.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah menjemput negara luar seperti Indonesia, Thailand, Bosnia dan beberapa buah negara lagi sebagai pemerhati antarabangsa. Namun masih belum menerima sebarang jawapan daripada mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR juga sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa buah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk bergabung menjadi satu pasukan pemerhati dalam negeri pada Pilihan Raya Umum ke-13. Penggabungan itu kelak memudahkan

SOALAN NO. 110

mereka sebagai satu pasukan dan menjadi pemerhati di 222 buah kawasan Parlimen seluruh negara.

Pemilihan NGO itu menepati etika dan syarat-syarat yang ditetapkan sebagai pemerhati, antaranya mereka tidak berpihak kepada parti politik, tidak mengganggu proses pilihan raya dan menghantar laporan secepat mungkin kepada SPR.

Di samping itu, pemerhati dari luar negara juga perlu menepati etika dan syarat yang ditetapkan iaitu antara lain adalah seperti tidak berpihak dengan parti politik dan tidak campur tangan dalam proses pilihan raya.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]

TARIKH : 13 JUN 2012

SOALAN:

Tuan Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah- langkah Kerajaan Persekutuan untuk menyelaraskan program penebatan banjir di negeri Selangor. Berapakah jumlah peruntukan yang telah disediakan untuk negeri Selangor bagi tahun 2011 dan 2012 dan berapakah jumlah yang telah disalurkan bagi suku tahun pertama 2012.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah untuk menyelaraskan program tebatan banjir di negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah menjalankan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir serta Pelan Induk Saliran Bandar / Saliran Mesra Alam. Kajian-kajian yang telah dilaksanakan ialah:

- i. KajianPelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Damansara;
- ii. Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Klang;
- iii. Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Kajang; dan
- iv. Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Sri Kembangan / Sg. Besi.

Antara tujuan kajian-kajian tersebut adalah untuk mengenai pasti dan

mengesyorkan kaedah-kaedah terbaik secara bersepadu bagi mengatasi kejadian banjir. Reka bentuk terperinci akan dilaksanakan setelah kajian tersebut siap dan seterusnya langkah-langkah struktur dan bukan struktur akan dilaksanakan mengikut peruntukan yang disediakan untuk mengatasi masalah banjir di kawasan-kawasan berkenaan di negeri Selangor. Hasil dan syor kajian-kajian ini juga diedarkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat untuk tindakan selanjutnya terutama untuk menangani kejadian banjir kilat di kawasan bandar.

Jumlah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk pelaksanaan projek-projek tebatan banjir di negeri Selangor adalah sebanyak RM 22.4 juta pada tahun 2011 dan RM 24.9 juta pada tahun 2012. Jumlah yang telah disalurkan bagi suku tahun pertama 2012 adalah sebanyak RM 16 juta.

Sekian, terima kasih.